



Chenta Hati Publications

**Antara Cinta,
Dendam & Air Mata**

HAPUSKAN DENDAM ITU AGAR TERBIT RASA
CINTA DI ANTARA KITA....

ANTARA
CINTA,
DENDAM DAN
AIR MATA

CHENTA HATI
PUBLICATIONS

PENAFIAN

Jalan cerita yang terkandung di dalam novel ini adalah hasil karya asal penulis. Watak-watak yang terdapat di dalam novel ini termasuk ilustrasi kulit luar adalah hasil kreatif penulis dan illustrator semata-mata. Semua jalan cerita yang dipaparkan adalah rekaan semata-mata dan tidak mempunyai kaitan antara yang hidup ataupun yang telah meninggal dunia.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Hak cipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluarkan mana-mana bahagian untuk diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa alatan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Chenta Hati Publications.

Nama Syarikat : Chenta Hati Publications

Alamat Syarikat : Lot 1963, Kampung Tok Burung, 16030, Bachok, Kelantan.

EISBN 978-967-17747

KATA PENGANTAR

Segala puji syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T di atas limpahan rahmat dan kurniaNya membolehkan kami untuk menyelesaikan novel Antara Cinta, Dendam dan Air Mata dalam versi digital (ebook).

Antara Cinta, Dendam dan Air Mata ditulis adalah untuk dititipkan kepada insan di luar sana yang hidup dalam cinta. Jatuh cinta adalah suatu anugerah yang datang tanpa kita sedari. Pelbagai perasaan akan mula bercampur baur menjadi satu. Novel ini mengisahkan perjalanan kehidupan seorang manusia yang bernama wanita. Makhluk yang dijadikan Tuhan untuk dilindungi oleh kaum Adam namun bagaimanakah jika amanah itu dipersia-siakan?. Detik-detik kehidupannya diselimuti dengan kehampaan namun ia tetap dijalani dengan penuh tabah.

Cinta diibaratkan cahaya rembulan yang akan menerangi setiap malam-malam yang gelap. Ia bagaikan kerdipan bintang yang pastinya akan menghiasi luasnya langit hitam. Namun hadirnya sebuah dendam telah melenyapkan lembutnya cinta nan suci. Dendam telah mengubah segala rasa, dari cinta ia bertukar menjadi benci. Mimpi yang indah itu sudah tiada lagi, apa yang ada cumalah air mata yang penuh dengan episod duka.

Itulah perjalanan cinta yang harus dilalui selagi bergelam manusia. Manusia yang hidup tanpa kehadiran cinta adalah manusia yang kosong. Manusia yang sepi. Dendam hanya akan membutuhkan mata hati dan nurani. Dendam yang dipenuhi dengan api kebencian hanya akan membawa manusia kepada kehancuran. Hapuslah dendam itu dengan air mata agar terbitnya sebuah rasa yang dinamakan cinta. Antara Cinta, Dendam dan Air Mata, pilihlah cinta agar dendam itu akan segera lenyap terhapus dari hati ini. Biarlah air mata itu berlalu, kadang-kala air mata itu juga mampu untuk menjadi senjata yang paling ampuh buat manusia untuk melawan rasa duka. Tidak pernah Allah jadikan air mata itu sebagai sesuatu yang sia-sia melainkan terlindung sebuah kekuatan di sebaliknya.

Penulis...

Mutiara

ISI KANDUNGAN

Kulit Depan Novel	1
Judul Novel	2
Kata Penafian & Hak Cipta Terpelihara	3
Kata Pengantar	4
Bab 1.....	7-31
Bab 2.....	32-52
Bab 3.....	53-69
Bab 4.....	70-89
Bab 5.....	90-109
Bab 6.....	110-128
Bab 7.....	129-146
Bab 8.....	147-169
Bab 9.....	170-183
Bab 10.....	184-198
Bab 11.....	199-219
Bab 12.....	220-230
Bab 13.....	231-243
Bab 14.....	244-264

Bab 15.....	265-283
Bab 16.....	284-302
Bab 17.....	303-325
Bab 18.....	326-346
Bab 19.....	347-367
Bab 20.....	368-396
Bab 21.....	397-417
Bab 22.....	418-438
Bab 23.....	439-463
Bab 24.....	464-484
Bab 25.....	485-508
Bab 26.....	509-529
Bab 27.....	530-550
Bab 28.....	551-572
Bab 29.....	573-593
Bab 30.....	594-622
Kulit Novel Belakang.....	623

BAB 1

"Mak!! mak!!." Teriak Ayuni, bibirnya lantang menyebut perkataan mak. Tiba-tiba Ayuni terasa seolah-olah dirinya sedang dihampiri oleh seseorang dari arah belakang. Gadis itu segera menoleh dan matanya terpanah tepat ke arah satu susuk tubuh seorang wanita yang lengkap dilitupi kain telekung berwarna putih. Wanita itu kemudian mengukir senyuman mesra ke arahnya.

"Mak, Ayu rindukan mak." Ucap Ayuni dengan riak wajah yang hiba. Tubuh wanita tua itu juga turut dipeluknya erat seolah-olah tidak mahu dilepaskan lagi. Rambut Ayuni kemudian diusap lembut malah dahinya juga dikucup mesra oleh sang ibu.

"Mak pun rindukan Ayu." Jawab Azizah sambil tersenyum nipis. Air mata yang mula mengalir keluar membasahi wajah polos Ayuni itu turut dihapus oleh Azizah.

"Kenapa Ayu menangis sayang?." Soal Azizah kepada anak gadisnya.

"Ayu sedih mak! kenapa Allah rampas mak dari Ayu?? belum puas rasanya untuk Ayu bermanja dengan mak! dibelai oleh mak! kenapa mak tinggalkan Ayu? mak tak sayangkan Ayu ke?? kenapa takdir tu terlalu kejam sehingga sanggup memisahkan kita berdua?." Rintih Ayuni dalam tangisan air mata. Azizah yang mendengarkan kata-kata dari anaknya itu sekali lagi mengukir senyuman di bibir sebelum kembali menyambung bicara.

"Ayu, mak sentiasa ada bersama Ayu meskipun kita tak boleh bersama secara zahir tapi kita akan tetap bersama secara batin, itu ikatan antara kita kerana Ayu adalah anak mak dan mak adalah ibu Ayu.... tiada siapa yang boleh pisahkan kita berdua nak, ingatlah mak dalam doa Ayu dan mak di sini akan sentiasa merindui anak mak." Pesan Azizah dengan penuh kelembutan. Hati Ayuni kembali lega saat mendengarkan kata-kata yang cukup indah itu. Tubuh wanita tua itu sekali lagi dipeluknya erat namun entah mengapa, tiba-tiba saja jasad wanita yang dikasihinya itu mula menghilang dari dakapannya. Ayuni berasa kaget dengan keadaan itu lantas dia terus menjerit memanggil ibunya.

"Mak!! mak!! mak!!." Teriak Ayuni lantas terus tersedar dari lenanya yang panjang. Ayuni mengucap dua kalimah syahadah sambil tangannya mengurut-urut dadanya berulang kali. Debaran itu terasa semakin hangat. Dia beristighfar, rupa-rupanya itu hanyalah mimpi. Azan

subuh sudah mula kedengaran, gadis itu kemudian bangkit dari katilnya untuk menuju ke bilik air kerana mahu mengambil wuduk.

"Ya Allah....."

"Aku begitu merindui ibuku....aku begitu merindui dia....."

"Engkau berikanlah kasih sayangMu kepadanya agar dia sentiasa berbahagia di sana...."

"Engkau jauhkanlah dia dari terkena seksa api nerakaMu..."

"Engkau tempatkanlah dia bersama orang-orang yang Engkau cintai..."

"Amin....."

Tangis Ayuni di dalam doanya. Linangan air mata yang mengalir keluar itu segera dihapusnya. Ayuni tetap mengukir senyuman. Dia bahagia kerana dapat bertemu dengan arwah ibunya walaupun itu hanyalah sekadar mimpi.

Nurul Ayuni binti Ismail nama diberi, nama yang cukup indah untuk diungkapkan maksudnya namun ia hanya sekadar indah pada nama saja tetapi tidak di dalam sebuah perjalanan yang bernama 'kehidupan'. Ayuni dilahirkan dari sebuah keluarga yang miskin, kais pagi makan pagi kais petang malam baru boleh makan dan itupun kalau ada makanan. Kadang-kadang tu dia terpaksa mengikat perut untuk menahan lapar. Ayahnya, Pak Mail telah menikahi Maimon dua tahun selepas kematian ibunya. Setahun kemudian, Maimon telah melahirkan seorang anak perempuan hasil dari pernikahannya bersama Pak Mail. Anak perempuan itu dinamakan Nurul Alisa. Ayuni juga memiliki seorang abang tiri, Muaz iaitu anak lelaki Maimon dari perkahwinannya yang terdahulu. Abang tirinya, Muaz yang selalu dianggap akan menjadi 'pelindung' buat dirinya bagi menggantikan posisi ayahnya ternyata harapan pagar, pagar makan padi kerana lelaki keparat itu sudah berulang kali cuba untuk meragut mahkota kesucian Ayuni namun mujurlah Tuhan masih memberikan dia satu kekuatan untuk selalu mempertahankan maruahnyanya dari diragut oleh seorang lelaki yang bernama 'abang'. Abang tirinya itu telah berkahwin dalam usia yang muda tapi memang dasar manusia yang bertunjangan nafsu binatang, adik tirinya itu juga yang dia gilakan. Mereka berenam hidup di dalam sebuah rumah usang yang ditinggalkan arwah ibunya. Maimon pula?. Ayuni sering mendengar kata-kata yang selalu dibicarakan oleh kebanyakan orang bahawa ibu tiri itu lebih sinonim untuk digelar sebagai 'mak lampir' kerana kebusukan hatinya yang sering

menganiayai anak tiri. Dulu Ayuni mencurigai akan kata-kata itu namun kini dia sudah mula untuk mempercayainya kerana dari dulu sehingga sekarang Maimon begitu membenci kewujudannya. Jika ditanya apakah yang dia mahukan dalam kehidupan ini, Ayuni hanya akan menjawab satu sahaja iaitu 'dia ingin bahagia'. Bukan harta mahupun kedudukan yang dia dambakan dan bukan juga populariti yang dia kejar tetapi cukuplah baginya jika dia dapat merasakan bagaimana untuk menyayangi dan juga disayangi, bagaimana untuk mencintai dan juga dicintai dan bagaimana rasanya untuk mengasihi dan dikasihi. Itulah definisi bahagia bagi dirinya. Andai Ayuni memilikinya, dia merasakan bahawa dia telah memiliki seluruh isi yang ada di dalam dunia ini.

Setiap pagi, sebelum berangkat ke tempat kerja, Ayuni akan menyiapkan sarapan untuk Maimon dan adiknya, Nurul Alisa. Itulah rutin yang terpaksa dilalui oleh Ayuni semenjak kematian ibunya dalam tragedi kebakaran kira-kira 22 tahun yang lalu malah peristiwa kebakaran itu masih lagi segar dalam ingatannya. Tidak mungkin Ayuni boleh melupakan kejadian yang telah meragut nyawa ibunya dan juga yang telah mencacatkan sebahagian wajahnya. Selama 22 tahun, Ayuni terpaksa menelan segala tomahan dan cacian dari penduduk kampung. Dirinya sering diejek dan digelar dengan panggilan 'hantu kubur' gara-gara sebelah wajahnya yang melecur akibat dijilat api. Namun Ayuni pasrah, dia redha dengan ketentuan Ilahi. Mujurlah Pak Mail masih ada di sisi, ayahnya itulah tempat untuk Ayuni menumpang kasih bagi mengubati segala duka di hati.

"Heiiii puntianak harum sundal malam!! sarapan untuk aku dah siap ke belum?." Tanya Maimon kepada anak tirinya dalam nada suara yang kedengaran agak keras.

"Errrrr sekejap mak cik, Ayu tengah hangatkan lauk ni." Jawab Ayuni tanpa memandang ke arah Maimon. Wanita yang berbadan gempal itu terus mencekak pinggang sambil menghayunkan langkah untuk menghampiri gadis malang itu.

"Sekejap mak cik!! sekejap mak cik!! heii kau ingat aku ni apa hah?? kucing kurap?? tergamak kau nak bagi aku makan sisa-sisa lauk yang semalam!! heiii ini Maimonlah!! Maimon anak Pak Daud tak makanlah lauk yang dah basi nanti tak pasal-pasal pulak usus dalam perut aku ni kena sembelit disebabkan makanan kau yang busuk tu! sekarang ni aku tak kira! aku nak kau masak lauk yang baru untuk aku! aku tak nak makan lauk yang semalam! faham?!" Herdik Maimon dengan biji matanya yang hampir saja tertonjol keluar.

"Errrr tapi mak cik, Ayu dah lambat nak pergi kerja ni.... Ayu takut kalau lambat nanti Kak Pah bising pulak." Jelas Ayuni, cuba untuk memohon pengertian dari wanita itu. Maklumlah, dia pun hanya bekerja makan gaji dan bukannya jadi bos sendiri.

"Ehhh ada aku kisah?? peduli apa aku!! apa yang aku tahu sekarang ni perut aku dah lapar! aku nak makan!! perut aku ni dah menjerit terlolong melalak sana sini 'memintak' untuk diisi!! dah! dah! kau tak payahlah nak tercegat kat situ dengan muka kau yang macam simen bancuh tak siap tu!! naik menyampah pulak aku tengok!! sebelum tapak kaki aku saiz 8 ni terbang tegak naik melekat kat atas dahi kau yang menggerutu tu lebih baik kau pergi masak sekarang!! aku nak makan!! cepat!!" Arah Maimon. Ayuni terdiam seketika. Dia serba salah. Matanya sering mengerling ke arah jam yang tergantung di dinding. Masa yang berbaki hanya tinggal 10 minit saja lagi dan jika dia terlewat walau hanya 1 minit, pasti gajinya hari ini akan dipotong oleh Latifah.

"Kenapa dengan awak ni, Mon? pagi-pagi buta lagi awak dah bising! memekak tau tak!." Marah Pak Mail kepada isterinya.

"Macam mana saya tak bising bang? dah anak dara awak ni pemalas!! pagi buta apanya bang?? tu tak nampak ke?? matahari dah naik mencanak pun dia masih tak sediakan sarapan untuk saya!! huh!! kalau macam inilah gayanya, memang saya mati kebulurlah jawabnya nanti!." Bidas Maimon sambil tarik muka.

"Huh awak ni kan, kuman seberang laut awak nampak tapi gajah depan mata awak, awak buat-buat tak nampak! tu yang tengah membongkang kat dalam bilik tu awak tak nak bising pulak? anak dara awak tu bila nak bangun? tunggu sampai pukul 12 tengah hari baru dia nak bangun? menantu kesayangan awak tu pulak buat apa? sepatutnya dia yang sediakan sarapan untuk awak! kan awak ni ibu mentua dia tapi tak!! anak saya jugak yang awak nak perhambakan!." Marah Pak Mail kepada isterinya. Maimon terdiam seketika. Lidahnya terasa kelu untuk berbicara kerana apa yang diperkatakan oleh suaminya sebentar tadi adalah benar belaka. Anak gadisnya, Alisa kerjanya hanya tahu membuta saja bukannya mahu mencari kerja. Dari dulu sampai sekarang, alasan yang sering diberikannya adalah baru saja tamat SPM dan tengah tunggu tawaran kolej sampaikan usia dah nak masuk 20 tahun pun masih lagi mahu menunggu tawaran belajar. Menantunya pula?. Hummm anak jantannya itu kerja pun tiada tapi dah gatal nak berbini. Nak cari rumah sewa tapi nak bayar pakai apa?. Terpaksalah anak menantunya itu menumpang teduh di rumah yang sempit ini bagi berlindung dari terkena panas dan hujan. Makan kedarah pun semua harapkan duit menoreh Pak Mail dan

gaji Ayuni yang tidak seberapa. Jika disuruh mencari pekerjaan, ada saja dalihnya!. Banyak sangat alasannya!. Menantunya pula sudahlah tidak bekerja, pemalas pulak tu! sampaikan pakaian dan pinggan yang dia makan pun Maimon yang terpaksa cuci jika Ayuni pulang lewat dari kerja. Tiga mangkuk hayun itu memang memeningkan kepala Maimon.

"Hah Ayu, kamu biarkan je kat situ nanti biar ayah yang tolong kemaskan! kamu pergilah kerja dulu nanti terlambat pulak." Ujar Pak Mail kepada anak gadisnya. Ayuni tidak mempunyai pilihan lain selain membiarkan saja lauk yang dipanaskannya tadi berada di dalam kuili kerana dia harus segera menuju ke warung Kak Pah.

"Errr ayah, Ayu pergi dulu ye....assalamualaikum." Tuter Ayuni sambil menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan ayahnya.

"Walaikumussalam." Jawab Pak Mail ringkas.

Awan hitam kelihatan berarak perlahan-lahan di dada langit dan angin pula sedang bertiup kencang menerbangkan dedaunan kering yang bertebaran di atas lantai bumi menandakan hari hendak hujan. Ia sama seperti apa yang dirasakan oleh Ayuni saat ini, dia selalu mendambakan sinaran mentari yang akan muncul bagi menyinari kehidupannya namun sayang seribu kali sayang kerana hanya hujan saja yang sudi membadai jiwa kosongnya ini. Ayuni segera mengorak langkah dan mempercepatkan perjalanannya agar dia segera tiba di warung Kak Pah. Jika tidak, pasti bernanah telinganya ini nanti apabila mendengar bebelan dari Latifah.

"Hah Ayu, aku nak keluar kejam ni sebab ada urusan sikit kat pekan dan kemungkinan hari ni aku balik lambat sikit tau! nanti sebelum kau balik, aku nak kau tolong kuncikan pintu dan pagar kat luar tu." Arah Latifah kepada gadis itu. Ayuni hanya mengangguk faham tanpa sepatah bicara. Sebaik saja dia melihat kelibat Latifah mula menghilang dari pandangannya, Ayuni segera meluru masuk ke dapur untuk membereskan kerja-kerjanya yang tergendala sebentar tadi.

Jam di dinding telah menunjukkan hampir pukul 6 petang menandakan waktu kerjanya pada hari itu telah pun tamat. Gelas-gelas minuman yang berada di atas meja mula dikutip oleh Ayuni untuk dibawa masuk ke dapur. Sulaiman dari tadi lagi asyik memerhatikan gerak geri tubuh gadis itu. Mata kerangjangnya ini tidak berkedip saat menyaksikan panorama yang sungguh indah di hadapannya. Masakan tidak, pinggul seorang anak dara jika hendak

dibandingkan dengan ibu dara yang sudah beranak empat pasti jauh bezanya. Getah ini masih lagi likat tidak seperti isterinya, Latifah yang sudah kendur dan longgar sampaikan nak pandang pun sudah tiada selera!.

Ayuni mula meletakkan gelas-gelas minuman yang kotor itu ke dalam sinki untuk dicuci. Paip air dibukanya perlahan-lahan. Sulaiman mengekori gadis itu. Dia memerhatikan keadaan sekeliling dahulu. Bimbang juga jika ada sesiapa yang berada di situ, pasti mereka akan melaporkan kegiatan jahatnya kepada Latifah. Apabila telah berpuas hati dengan keadaan sekeliling, barulah Sulaiman meneruskan aksinya. Langkah kakinya juga semakin mara untuk mendekati gadis itu.

"Hai sayang." Bisik Sulaiman di tepi cuping telinga Ayuni.

"Ehhh Abang Man! apa yang Abang Man buat kat sini?." Soal Ayuni dengan riak wajah yang kelihatan agak ketakutan. Sulaiman tersengih saat mendengarkan pertanyaan yang diajukan oleh gadis itu. Matanya mula memandang segenap ruang yang ada bermula dari pandangan atas sehingga ke bawah. Semuanya sangat menggiurkan sehingga berjaya membuatkan nafsu lelakinya semakin bergetar kencang!. Sebahagian sisi wajah gadis itu terselindung di balik sehelai selendang yang berwarna putih manakala sebahagian lagi pula dibiarkan saja terdedah. Jika hanya direnung sebahagian sisi wajahnya yang tidak cacat, Ayuni ini boleh dikategorikan sebagai seorang perempuan yang sangat cantik namun sayang seribu kali sayang, sebahagian sisi wajahnya yang melecur akibat peristiwa kebakaran itu telah membunuh segala kecantikan yang ada pada dirinya.

"Alahhh Ayu tak payahlah takut dengan abang! sekarang ni memanglah Ayu belum biasa lagi tapi bila Ayu dah 'terbiasa' dengan abang nanti, mesti Ayu suka." Jawab Sulaiman yang kelihatan semakin berani mendekati gadis itu. Tangannya juga turut memainkan peranan apabila dia cuba untuk memeluk tubuh Ayuni dari arah belakang namun berjaya ditepis oleh gadis itu.

"Kenapa dengan Abang Man ni? Abang Man tak tahu malu ke?? Abang Man kan dah ada isteri!! tepilah!! Ayu nak buat kerja ni!!." Jerit Ayuni ke arah lelaki yang usianya dalam lingkungan lewat 40-an. Namun Sulaiman sedikit pun tidak gentar dengan gadis itu malah semakin Ayuni melawan semakin dia suka.

"Alahhh bolehlah Ayu, abang dah tak tahan tengok Ayu sebab dah lama abang geram dengan Ayu walaupun wajah Ayu cacat tapi Ayu tetap cantik di mata dan di hati abang! lenggok badan Ayu, senyuman manis Ayu, haruman bau badan Ayu tu yang buat abang makin tak keruan! bukan macam Kak Pah tu! dahlah boyot busuk pulak tu!! lemak menggeleber sana sini!! erghhh sampaikan abang tengok pun dah rasa nak termuntah hijau tau tak! lagipun abang ni kan lelaki walaupun abang dah ada isteri tapi abang masih ada kouta yang belum diisi. Masih ada tiga kekosongan lagi dan abang tahu yang abang mampu jadi tak salah rasanya kalau abang nak mencuba!. Ayu kena ingat tau, kahwin lebih dari satu ni adalah salah satu sunnah Rasulullah S.A.W. dan abang sebagai salah seorang umat Nabi Muhammad S.A.W. yang beriman, abang rasa terpanggil untuk menggalas tanggungjawab ini dengan menjadikan Ayu yang halal untuk abang setubuhi maka sebab itulah abang datang jumpa dengan Ayu sebab abang nak lamar Ayu untuk jadi bini abang yang nombor dua, Ayu sudi tak?. Hurmmm tak pun kalau Ayu rasa Ayu masih belum bersedia untuk bergelar sebagai seorang isteri, apa kata Ayu jadi je skandal abang! abang sanggup belikan apa saja yang Ayu nak asalkan Ayu setuju untuk layan abang." Tagih Sulaiman yang seolah-olah sudah tiada iman di dada. Ayuni sudah tidak mampu untuk bersabar lagi. Wajah lelaki itu ditamparnya sekuat hati!.

Sulaiman berang apabila kemahuannya ditolak dalam keadaan yang begitu hina!. Egonya yang tinggi melangit itu rasanya telah jatuh dipijak bumi!.

"Kau tampar aku?? berani kau tampar aku!! sini kau!! biar aku kerjakan kau cukup-cukup!!." Marah Sulaiman lalu dia cuba untuk mencium wajah Ayuni namun sempat ditepis oleh gadis itu. Sulaiman enggan mengalah, jangan panggil dia Sulaiman jika tubuh Ayuni tidak mampu dia tawan!. Akhirnya, Sulaiman mengerahkan segala kudrat yang ada dan menggunakan sepenuh tenaga lelakinya untuk menundukkan gadis seperti Ayuni. Tangannya menolak kasar tubuh Ayuni sehingga menyebabkan gadis itu jatuh tersungkur di atas lantai. Badan Ayuni dihempap oleh Sulaiman. Nafsu lelakinya telah capai ke tahap kemuncak, tidak dapat dibendung lagi. Hari yang ditunggu-tunggunya selama ini kini telah pun tiba, sudah lama dia mengidam untuk menikmati tubuh gadis yang masih dara!.

"Heiii apa yang korang buat ni hah?." Teriak Latifah yang baru saja pulang dari pekan. Dia terkejut apabila melihat kelakuan sumbang suaminya sendiri bersama wanita lain.

"Mana kakak kamu ni Lisa? dah pukul berapa ni? kenapa sampai sekarang tak balik-balik lagi??" Tanya Pak Mail kepada anak bongsunya, Alisa. Gadis yang sedang menonton TV itu

hanya menjongketkan kedua-dua bahunya menandakan bahawa dia juga tidak tahu di mana keberadaan kakaknya saat ini. Pak Mail yang melihat reaksi dari anak perempuannya itu hanya mendengus kasar. Lelaki tua itu kemudian melangkah untuk menuruni anak tangga rumah usang itu.

"Hai abang, nak ke mana tu?." Tegur Maimon sebaik saja dia melihat kelibat suaminya.

"Saya nak pergi cari Ayu! saya risau! dah pukul berapa ni! sampai sekarang dia belum balik-balik lagi!!." Jawab Pak Mail dengan riak wajah yang gusar.

"Alahhh tak payah nak risau sangatlah bang! budak tu bukan pergi mana pun! dia sibuklah tu! mungkin ramai pelanggan kat kedai Pah, alahhh kejap lagi anak kesayangan awak tu baliklah bang!." Sindir Maimon kepada suaminya. Pak Mail enggan lagi untuk bertekak dengan isterinya ini kerana apa yang penting, dia mahu Ayuni selamat. Hatinya sebagai seorang bapa telah memaksa dia untuk melangkah keluar bagi mencari anak gadisnya. Dia risau jika ada apa-apa perkara buruk yang menimpa diri Ayuni. Benarlah apa yang dikatakan oleh orang tua zaman dahulu, menjaga seorang anak gadis ini jauh lebih susah dari menjaga lembu sekandang. Sebelum senja berkunjung tiba, adalah lebih baik jika dia cepat-cepat menjemput Ayuni pulang dari kedai makan Latifah. Tanpa mempedulikan Maimon, Pak Mail terus mengorak langkah meninggalkan rumah usang itu. Semakin lama kelibatnya kelihatan semakin kabur dan akhirnya terus lenyap dari pandangan Maimon.

"Ehhh Lisa!! mak rasa tak sedap hatilah!! mak nak ikut ayah, kau nak ikut tak?." Soal Maimon kepada anak gadisnya.

"Nak pergi mana?? erghhh malaslah!!." Jawab Alisa dengan riak wajah yang lemau.

"Ehhh kau ni kan semua benda kau malas!! mak nak ikut ayah kau pergi warung Kak Pah! jomlah temankan mak!." Desak Maimon bertalu-talu. Dengan riak wajah yang malas, Alisa mencapai alat kawalan jauh untuk menutup rancangan TV yang ditontonnya tadi. Dua beranak itu kemudian berjalan beriringan untuk menuju ke warung Kak Pah yang terletak tidak jauh dari rumah mereka.

"Dasar pompuan gatal!! tak tahu diuntung!! kau ni kan tak padan dengan hodoh!! aku bagi kau kerja suruh kau kerja bukannya suruh kau merenyam dengan laki aku!!." Teriak Latifah seperti orang yang tidak siuman. Wanita separuh abad itu mula merentap kasar selendang

putih yang menutupi kepala Ayuni sehingga terlerai lalu menampakkan rambut panjang gadis itu yang keperang-perangan.

"Sakit Kak Pah!!." Teriak Ayuni, menjerit kesakitan apabila rambutnya ditarik kuat oleh Latifah.

"Oooo kau tahu sakit!! hati aku ni lagi sakit tau hah bila tengok kau menggatal dengan laki aku!! ehkk dasar perempuan jalang!! dalam kampung ni punyalah ramai jantan yang boleh kau sondol tapi kenapa dengan laki aku jugak yang kau nak menyundal??" Tengking Latifah.

"Ya Allah! Kak Pah!! Ayu tak pernah goda Abang Man tapi Abang Man tu yang sebenarnya nak rogol Ayu!" Tangis Ayuni teresak-esak. Hati Latifah terasa pedih saat mendengar kata-kata yang terpancul keluar dari bibir gadis itu. Wajahnya juga tiba-tiba saja berubah menjadi merah menyala mungkin kerana sedang memendam rasa amarah yang maha dahsyat malah renungannya ke arah gadis itu juga menjadi semakin tajam.

"Ehhh kau jangan pandai-pandai nak tuduh aku!! aku tengok kau pun aku dah rasa jijik inikan pulak nak sentuh kau!! apa kau ingat aku hadap sangat ke dengan muka kau yang hodoh macam sundel bolong tu hah?? ehkk pompuan!! untuk pengetahuan kau, bini aku ni seratus kali ganda lagi cantik dari kau tau tak!! Pah, jangan pernah awak percaya cakap betina ni! dia sengaja reka-reka cerita sebab dia nak porak-perandakan rumah tangga kita!." Sulaiman tiba-tiba mencelah, cuba untuk menegakkan benang yang basah walhal ketika dia ditangkap oleh isterinya tadi, Sulaiman sedang menindih tubuh Ayuni sementara tangannya pula merentap kasar baju kurung gadis itu sehingga terkoyak.

"Berani kau!!." Marah Latifah yang kelihatan mula naik hantu selepas dihasut oleh suaminya. Tangannya pula memukul tubuh lemah milik Ayuni.

"Ya Allah!! kak!! percayalah!! sumpah!! Ayu tak pernah goda suami akak!!." Rayu Ayuni, sangat berharap agar kali ini Latifah dapat menerima kata-katanya itu dengan pemikiran yang jernih.

"Ahhh sudah!! diam!! aku tak nak dengar apa-apa lagi!! eh Ayu, kau ni memang jenis pompuan yang tak sedar diri kan?? dahlah hodoh!! buruk!! tak padan dengan wajah yang cacat tapi ada hati nak goda suami orang!! apa kau ingat dengan muka kau yang buruk ni laki aku boleh tergoda ke?? kau ingat dia buta kayu sampai tak boleh nak bezakan antara kau dengan aku mana yang lagi lawa?? dasar perempuan murah!! kalau kau bagi *free* pun belum

tentu laki aku ni nak tau!! eeee menyesal aku tak dengar cakap mak tiri kau dulu, memang betul apa yang dia cakap pasal kau! kau ni memang dasar pompuan gatal! miang!! tak kenang budi!! kalau tak disebabkan aku yang kutip kau untuk kerja kat sini, jangan mimpilah kau nak hidup senang macam ni!! silap hari bulan kau merempat macam anjing kat tepi longkang tu tau!! sedar diri tu sikit!." Bentak Latifah dan kali ini nada suaranya kedengaran lebih kuat. Ayuni pula hanya mampu terdiam, lidahnya terasa kelu seolah-olah telah kehilangan kata-kata untuk bersuara bagi membela dirinya yang sama sekali tidak bersalah.

"Ehhh kenapa ni Pah?? kenapa kau pukul anak aku macam ni? apa salah dia?." Tanya Pak Mail kepada Latifah dengan nada suara yang masih lagi terkejut.

"Abang Mail jangan masuk campur! hal ini antara saya dengan budak ni!!." Balas Latifah dengan penuh amarah.

"Aku memang kena masuk campur!! Ayu ni anak aku!!." Pak Mail terus bersuara.

"Heii Abang Mail, saya nak tanya Abang Mail, abang ni kan sebenarnya pandai ajar anak ke tidak?? kalau Abang Mail tak pandai ajar, biar saya yang ajar!! kalau tak, habis laki orang dalam kampung ni dikebasnya!!." Nada Latifah semakin keras dan bola matanya kelihatan besar membulat.

"Kau cakap apa ni Pah?? aku kenal anak aku macam mana, dia takkan buat perkara yang tak senonoh macam tu!! kalau setahap inilah layanan kau terhadap anak aku, mulai dari hari ini, detik ini dan saat ini aku haramkan Ayuni jejakkan kaki dia kat kedai kau ni lagi." Marah Pak Mail kerana kesabarannya yang telah mencapai titik akhir.

Latifah yang mendengarkan kata-kata itu mula mencekak pinggangnya.

"Ahhhh untuk pengetahuan Abang Mail, saya dengan rela hati dah berhentikan budak ni!! saya nak bagi peringatan kat Abang Mail, tolong simpan budak ni baik-baik dalam rumah sebelum perutnya buncit kerana mengandungkan anak yang tidak berbakat!! dasar betina gilakan jantan!! laki orang pun kau sangap jugak ke??" Teriak Latifah sehingga hampir bergegar gegandang telinga orang yang mendengarnya.

"Kurang ajar!!." Marah Pak Mail lalu tangannya cuba untuk menampar wajah Latifah namun sempat ditepis oleh Maimon yang tiba-tiba muncul entah dari mana.

"Kenapa awak halang saya, Mon? biar saya ajar pompuan biadab macam ni!! bercakap tu langsung tak pernah fikirkan perasaan orang lain!!." Dengus Pak Mail.

Maimon yang melihat keadaan suaminya yang berang itu mula memanfaatkan situasi tersebut dengan lakonannya yang hebat mengalahkan bintang popular Hollywood.

"Sabar abang, bawa bertenang!! bukan sekali dua dah saya dengar perkara macam ni!! apa yang dikatakan oleh Pah tadi memang betul abang, dah ramai orang kampung datang mengadu pada saya yang si Ayu ni suka sangat menggatal dengan suami orang cuma saya saja yang pendamkan semua ni sebab saya tak nak abang sedih, saya tak sanggup tengok abang kecewa lagipun saya dah berjuta kali nasihat Ayu tapi dia tak pernah nak dengar cakap saya." Tutur Maimon dengan tangisan palsu.

Pak Mail tergamam seketika. Adakah apa yang dia dengar saat ini adalah benar??.

"Kenapa baru sekarang awak nak ceritakan semua ni pada saya, Mon?." Tanya Pak Mail kepada isterinya.

Maimon mula menggeleng-gelengkan kepalanya sebelum memulakan cerita bohongnya itu.

"Sebab saya terlalu sayangkan Ayu, saya dah anggap Ayu macam anak kandung saya sendiri.... saya sayangkan Ayu sama seperti saya sayangkan anak kita, Lisa sebab itulah saya sengaja pendamkan semua ni!! saya takut nak mengadu pada abang, saya takut abang hilang sabar dan saya tak sanggup tengok abang pukul Ayu kalau tahu tentang semua ni lagipun saya tak nak orang kampung cakap saya ni seorang mak tiri yang jahat dan saya juga tak sanggup terima kalau nanti Ayu makin bencikan saya." Sambung Maimon lagi dengan riak wajah sedih yang penuh kepura-puraan.

"Betul tu ayah, Lisa pun tak sangka perangai Kak Ayu macam tu! Lisa malu dengan orang kampung ni bila dorang asyik citer yang bukan-bukan pasal keluarga kita." Tambah Alisa, merencanakan lagi api kemarahan yang sedang bergelora di hati Pak Mail.

"Ya Allah!! sampai hati mak cik dengan Lisa tuduh Ayu macam tu sedangkan Ayu tak pernah buat semua tu! Ayu masih ingat lagi pesanan arwah mak, Ayu masih tahu menjaga maruah diri! Ayu masih seorang Islam!! Ayu masih sedar mana yang halal dan mana yang haram!!." Tangis Ayuni, cuba untuk menegakkan kebenaran. Sungguh dia terkilan apabila adik

kandungnya, Alisa, anak perempuan hasil dari perkahwinan Pak Mail dan Maimon lebih memilih untuk bersengkokol dengan ibunya sehingga sanggup menjerat kakaknya sendiri.

"Sudah!! diam!! aku tak nak dengar apa-apa lagi dari mulut busuk kau tu, Ayu!! aku betul-betul kecewa dengan kau!! dari kecil sampai besar aku tantang kau bagai minyak yang penuh!! aku jaga kau dengan penuh kasih sayang! aku rela tak tidur bila kau demam! aku rela berlapar asalkan perut kau kenyang tapi ini balasan kau pada aku?? kau ni memang dasar anak yang tak kenang budi!! hidup kau satu sen pun tak guna untuk aku! apa yang kau tahu hanya lumur tahi kat muka aku!! kau conteng arang kat muka aku, Ayu!! kau bangga bila kau berjaya malukan ayah kau sendiri? satu kampung tahu perangai sundal kau ni tapi cuma aku je yang bodoh!! bodoh sebab bahagia miliki anak yang tak bermaruah macam kau ni!!." Marah Pak Mail kepada satu-satunya anak hasil perkahwinannya bersama arwah Azizah.

"Ayah, ayah tak percayakan Ayu ke? Ayu tak peduli apapun orang kampung nak mengata pasal Ayu asalkan ayah sentiasa percayakan Ayu! ayah tak kenal Ayu ke? anak ayah sendiri?? selama 24 tahun ayah besarkan Ayu tapi ayah masih tak kenal siapa Ayu yang sebenarnya." Tangis Ayuni dengan linangan air mata.

"Ahhh diam!! aku tak nak dengar apa-apa lagi!! aku tak nak dengar!! aku tak nak dengar!!" Herdik Pak Mail ke arah anak gadisnya. Ayuni hanya mampu tertunduk dan menangis. Kali ini tiada siapa yang sudi untuk mendengar pengakuannya.

Lelaki tua di hadapannya itu sudah mula hilang sabar. Pak Mail mula meleraikan tali pinggang yang tersemat kemas. Tangannya pula mengheret kasar tubuh Ayuni lalu dia hayunkan tali pinggang itu berulang kali sehingga mengena di belakang batang tubuh gadis malang itu.

"Sakit ayah! sakit ayah!! tolonglah kasihkan Ayu, ayah!! Ayu tak salah!! Ayu tak pernah buat semua tu, ayah!!." Jerit Ayuni sambil menahan kesakitan yang teramat perit namun jeritannya itu tidak dipedulikan.

Maimon dan Alisa pula tersenyum puas apabila melihat Ayuni sedang dibelasah teruk oleh ayah kandungnya sendiri.

"Sudah!! cukup!! hentikan semua ni!! jangan pukul lagi, Mail!! mati budak tu nanti!!." Tegah Ayah Haji Marzuki yang kebetulan lalu di kawasan itu.

"Arghhhhh!! Abang Haji jangan masuk campur!! ini urusan saya dengan anak saya!! biar saya ajar budak ni cukup-cukup!!." Bentak Pak Mail sambil menepis tangan Ayah Haji Marzuki yang masih lagi cuba menghalang.

"Bawa mengucap Mail, ingat Tuhan! sabar! jangan ikutkan sangat hasutan syaitan tu!! kita boleh bawa berbincang dengan elok, kalau ye pun kamu nak mengajar anak, bukan macam ni caranya Mail!." Pesan Ayah Haji Marzuki, cuba untuk menenangkan hati panas Pak Mail.

Mendengarkan kata-kata Ayah Haji Marzuki tadi, hati Pak Mail tiba-tiba menjadi luluh. Tangannya yang menggenggam erat tali pinggang itu dilepaskan. Pak Mail mula menekup wajahnya sendiri. Air mata lelakinya juga turut tumpah.

"Saya malu Bang Haji, saya malu!." Tangis Pak Mail teresak-esak.

"Sabar Mail, walau sebesar manapun kesalahan anak kamu ni, kamu tak boleh hanya mendengar dari sebelah pihak saja, kamu sepatutnya siasat perkara ini terlebih dahulu agar tiada siapa yang akan menjadi mangsa sebab kadang-kadang apa yang kita dengar, apa yang kita lihat belum tentu itu yang sebenarnya berlaku!! tiada guna Allah berikan kita akal untuk berfikir andai kata kita lebih memilih mata dan telinga untuk menilai." Sambung Ayah Haji Marzuki lagi.

Hati Pak Mail menjadi semakin tenang saat menerima nasihat yang disampaikan oleh Ayah Haji Marzuki.

Latifah, Sulaiman, Maimon dan Alisa pula masing-masing hanya mampu membalas pandangan antara satu sama lain malah kadang kala mereka juga sempat tertelan air liur kerana terkedu seolah-olah sudah termakan sindiran pedas Ayah Haji Marzuki.

Pak Mail merenung sayu ke arah anak gadisnya. Ayuni ternyata mewarisi kecantikan dari arwah Azizah. Azizah.....suatu nama yang tidak akan pernah dia lupakan sehingga ke akhir hayatnya. Wanita yang paling cantik di dalam kampung itu telah berjaya ditawannya. Semua orang di dalam kampung itu terkejut apabila mengetahui Azizah lebih memilih dirinya untuk dijadikan sebagai suami sedangkan wanita secantik itu berhak mendapatkan lelaki yang jauh lebih baik berbanding dirinya yang tidak mempunyai apa-apa dari segi rupa mahupun harta. Arwah Azizah adalah anugerah terindah yang pernah hadir dalam hidupnya namun kini wanita itu hanya meninggalkan Ayuni sebagai 'kenangan' yang paling bermakna buat dirinya

dan mengapa pula dia harus menyakiti 'kenangan' itu sedangkan dia sendiri tidak pasti adakah apa yang didengarnya dari mulut Maimon dan Alisa itu adalah benar ataupun tidak.

Ayuni telah kehilangan kasih sayang dari seorang wanita yang bernama 'ibu' dan janganlah pula dia merasa kehilangan kasih sayang dari seorang lelaki yang bernama 'ayah'. Tragedi kebakaran 22 tahun yang lalu telah cukup membuatkan dia kenal apakah itu 'derita' dan mengapa pula Pak Mail tergamak membebankan dia dengan perasaan itu lagi?. Sungguh Pak Mail berasa amat bersalah kerana telah menghukum anak gadisnya secara membabi buta.

Pak Mail mendekati tubuh anak gadisnya yang masih lagi terduduk di atas lantai bumi. Diselaknya sedikit kain kurung yang dipakai oleh gadis itu. Kelihatan calar balar yang terpahat di betis anak daranya. Pak Mail menangis, dia tidak sedar dengan apa yang telah dia lakukan tadi terhadap Ayuni. Dirinya benar-benar telah dirasuk syaitan sehingga dia tergamak memukul anak kandungnya sedemikian rupa. Pak Mail cuba memberanikan diri untuk menyentuh kesan luka dan lebam itu.

"Urghhhhh!! urghhhhh!!" Keluh Ayuni, cuba untuk menahan kesakitan apabila kesan luka itu disentuh oleh ayahnya. Makin luluh hati Pak Mail sebagai seorang ayah apabila dia melihat anak perempuannya itu tersakiti akibat dari perbuatannya sendiri.

"Ayu, maafkan ayah, nak! maafkan ayah! ayah tak sedar dengan apa yang ayah dah buat pada kamu.....ayah menyesal! ayah memang ayah yang tak guna!! maafkan ayah, nak." Tangis Pak Mail kerana terlalu menyesal dengan kesilapan dirinya yang terlalu cepat menjatuhkan hukum tanpa usul periksa. Ayuni kemudian membalas renungan sayu dari ayahnya.

"Ayah, Ayu tak pernah salahkan ayah apatah lagi marahkan ayah kerana Ayu tahu, ayah buat semua ni kerana ayah terlalu sayangkan Ayu." Jawab Ayuni dengan nada suara yang sebak malah kali ini air matanya juga turut menitis.

"Ayu!." Ucap Pak Mail lalu memeluk erat tubuh anak gadisnya itu. Pelukan yang penuh dengan kasih sayang itu juga turut disambut mesra oleh Ayuni. Ayah Haji Marzuki yang melihat keadaan itu terus mengukir senyuman lega. Dia gembira apabila melihat dua beranak itu sudah kembali berbaik semula namun tidak bagi Maimon dan Nurul Alisa. Ayah Haji Marzuki tahu bahawa dari jauh lubuk hati Ismail yang paling dalam, lelaki itu amat menyayangi Ayuni melebihi apapun malah rasa sayang itu semakin jelas dilihatnya pada saat ini.

*** Dua Hari Kemudian ***

"Heiii Ayu!! kau jangan ingat mentang-mentang kau dah tak kerja, kau boleh duduk bersenang-lenang macam tuan puteri dalam rumah ni!! kau kena ingat tau! aku tuan dalam rumah ni dan kau sebagai hamba abdi, kau kena turuti segala perintah dan arahan dari aku!! sekarang ni aku nak kau pergi kutip baju-baju yang berlonggok-longgok dalam almari tu dan cuci sampai bersih!! lepas tu aku nak kau mop lantai kat belakang tu, aku tak nak tengok ada debu walaupun sebesar zarah! kalau tak, nahas kau aku kerjakan!! faham??!!." Jerit Maimon dengan lagaknya yang tak ubah seperti seorang diktator. Ayuni mengangguk faham. Dia tidak mahu melawan kata-kata ibu tirinya itu. Dia tidak mahu menjadi seorang anak yang derhaka kerana baginya, walau apapun yang terjadi, Maimon adalah ibunya meskipun wanita itu tidak pernah melahirkan dia ke dunia ini. Rasa kasihnya terhadap Maimon sama seperti sayangnya dia terhadap arwah ibunya, Azizah.

"Errr Ayu, boleh tak kalau akak nak mintak tolong Ayu cucikan baju akak ni sekali." Pinta Alia, isteri kepada Muaz merangkak sebagai 'menantu kesayangan' Maimon. Sayanglah sangat!.

"Ehhh Alia! aku dah lama perhatikan kau tau! kalau setakat Ayu je yang kau nak perhambakan, aku tak kisah sebab dia memang layak pun jadi babu dalam rumah ni! tapi ini tak!! kadang-kadang bukan setakat baju kau je yang aku kena basuh, seluar dalam kau pun aku jugak yang tolong cucikan!! menantu jenis apa kau ni hah?? sampaikan satu kerja dalam rumah ni pun kau tak boleh nak buat!!." Tengking Maimon ke arah Alia.

"Ehhh yang mak nak bising ni dah kenapa?? Alia suruh Ayu yang cucikan bukan suruh mak tapi yang mak nak lebih-lebih ni dah kenapa? Ayu sendiri pun tak bising!! lagi satu, setahu Alia lah kan, Alia tak pernah pun suruh mak cucikan baju-baju Alia tu semua! Alia tak pernah pun suruh mak cucikan seluar dalam Alia tapi mak sendiri yang pandai-pandai nak buat semua tu tiba-tiba nak salahkan Alia pulak?." Bidas Alia dengan riak wajahnya yang berkerut.

"Ehhh kurang ajar punya menantu!! kau ni bukan menantu tau tapi hantu!! memanglah kau tak pernah suruh aku buat semua tu tapi mata aku ni dah berbulu bila tengok baju-baju kau yang bertimbun-timbun dengan seluar dalam kau yang tergantung depan pintu!! kau ni kan memang dasar pemalas!! pemalas!! malangnya nasib anak aku sebab dapat bini perangai hantu macam kau ni!!." Omel Maimon sambil mencekak pinggangnya.

Alia tersenyum sinis sambil mencebik bibirnya yang mungil sebelum kembali menyambung bicara.

"Habis tu anak mak pun apa kurangnya?? mak, sebelum nak mengata keburukan orang tu apa kata mak nilai sendiri keburukan anak mak, dia sebagai suami apa yang dia buat?? sepanjang saya jadi isteri dia, ada pernah mak tanya dia berapa banyak nafkah yang dia bagi pada saya tiap-tiap bulan?? mana tanggungjawab dia sebagai seorang suami?? huh, kalaulah saya nak buka pekung sendiri, rasanya tak cukup tanah mak lari sebab malu!! lagi satu, paku dulang paku serpih mengata orang dia yang lebih! mak nak cakap saya pemalas?? apa bezanya saya dengan anak dara mak tu?? matahari dah naik tinggi pun dia masih membongkang atas katil, kumpul stok air liur basi!! sebelum mak nak nasihatkan saya, apa kata mak nasihatkan anak-anak mak tu dulu yang dah memang terang-terangan hantu!!." Bidas Alia lalu segera membuka langkah untuk meninggalkan ibu mentuanya dan Ayuni.

"Kurang asam punya menantu!! perangai kau ni kan satu pun tak ada yang menyenangkan aku!! semuanya menyakitkan hati!! bilalah kau nak pergi mampos hah?? supaya senang untuk aku carikan bini lain untuk anak aku yang beribu-ribu kali ganda lagi bagus dari kau tu!! eeeee geram aku!! hah yang kau ni pulak buat apa lagi tercegat kat situ?? kau pun tak reti-reti lagi ke nak pergi buat kerja??!!." Herdik Maimon pula ke arah anak tirinya, cuba melempiaskan rasa sakit hatinya yang masih lagi bersisa. Ayuni tidak berani mengeluarkan bicara. Gadis itu segera meluru masuk ke dalam bilik air untuk membereskan tugasnya.

Ayuni mula memasukkan satu demi satu pakaian itu ke dalam mesin basuh, mesin yang dibeli oleh ayahnya dua tahun yang lalu setelah mendapat bonus tahunan dari Ayah Haji Marzuki sebagai salah seorang pekerja ladang getah yang terbaik. Maimon yang melihat keadaan itu segera menghampiri Ayuni sambil mencekak pinggangnya.

"Heiii kau ni kan memang dasar bodoh!! lembap!! kepala hotak kau ni dah tepu!! siapa suruh kau cuci baju ni guna mesin?? kau tahu tak berapa banyak bil elektrik yang bapak kau kena bayar bulan ni?? kau tak reti nak berjimat ke hah?? itulah!! bukan setakat muka je yang hodoh tapi otak tu pun bodoh!! aku suruh kau cuci pakaian ni semua pakai tangan bukannya pakai mesin!! amboi!!! banyak cantik muka kau!! semua kerja kau nak buat yang senang je kan??!!." Bebel Maimon lagi yang suka sangat mencari salah anak tirinya itu. Ayuni masih lagi mendiamkan diri. Tangannya mula mencapai satu demi satu pakaian yang berada di dalam mesin basuh kemudian dimasukkan kembali pakaian tersebut ke dalam besen yang telah terisi

air sabun. Berus terus dicapai lalu dia segera memulakan tugasnya untuk mencuci pakaian ayahnya, Maimon, adiknya Nurul Alisa, abang tirinya, Muaz dan isterinya, Kak Alia.

Alisa pula masih lagi membuta diulit mimpi walaupun jam telah menunjukkan hampir pukul 12.00 tengah hari.

"Ayu!! Ayu!!!." Teriak Maimon memanggil nama anak tirinya.

"Ye mak cik, ada apa?." Soal Ayuni pula.

"Heiii kau pergi masak!! dah pukul berapa ni?? kejap lagi bapak kau balik, kang bila dia tengok tak ada makanan kat atas meja tak pasal-pasal mengamuk pulak orang tua tu nanti!!."Arah Maimon dengan penuh lagak. Ayuni mengangguk faham. Pakaian yang masih lagi bersisa, dia tinggalkan sebentar. Dia ingin menyediakan makanan tengah hari buat ayahnya.

Nurul Ayuni mula membuka peti ais yang berada di dapur. Dia mengeluarkan bekas-bekas yang terisi sayur sawi dan kubis. Sayur-sayuran itu kelihatan sudah kecut. Ayuni memeriksa pula bahagian sejuk beku untuk mengeluarkan ikan yang dibelinya tempoh hari. Hanya tinggal tiga ekor ikan kembung saja cukup buat ayah, Maimon dan adiknya, Alisa tetapi bagaimana pula dengan abang tirinya, Muaz dan Kak Alia?. Ayuni berasa bingung apabila memikirkannya. Dia meneguk liur sambil menggaru-garu kepalanya yang tidak gatal. Dia mengambil keputusan untuk meneruskan saja niatnya untuk menyediakan juadah tengah hari walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan asalkan perut ayahnya tidak berlapar setelah seharian penat bekerja bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga.

Ikan kembung itu mula diletakkan ke dalam kualiti yang terisi minyak panas. Ayuni kemudian memotong pula sayur sawi dan kubis agar ia menjadi bahagian yang lebih kecil. Gadis itu mencapai periuk yang berada di dalam almari. Bekas simpanan beras juga turut dibuka. Ayuni terkejut apabila melihat butiran beras yang hanya boleh dihitung beberapa jari saja namun ia masih lagi cukup untuk menampung keperluan mereka sekeluarga buat sehari dua. Ayuni kemudian membasuh beras lalu meletakkannya ke dalam periuk yang telah berada di atas dapur gas. Jam di dinding telah menunjukkan hampir pukul 1.30 tengah hari menandakan waktu kerja ayahnya telah pun tamat. Sebentar lagi pasti ayahnya akan pulang. Ayuni mengambil keputusan untuk menunaikan solat Zohor terlebih dahulu sementara menunggu makanan itu siap dimasak.

"Heii pompuan!! cepatlah!! terhegeh-hegeh!!." Marah Alisa kepada kakaknya apabila melihat gadis itu lambat menghidangkan makanan di atas meja.

"Lisa, cuba kamu cakap elok-elok sikit! daripada kamu marah-marah macam ni lebih baik kamu pergi tolong kakak kamu siapkan makanan, ada juga faedahnya lagipun kamu tu bukan budak kecil lagi sampaikan nasi kamu pun kena orang lain juga yang tolong bubuhkan! kamu tu dah besar, dah jadi anak dara!! belajarlah dengan kakak kamu tu! nanti bila kamu dah kahwin senang, tak adalah laki kamu tu nanti asyik kena makan kat kedai! kalau laki kamu tu orang kaya tak apalah, boleh pakai bibik tapi kalau laki kamu tu kerja tak seberapa macam ayah ni macam mana?? baru menangis laki kamu kalau dapat bini perangai pemalas macam kamu ni!!." Omel Pak Mail kepada anak bongsunya.

Alisa yang mendengarkan kata-kata dari ayahnya itu terus mencebik bibir sebagai tanda meluat.

"Hai ayah, macam perli saya je." Celah Muaz tiba-tiba.

"Ayah bukan perli kamu tapi ayah cuma nak nasihatkan adik kamu ni supaya belajar buat kerja-kerja rumah sebab nanti bila dia dah kahwin, senang!! dah tahu buat semua benda!! kita orang perempuan ni belajar setinggi manapun akhirnya tetap ke dapur jugak!." Jelas Pak Mail kepada mereka berdua.

"Ayah, Lisa ni bukan macam Kak Ayu tu!! Lisa kalau nak cari laki mestilah yang kaya, hensem, berpelajaran, ada kereta mewah, rumah besar hah baru padan dengan wajah Lisa yang cantik ni!! tapi lainlah kalau macam Kak Ayu tu, dia kenalah biasakan diri buat semua benda ni sebab nanti dia kahwin dengan orang yang buat kerja kampung je ayah, baru padan dengan wajah dia yang hodoh macam 'mak lampir' tu!! itupun kalau ada orang nak lah!." Bidas Alisa yang nampaknya tidak mahu beralah apabila ditegur. Pak Mail hanya mampu menggeleng-gelengkan kepalanya saja kerana dia sendiri sudah tidak tahu harus berbuat apa lagi untuk mengubah perangai pemalas anak bongsunya ini.

"Alah bersyukurlah kalau dapat kahwin dengan orang yang bekerja walaupun hanya buat kerja-kerja kampung je daripada kahwin dengan orang yang langsung tak ada kerja!!." Sindir Alia sambil anak matanya mengerling ke arah suaminya, Muaz.

"Ehhh Lia, awak mengata saya eh?." Soal Muaz kepada isterinya.

"Hai ada orang terasa ke?? maklumlah siapa yang makan cili, dialah yang terasa pedasnya!." Bidas Alia lagi.

"Ehhh Alia!! kalaulah anak aku ni bekerja, dapat kerja yang berpangkat, kau rasa dia nak ke jadikan kau sebagai isteri dia?? memang tak lah!! duit kalau dah berkepek-kepek dalam poket, memang tergedik-gediklah betina kat luar sana tu berebutkan anak aku!! silap hari bulan, artis pun aku boleh pinangkan untuk anak aku ni tau!." Celah Maimon, cuba untuk membela nasib anak lelakinya dari terus dihina.

"Hahahahahaha 'kalau'...itupun 'kalaulah' tapi masalahnya sekarang ni kita hidup dalam dunia realiti mak, bukannya fantasi!! inilah padahnya kalau suka sangat melayan drama Hindustan!! kan dah jauh sangat pergi angannya tu!! mak, kalau dengan perkataan 'kalau' tu je pun dah boleh buat perut kita yang lapar ni menjadi kenyang, tak ada gunalah orang pergi kerja siang malam sebab nak cari duit!! kan lebih bagus dorang semua duduk rumah goyang kaki macam anak jantan mak ni sebab hanya dengan perkataan 'kalau' saja kan dah cukup untuk kenyangkan perut kita yang lapar!." Sindir Alia bertubi-tubi membuatkan Maimon dan Muaz terus terdiam tanpa sepatah bicara.

"Ayah, mak cik, abang, akak, Lisa jemput makan semua." Pelawa Ayuni kepada mereka berlima yang dari tadi lagi sedang menunggu di meja makan.

"Ehhh lauk macam ni je ke?." Soal Alisa yang nampaknya kurang berpuas hati dengan makanan yang dimasak oleh kakaknya. Ayuni pula hanya mampu mengukir senyuman kelat saat mendengar pertanyaan yang diajukan oleh adiknya itu. Ingin sahaja dia menyediakan juadah makanan yang lazat buat keluarga kecil itu namun buat masa ini, hanya ikan kembung goreng dan sayur campur saja yang mampu dihidangkan olehnya.

"Tak apalah Lisa, alhamdulillah.... bersyukurlah kerana kita masih boleh makan, jika nak dibandingkan dengan negara yang berperang tu, kita ni masih boleh dikira beruntung sebab kat sana memang tiada bekalan makanan dan mereka semua terpaksa mengikat perut sehingga ada yang mati kebulur kerana kelaparan dan sebab itulah apa yang ada depan mata kita ni, kita kena syukur sebagai tanda terima kasih kita kepada Allah yang telah memberi rezeki kepada hambaNya mengikut keperluannya." Pesan Pak Mail lagi kepada Alisa. Gadis itu terus mendingankan diri tanpa sepatah kata. Seekor ikan kembung goreng diletakkan ke dalam pinggan Pak Mail, seekor lagi ke dalam pinggan Maimon dan yang terakhir, ke dalam pinggan Nurul Alisa. Ayuni pula hanya ada nasi putih saja tanpa lauk.

"Ehhh Ayu, kau ni buta ke apa?? kau tak nampak ke kita sekarang ni ada berapa orang?? kenapa kau goreng tiga ekor ikan je?? habis tu aku dengan bini aku tercongok kat sini nak makan apa??" Soal Muaz kepada adik tirinya.

"Errr Ayu minta maaf abang tapi ikan kembung memang tinggal tiga ekor je, itu je lauk yang ada kat dapur." Jawab Ayuni dengan riak wajah yang bersalah.

"Tak apalah Muaz, kita kongsi je lauk ni, mak cubit sikit, Muaz cubit sikit... gaul-gaul dengan nasi tu lagipun ini je lauk yang ada! untuk sementara ni, Muaz makan jelah apa yang ada janji perut tu kenyang." Celah Maimon, cuba untuk memberikan cadangan.

"Mak ingat Muaz ni apa hah?? makan pun kena kongsi-kongsi!! orang dalam rumah ni memang kejam!! mentang-mentanglah aku tak ada duit, semua layan aku macam pengemis!!." Dengus Muaz kerana tidak berpuas hati.

"Habis tu nak suruh orang layan awak macam raja?? huh berak cangkung makan tanggung!! memang layaklah dilayan macam pengemis!!." Bidas Alia sambil menjuih bibirnya. Muaz yang mendengar sindiran pedas dari isterinya itu hanya mampu mengetap bibir.

"Ayah minta maaf Muaz sebab tak belikan lauk untuk minggu ni." Ujar Pak Mail kepada anak tirinya.

"Ini memang salah ayah! ke ayah memang sengaja?? ayah sukalah kan tengok saya dengan bini saya kebulur kat dalam rumah ni!! saya sedar siapalah saya dalam rumah ni!! hanya menumpang teduh je lagipun saya ni bukannya anak kandung ayah!! saya ni anak tiri je!! sebab itulah ayah selalu pinggirkan saya dari dulu sampai sekarang!" Balas Muaz sambil matanya merenung tajam ke arah Pak Mail.

"Ayah tak pernah pinggirkan kau, Muaz tapi kau je yang selalu fikir macam tu....semua orang dalam rumah ni sayangkan kau, ayah bukan sengaja tapi ayah memang tak ada duit nak beli lauk, kalau dulu bolehlah ayah harapkan Ayu untuk belikan barang-barang dapur dalam rumah ni tapi sekarang ni kau sendiri pun tahu kan yang Ayu dah berhenti kerja kat kedai Kak Pah tu jadi semua perbelanjaan kau, isteri kau, mak dan adik-adik kau ni ayah yang terpaksa tanggung! gaji ayah berapa sen sangatlah, Muaz....bayar bil elektrik, bil air, bayar itu bayar ini sampai duit gaji ayah untuk bulan ni pun semuanya dah habis." Jelas Pak Mail, cuba untuk menyatakan perkara sebenar.

"Awak ni memang tak tahu malu kan?? ayah tiri awak ni dah cukup baik tau tak sebab masih sudi nak sara 'biawak hidup' dalam rumah ni! kalaulah ayah yang dah tua kerepot ni masih membanting tulang untuk mencari rezeki takkanlah awak yang dah besar panjang, masih muda dan gagah perkasa ni tak mampu nak cari sesuap nasi untuk kenyangkan perut sendiri?? kenapa masih nak harapkan pada mak bapak lagi?? jantan jenis apa awak ni, hah?." Marah Alia kepada suaminya.

"Saya bukan tak nak tapi awak sendiri pun tahu kan yang zaman sekarang ni bukan senang nak dapat kerja!!." Dengus Muaz, selalu saja mencipta alasan.

"Tapi kat tempat ayah ada satu jawatan kosong, kalau Muaz nak, nanti ayah boleh tanyakan pada Ayah Haji Marzuki." Celah Pak Mail lagi. Muaz yang mendengarkan kata-kata itu terus tersenyum sinis.

"Ayah ingat Muaz ni apa hah?? sengek sangat ke Muaz ni sampai nak kena jadi penoreh getah?? Muaz baru 29 tahun ayah! sepatutnya ayah usahakan cari kerja yang terbaik untuk Muaz bukannya suruh Muaz ikut jejak ayah untuk jadi penoreh getah!!." Marah Muaz kepada ayah tirinya.

"Huh hina sangat ke kerja sebagai penoreh getah ni hah?? hasil menoreh getah inilah yang ayah awak gunakan untuk besarkan awak tau tak! untuk sekolahkan awak!! oooohhh saya terlupa, kerja sebagai penoreh getah ni mana layak untuk orang yang berpendidikan tinggi macam awak ni kan?? yelah! maklumlah keputusan SPM awak dulu kan cemerlang! 11 A1 kot!! sepatutnya orang yang bijak pandai macam awak ni melamar kerja sebagai doktor pakar, tak pun peguam, tak pun juruterbang kan?? yelah sebab awak ni kan *graduate* dari Universiti Harvard, wahhhh bertuahnya saya sebab dapat kahwin dengan lelaki yang terlajak genius macam awak ni!! tak sabar rasanya saya nak tengok suami saya pakai kot, pakai tali leher, gaji ribu riban! naik kereta mewah! hummm alangkah indahnya hidup ni kan??." Perli Alia dalam senyuman.

"Huh akak ni dah sewel ke apa?? abang ada SPM?? huhh sekolah pun sampai tingkatan tiga, ada hati nak kerja doktor!." Bidas Alisa sambil tersenyum sinis.

"Hahahahaha hummm Lisa, akak nak tanya sikit boleh tak?." Soal Alia pula tiba-tiba. Alisa hanya mengangguk sambil mengunyah gumpalan nasi yang dimasukkan ke dalam mulutnya tadi.

"Lisa kenal pembaris tak?? kalau Lisa nak tahu, Lisa dengan pembaris tu memang tak ada beza!! dua-dua lurus dan bendul!." Bidas Alia membuatkan Alisa terdiam kaku.

"Awak sedar tak awak sedang bercakap dengan siapa? saya ni suami awak tau!! sepatutnya awak bela saya bukannya awak hina saya depan keluarga saya!! awak selalu tanya saya kan, saya ni suami jenis apa dan sekarang ni saya pulak yang nak tanya awak, awak ni isteri jenis apa hah?? awak selalu persoalkan mana tanggungjawab saya sebagai seorang suami disebabkan saya tak bekerja dan tak mampu nak bagi nafkah pada awak setiap bulan dan sekarang ni saya nak persoalkan awak pulak, mana tanggungjawab awak sebagai seorang isteri?? baju saya ada awak pernah basuh?? tak!! mak saya jugak yang awak nak perhambakan untuk basuh semua pakaian saya termasuk pakaian awak!! pinggan awak makan, ada awak cuci?? tak!! kadang-kadang saya yang terpaksa kutip semua pinggan-pinggan awak untuk saya cuci di sinki!! saya bangun tidur, ada awak sediakan sarapan untuk saya?? tak pernah!! yang awak tahu, semuanya terhidang depan mata awak sampaikan saya terpaksa curi-curi bangun awal siapkan sarapan untuk awak dan bila ayah atau mak yang tanya, saya akan cakap awak yang buat sarapan tu untuk saya sebab saya nak jaga 'air muka' awak depan dorang tapi ada awak jaga 'air muka' saya? ada?? awak tak payah nak perasan baguslah!! buruk orang semua awak nampak tapi buruk awak sendiri ada awak nampak??!! saya suami awak!! saya jodoh awak!! saya yang tanggung segala dosa awak jadi tolong hormat saya!! saya ni cerminan diri awak! kalau awak nak betulkan kesilapan saya, awak betulkan dulu kesilapan diri awak!!." Bidas Muaz lalu segera beredar pergi meninggalkan mereka berlima di situ.

"Muaz!! Muaz!! kau nak pergi mana, nak?? Muaz!!." Jerit Maimon memanggil nama anaknya namun tidak dipedulikan langsung oleh lelaki itu. Muaz terus berjalan meninggalkan perkarangan rumah usang itu. Maimon kembali merenung ke arah menantunya, Alia. Renungannya itu menjadi semakin tajam.

"Heiii ini semua salah kau tau tak!! kalau tak disebabkan mulut kau yang jahat tu, anak aku takkan merajuk macam ni tau!" Marah Maimon ke arah Alia. Suasana tiba-tiba menjadi sunyi. Masing-masing terdiam termasuk Alia. Tidak lama kemudian, wanita itu mula bangkit dari tempat duduknya lalu mengorak langkah untuk beredar pergi meninggalkan Pak Mail, Maimon, Alisa dan Ayuni yang masih lagi setia berada di meja makan.

"Kenapa kamu tak ambil ikan ni, Ayu?." Tanya Pak Mail dalam nada kehairanan apabila dia melihat anak sulungnya itu hanya memakan nasi putih dan sayur campur saja.

Ayuni menggeleng-gelengkan kepalanya sebelum meneruskan bicara.

"Tak apalah ayah, Ayu tak nak lagipun sayur ni dah cukup untuk Ayu, ayah makanlah." Jelas Ayuni, cuba untuk mencipta alasan. Pak Mail meneguk liur seketika. Ayuni sanggup mengorbankan selera makannya asalkan Pak Mail, Maimon dan Alisa boleh makan nasi bertemankan lauk walaupun itu hanyalah sekadar ikan goreng. Namun dalam masa yang sama, Pak Mail juga tidak sanggup membiarkan anak perempuannya ini mengikat perut sendiri lalu tangannya mula memotong bahagian badan ikan goreng itu agar menjadi dua. Bahagian kepala dia ambil manakala bahagian ekor dia serahkan kepada Ayuni.

"Ehhh apa ni ayah? Ayu tak nak lagipun sayur ni pun dah cukup untuk Ayu, ayah makanlah." Tutur Ayuni sekali lagi, cuba untuk menolak pemberian dari ayahnya.

"Ayu tak payah tipu ayah, ayah kenal anak ayah! mesti Ayu teringin nak makan ikan goreng ni kan?? tak sedap nasi tu kalau dicampur dengan sayur saja, nah ambil! makanlah baru ada tenaga sikit." Desak Pak Mail bertalu-talu membuatkan Ayuni dihimpit perasaan serba salah. Akhirnya setelah didesak berulang kali, Ayuni terpaksa menurut saja. Bahagian ekor ikan goreng itu diambilnya lalu diletakkan ke dalam pinggan. Bagi Ayuni, ini sudah cukup untuk membuatkan dirinya berasa kenyang. Ayuni bersyukur kerana dianugerahkan seorang ayah yang begitu menyayangi dirinya.

"Abang, saya ada benda sikit nak cakap ni." Ujar Maimon kepada suaminya. Pak Mail yang baru saja selesai menunaikan solat Isyak segera menoleh untuk memandang wajah isterinya dengan seribu persoalan di hati. Lelaki tua itu kemudian mengangguk lemah sambil tangan kasarnya pula mula menarik selimut yang berada di hujung kaki. Maimon sempat menghela nafas yang panjang sebelum menghamburkan kata-kata.

"Saya tengok abang selalu lebihkan Ayu, kalau abang bencikan Muaz sekalipun saya tak heran sebab dia memang bukan anak kandung abang tapi Lisa tu, saya tengok abang layan dia tak ubah macam anak tiri sedangkan dia anak kandung abang!! saya terkilan bang! sepatutnya abang kena lebihkan Lisa! dia pun anak abang jugak kan??" Rungut Maimon, cuba untuk meluahkan rasa yang selama ini terbuku di hati. Pak Mail yang mendengarkan kata-kata itu terus tersenyum hambar sebelum merebahkan dirinya di atas katil. Wajah Maimon pula hanya dipandang sepi.

"Saya tak pernah bencikan Muaz, walaupun dia bukanlah anak saya tapi saya dah anggap dia macam darah daging saya sendiri! saya yang besarkan dia dari kecil sampai sekarang dan pasal Lisa pulak, saya tak pernah bezakan anak-anak saya.... saya tetap sayangkan anak-anak saya baik Ayu mahupun Lisa, mereka berdua adalah darah daging saya cuma saya kasihankan Ayu, awak tengoklah keadaan dia macam mana, dari kecil dia diejek, dicemuh dan dihina disebabkan sebelah wajahnya yang cacat tapi tak pernah walau sekali pun saya tengok dia merungut. Maimon, Ayu membesar tanpa kasih sayang seorang ibu sebab itu saya berikan dia perhatian yang lebih supaya dia tak rasa keseorangan dalam dunia ni tapi kalau Lisa tu lainlah, dia masih ada awak dan saya percaya yang awak dah berikan kasih sayang yang sepenuhnya pada dia." Jelas Pak Mail, cuba untuk menerangkan perkara yang sebenarnya. Maimon mendengus kasar sebaik sahaja dia mendengar kata-kata yang terpancul keluar dari bibir Pak Mail.

"Oooo habis tu abang cuba nak cakap yang saya ni seorang mak tiri yang jahatlah?? tak pernah sayangkan Ayu, macam tu maksud abang??." Soal Maimon bertubi-tubi, cuba untuk membuat andaian sendiri malah dia juga turut memiliki prasangka buruk terhadap suaminya.

"Bukan itu maksud saya, Mon.... saya tak pernah anggap awak macam tu cuma saya nak luahkan apa yang saya rasa sebab setiap kali saya tengok layanan awak terhadap Ayu, ia tak sama macam awak layan Lisa!! awak layan Ayu macam hamba abdi, awak suka suruh dia buat itu buat ini tapi anak awak Lisa tu, awak biarkan je!! apa yang dia nak semuanya awak turutkan! saya takut lama-lama nanti budak tu jadi makin besar kepala! si Ayu pulak, saya tengok dia dah jadi macam babu dalam rumah ni, mana kasih sayang awak sebagai seorang ibu, Mon?? saya kahwin dengan awak dulu pun sebab saya nak tengok Ayu dijaga dan dibelai oleh seorang wanita yang boleh digelar ibu tapi saya silap, umur Ayu sekarang pun dah nak masuk 24 tahun tapi sampai sekarang awak tak izinkan dia untuk panggil awak sebagai 'mak!'." Luah Pak Mail dengan riak wajah yang hiba. Sudah hampir dua dekad berlalu namun panggilan 'mak cik' itu masih lagi meniti di bibir Ayuni. Bukan dia tidak sudi untuk memanggil Maimon dengan panggilan 'mak' malah perkara itulah yang selama ini dia impikan namun semuanya hanya sekadar 'angan-angan' kerana Maimon tidak pernah membenarkan dia untuk berbuat demikian. Dari dulu sampai sekarang, Maimon masih menganggap Ayuni sebagai 'orang luar'. Itulah yang membuatkan hati Pak Mail benar-benar terpukul. Dia keliru dengan sikap isterinya, kadang kala wanita itu kelihatan baik di depannya seolah-olah sangat menyayangi Ayuni seperti anak kandungnya sendiri namun di belakangnya, lain pula ceritanya. Adakah itu semua hanyalah sekadar 'topeng' untuk menutup segala cela dan

kebusukan hati Maimon yang begitu membenci Ayuni?. Sungguh Pak Mail tidak mengerti. Dia mengharapkan agar Maimon boleh menyayangi puteri sulungnya itu dengan setulus hati namun mungkin ia hanyalah sekadar harapan yang tidak akan pernah menjadi kenyataan. Semuanya jauh panggang dari api!. Riak wajah Maimon terus berubah menjadi kusam. Hatinya terasa sakit apabila harus menerima hakikat bahawa suaminya ini menikahi dirinya adalah semata-mata kerana Ayu dan bukannya kerana lelaki ini mencintai dirinya.

"Malaslah saya nak bertekak dengan abang ni!! balik-balik saya jugak yang kena, saya ni semuanya salah! anak awak tu semuanya betul!! yelah! saya sedar siapalah saya ni kan? hanya menumpang teduh je dalam rumah ni!! daripada saya sakit jiwa melayan abang, baik saya tidur!! lagi bagus, hati pun tak sakit!!." Bidas Maimon lalu terus merebahkan dirinya di atas katil. Pak Mail pula hanya mampu terdiam seribu bahasa.

BAB 2

"Abang tolonglah jangan tinggalkan saya!! saya merayu pada abang!! abang tak kesiankan saya dengan Zafril ke??" Tangis Datin Mariam teresak-esak apabila suaminya, Datuk Syed Muzaffar membuat keputusan untuk merobohkan mahligai bahagia yang telah mereka bina selama lapan tahun dan semuanya akan musnah dalam waktu sekelip mata saja gara-gara seorang makhluk yang bernama 'perampas'.

"Sepatutnya dari awal lagi aku lakukan semua ni tapi kerana mengenangkan kau dan Zafril, aku korbankan segala perasaan aku untuk hidup bersama dengan wanita yang aku cintai dan kau sendiri pun tahu kan yang cinta aku untuk kau tak pernah wujud!! kenapa kau nak seksa hidup kau sedangkan kau tahu yang kau takkan pernah bahagia hidup bersama aku?!!" Soal Datuk Syed Muzaffar kepada isterinya.

"Kerana saya terlalu cintakan abang dari dulu sampai sekarang dan cinta saya pada abang tak pernah pudar malah ia sentiasa mekar dari hari ke hari dan saya percaya..... saya percaya suatu hari nanti abang akan sedar betapa besarnya cinta saya terhadap abang." Jawab Datin Mariam dengan linangan air mata yang bercucuran.

"Tapi aku tak pernah cintakan kau, Mariam!! dari dulu sampai sekarang cinta aku hanya untuk seorang wanita dan kau sendiri pun tahu siapa wanita tu!! disebabkan kau, hubungan aku dengan dia hancur!! disebabkan kau, dia tinggalkan aku!! semuanya disebabkan kau!! perkahwinan atas dasar paksaan ini hanya membuatkan kita berdua terjerat dalam kancuh derita!! kau dan aku sama-sama terluka, Mariam jadi tiada gunanya kita memilih untuk terus bersama sedangkan perpisahan itu adalah satu-satunya jalan yang terbaik untuk kau dan aku!!!" Tegas Datuk Syed Muzaffar.

"Andai sayalah punca penderitaan abang selama ni, saya minta ampun dari hujung rambut sampai ke hujung kaki tapi apa kudrat saya abang?? saya tak mampu untuk menolak kehendak Tuhan!! saya tak mampu untuk melawan takdir!! sudah tertulis di Luh Mahfuz bahawa abang adalah jodoh yang dipilih oleh Allah untuk menjadi imam dan ayah kepada anak-anak saya.... bukankah lebih baik jika abang belajar untuk 'melepaskan' kerana saya yakin pasti ada manis yang akan menyusul.... berilah peluang pada saya untuk saya buktikan bahawa saya juga mampu untuk jadi seperti 'dia'." Rayu Datin Mariam dengan penuh pengharapan. Datuk Syed Muzaffar terus mengukir senyuman sinis sebaik sahaja mendengar kata-kata yang terpancul keluar dari bibir mungil itu.

"Kau siapa?? kau sedar tak kau tu siapa?? kau jangan cuba- cuba nak banding-bandingkan diri kau dengan dia dan jangan pernah sesekali kau bermimpi untuk jadi seperti 'dia' sebab sampai bila-bila pun tiada siapa yang boleh menggantikan tempat dia di hati aku!! cinta dia untuk aku terlalu suci!! kalau kau nak tahu, walau betapa besarnya cinta kau pada aku, ia takkan pernah mampu untuk tandingi rasa cintanya dia terhadap aku kerana dia rela melepaskan aku walaupun dia terlalu mencintai aku!! dia rela korbankan impian kami untuk hidup bersama hanya untuk melihat kau bahagia!! apa yang dia ada, kau takkan pernah mampu untuk memilikinya!! jadi tolong hentikan angan-angan kau ni untuk jadi seperti dia!!." Tegas Datuk Syed Muzaffar.

Air mata Datin Mariam terus mengalir tanpa henti seolah-olah sudah tiada penghujungnya lagi. Datuk Syed Muzaffar terus mencapai beberapa helai baju yang tergantung di dalam almari lalu dimasukkan ke dalam bagasinya yang berwarna hitam. Lelaki itu mula mengatur langkah untuk meninggalkan isterinya namun langkah kakinya tiba-tiba saja terhenti apabila pergelangan tangannya dipaut oleh seseorang dari arah belakang.

"Papa....papa nak pergi mana?? tolonglah jangan tinggalkan mama!! papa dah tak sayangkan Zafril ke?." Soal anak kecil itu ke arahnya. Riak wajah Datuk Syed Muzaffar terus berubah menjadi keruh apabila mendengar pertanyaan yang diajukan oleh anak lelakinya itu. Datuk Syed Muzaffar menundukkan sedikit badannya untuk menatap wajah suci kanak-kanak yang tidak berdosa itu. Sungguh naif!

"Papa minta maaf sayang, papa terpaksa pergi.....Zaf jaga mama elok-elok ye." Balas Datuk Syed Muzaffar dengan riak wajah yang hiba.

"Biarlah Zafril!! biarkan papa pergi!! papa dah tak sayangkan kita lagi!! papa dah bencikan kita berdua!! biarkan papa pergi!! biarkan!! bagi papa, pompuan tu lebih penting dari segala-galanya!! bagi papa, Zafril dan mama dah lama mati!!." Celah Datin Mariam tiba-tiba, jelas kedengaran nada kecewanya di situ. Tanpa sepatah kata, Datuk Syed Muzaffar terus berlalu pergi meninggalkan Datin Mariam dan anaknya di situ.

"Papa!!! papa!!! papa!! jangan tinggalkan Zafril!! papa!! papa!!!" Teriak Zafril Adha berulang kali sehingga hampir pecah anak tekaknya namun jeritan sang anak tidak dipedulikan oleh lelaki itu. Datuk Syed Muzaffar terus memecut kenderaan yang dipandunya dan meninggalkan Zafril jauh ke belakang. Kilat saling menyambung dan berdentum malah awan juga sudah mula menunjukkan reaksi bahawa dia akan memuntahkan air hujan

sebentar saja lagi. Namun anak kecil itu masih tidak berputus asa. Dia masih terus mengejar dan mengejar kendaraan yang semakin lama semakin hilang dari pandangannya. Kakinya tersadung lalu dia terus jatuh tersungkur menghempap lantai bumi. Air hujan mula turun dengan lebatnya dan membasahi seluruh tubuhnya yang kelihatan menggigil kerana kesejukan.

"Papa jahat!! papa jahat!!! Zafril benci papa!! Zafril benci papa!!!" Teriak anak kecil itu sekuat hati.

"Tuan Zafril! Tuan Zafril!!." Bunyi sayu itu mula berdesup masuk ke dalam gegendang telinga Zafril. Lelaki itu mula membuka kelopak matanya perlahan-lahan. Ternyata malam hari telah berubah menjadi siang. Ternyata mimpi ngeri itu sekali lagi singgah bertapa dalam lenanya.

"Tuan Zafril, saya dah siapkan sarapan untuk tuan dan baju tuan pun saya dah gosokkan tadi." Jelas Bibik Imah tanpa diminta. Lelaki itu hanya mengangguk tanpa sepatah kata. Sebaik saja dia melihat Zafril Adha mula bangkit dari katilnya, Bibik Imah segera mengatur langkah untuk meninggalkan bilik tidur majikannya itu.

Suasana pagi di villa mewah milik Datin Mariam kelihatan begitu mendamaikan jiwa bagi setiap insan yang menikmatinya namun tidak bagi Zafril Adha. Segenap ruang yang ada di villa ini hanya akan mengingatkan dia pada setiap perbuatan kejam ayahnya terhadap Datin Mariam. Lelaki itu begitu membenci kewujudan Datuk Syed Muzaffar malah dia berasa malu untuk mengaku bahawa lelaki kejam itu adalah ayah kandungnya.

Air kopi panas yang dihidangkan untuknya dihirup dengan perlahan.

"*Morning, Zaf.*" Sapa Mak Su Maria, adik bongsu Datin Mariam merangkak sebagai 'ibu saudara kesayangan' Zafril. Lelaki itu hanya mengukir senyuman hambar ke arah ibu saudaranya.

"Zaf bertolak pukul berapa??" Tanya Mak Su Maria kepada lelaki kakak itu.

"Setengah jam lagi mak su." Jawab Zafril ringkas sambil tangannya mula mencedok nasi goreng yang dihidangkan oleh Bibik Imah. Mak Su Maria hanya mengangguk seraya mengeluh lembut.

"Dah lama mak su tak balik kampung arwah papa Zaf....hurmmmm kalau Zaf dah sampai sana nanti, jangan lupa tolong sampaikan salam mak su pada Ayah Haji sekeluarga ye." Pinta Mak Su Maria lagi.

"In Shaa Allah mak su tapi kenapa mak su tak nak ikut Zaf balik sana?." Tanya Zafril kerana perasaan ingin tahunya sudah lama membuak-buak sejak dari dulu lagi. Setahunya selepas arwah papanya meninggal dunia kira-kira 22 tahun yang lalu, sejak dari itulah ibu saudara kesayangannya ini tidak pernah lagi menjejakkan kaki ke kampung itu. Mak Su Maria yang mendengarkan pertanyaan itu hanya membatukan diri sahaja malah pertanyaan dari anak saudaranya itu juga dibiarkan saja berlalu pergi.

"Ehhh cepatlah habiskan sarapan kamu tu Zaf lagipun Pak Cik Ayob tengah tunggu kamu dari tadi lagi nanti lambat pulak kamu sampai." Ujar Mak Su Maria, cuba untuk mengubah topik perbualan. Zafril hanya mengangguk faham. Dia harus pulang ke kampung arwah papanya untuk menguruskan hal harta pusaka arwah termasuklah kilang-kilang dan kebun dusun yang perlu diambil alih olehnya.

"Ooo sebelum mak su terlupa, ingat pesan mak su ni, tolong jaga amanah ini! mak su harap sangat Zaf boleh bangunkan semula kilang Mariam Golden dengan sebaik mungkin sebab kilang tu amat bermakna buat mama Zaf." Sambung Mak Su Maria lagi dan kali ini kedengaran nada sebak yang cuba disembunyikan oleh wanita yang usianya sudah hampir mencecah lingkungan 50-an. Zafril terdiam seketika. Rasanya begitu berat sekali amanah yang harus dipikulnya saat ini. Bagi membangunkan semula sebuah kilang yang sudah ditutup hampir 22 tahun yang lalu bukanlah suatu kerja yang mudah untuk dilakukan. Namun itu adalah satu-satunya kenangan terindah yang pernah ditinggalkan oleh arwah papa untuk mamanya. Nama kilang itu juga diambil sempena nama mamanya. Mamanya dulu merupakan salah seorang pekerja di kilang yang dibangunkan oleh keluarga arwah papanya. Bibit-bibit percintaan romantik di antara mereka berdua bermula di situ maka tidak hairanlah mengapa mama beria-ria ingin membangunkan kembali kilang itu. Kilang itu merupakan nostalgia terindah yang pernah hadir dalam hidupnya. Kini, Zafril pula yang harus bersedia mempersiapkan diri dari sudut fizikal dan mental agar impian mamanya dapat dia tunaikan.

"Errr mak su, kalau Zaf nak tanya sesuatu boleh tak?." Soal Zafril tiba-tiba. Mak Su Maria hanya menganggukkan kepala sebagai isyarat bahawa dia telah memberikan kebenaran kepada lelaki kakak itu untuk bertanyakan soalan.

"Kenapa kilang tu terbakar?." Laju saja ayat itu terpancul keluar dari bibir Zafril.

"Zaf tak tahu ke?? sebelum ni takkan mama tak pernah beritahu apa-apa pada Zaf?." Kini soalan berbalas soalan pula.

"Kalaulah Zaf tahu, Zaf takkan tanya soalan ni pada mak su lagipun takkan mak su tak tahu, selama 22 tahun mama tak pernah bercakap dengan sesiapa pun termasuk Zaf." Jawab Zafril jujur. Sekali lagi Mak Su Maria mengeluh sebelum kembali menyambung bicara.

"Kalau Zaf nak tahu, kilang yang terbakar itulah yang menjadi punca kebisuan mama Zaf dari dulu sampai sekarang....kilang tu memang puaka!! kerana kilang itulah seluruh keluarga kita menderita!." Jelas Mak Su Maria.

"Apa maksud mak su?." Tanya Zafril lagi dengan riak wajah yang berkerut.

"Mak su kalau boleh tak nak cerita semua benda ni pada Zaf tapi bila difikir-fikirkan balik, sampai bila mak su nak simpan rahsia ni dari pengetahuan Zaf lagipun ini mengenai hal ibu bapa Zaf jadi Zaf sebagai anak, Zaf berhak untuk tahu semuanya." Jelas Mak Su Maria lagi, menambahkan rasa debar di hati lelaki itu.

"22 tahun yang lalu, kilang itu terbakar disebabkan oleh seorang perempuan yang cuba untuk menggugat kebahagiaan antara mama dan arwah papa Zaf. Dia cemburukan mama sebab berjaya memiliki cinta arwah papa Zaf dan dialah punca penderitaan mama Zaf dari dulu sehingga sekarang.... dia goda arwah papa Zaf, dia hasut arwah papa supaya ceraikan mama sehingga hidup mama Zaf terkontang kanting tanpa arah. Mak su yang jadi saksi di atas segala penderitaan mama Zaf, betapa terseksanya hidup dia hanya kerana seorang lelaki yang tak bertanggungjawab!! kerana pompuan tu, papa Zaf sanggup tinggalkan mama Zaf! pompuan tu pembunuh!! dia cuba nak bunuh mama Zaf sebab dia nak miliki arwah papa Zaf tapi takdir telah berkata lain, pada hari kejadian, dia dan papa Zaf yang telah terbunuh dan mama Zaf selamat tetapi doktor mengatakan pada mak su yang mama Zaf telah mengalami trauma yang terlalu teruk sehingga dia kemurungan dan menjauhkan diri dari semua orang termasuk Zaf." Jelas Mak Su Maria dengan nada sebak. Zafril tergamam seketika.

"Selama 22 tahun Zaf hidup tanpa kasih sayang seorang mama....selama 22 tahun Zaf kehilangan belaian dari seorang mama dan selama 22 tahun Zaf tak pernah dengar mama sebut nama Zaf, Zaf rindu semua tu mak su!! Zaf rindu sentuhan dan pelukan mama!! Zaf rindu nak dengar suara mama!! Zaf terlalu rindu!! Zaf rindu nak dengar mama ucap selamat

malam pada Zaf sebelum tidur! Zaf rindu nak dengar mama cakap yang dia sayangkan Zaf! hidup Zaf kosong, mak su! Zaf menderita!! selama 22 tahun Zaf menderita hanya kerana seorang perempuan!! siapa perempuan tu, mak su?? siapa dia?? Zaf takkan lepaskan dia!! siapa dia mak su??" Desak Zafril bertubi-tubi.

"Azizah...." satu nama yang terpancul keluar dari bibir Mak Su Maria sudah cukup untuk membuatkan seluruh badan Zafril menggeletar kerana menahan rasa amarah yang terlalu dahsyat.

"Tapi dia dah mati! dia dah mati Zafril! tak ada gunanya lagi Zaf menyimpan dendam pada orang yang dah tak ada!! dia mati bersama arwah papa Zaf dalam kilang tu! mati hangus terbakar kerana dosa-dosanya yang telah memporak-perandakan rumah tangga orang!! itu atas dunia pun Tuhan dah balas CASH! hurmmmm kalau di akhirat sana, menderitalah dia di dalam api neraka!"Laju saja Mak Su Maria mengambil alih kerja Tuhan dengan melabelkan hukum sesuka hatinya dengan mengatakan pengakhiran manusia yang dibencinya itu adalah menderita di dalam api neraka!.

Zafril mengetap bibir kerana geram.

"Dia ada anak? adik-beradik?? saudara-mara?? tak kiralah siapa pun Zafril takkan pernah izinkan keturunan dia hidup bahagia di atas penderitaan mama!." Tegas Zafril.

"Errr setahu mak su dia sebatang kara, tak ada adik-beradik ataupun saudara mara tapi kalau anak tu mak su tak tahulah sebab dulu mak su pernah dengar yang dia pernah kahwin tapi kalau soal anak tu, mak su kurang pasti....hurmmmm Zafril, mak su faham kalau Zaf rasa sakit hati dengan semua ni tapi Azizah pun dah terima balasan di atas segala perbuatan jahatnya terhadap mama jadi mak su rasa tak perlulah Zaf libatkan anak dia atau orang yang berkaitan dengan dia dalam hal ni sebab dorang tak salah, Zaf! tak elok berdendam!! kalau ikutkan hati ni, mak su lagi marah sebab mama tu satu-satunya kakak yang mak su ada tapi apakan daya, kalau mak su nak berdendam sekalipun bukannya ada apa-apa keuntungan untuk mak su jadi lebih baik Zaf lupakan semua ni dan mulakan hidup baru! mak su yakin suatu hari nanti mama akan kembali semula macam dulu.... In Shaa Allah, Zaf apa yang penting sekarang ni kita kena banyakkkan berdo'a." Pesan Mak Su Maria lagi.

"Tak mak su!! tak semudah itu untuk Zaf lupakan semuanya!! tak semudah itu untuk Zaf memaafkan!! mak su, sekarang ni Zaf nak tanya mak su, apa salah Zaf?? apa dosa yang Zaf dah buat pada dia sampai dia tergamak buat Zaf macam ni?? mak su cakap jangan libatkan keturunan dia dalam hal ni habis tu kenapa dia libatkan Zaf dalam penderitaan ni mak su?? kenapa dia babitkan Zaf dalam hal ni sedangkan Zaf tak pernah buat apa-apa pun pada dia!! kenapa Zaf yang jadi mangsa, mak su?? selama 22 tahun Zaf jadi mangsa dia dan sekarang ni Zaf nak keturunan dia pulak yang jadi mangsa Zaf!! Zaf nak dorang semua rasa setiap inci penderitaan yang Zaf dah tanggung selama 22 tahun!! sampai mati pun Zaf takkan maafkan dorang!! takkan!! mulai dari saat ini, dorang kena mula menghitung detik-detik bahagia dalam hidup dorang sebab selepas ini hanya akan ada derita saja yang sudi menjadi peneman hidup dorang untuk selama-lamanya! ini janji Zaf!" Tegas Zafril lalu mula mengatur langkah untuk meninggalkan Mak Su Maria sendirian di ruang makan.

"Ya Allah! apa yang aku dah buat ni?!! aku ni memang tak pandai simpan rahsialah!! aduhhh kalaulah Kak Mariam tahu aku bongkarkan rahsia ni pada Zafril, mati aku!!." Bebel Mak Su Maria sendirian, memarahi diri sendiri.

TUK!! TUK!! Bunyi ketukan pintu dari arah luar. Bibik Imah yang mendengar bunyi itu segera mengorak langkah untuk membuka daun pintu yang dikuncinya dari dalam.

"Macam mana dengan keadaan mama?." Tanya Zafril kerana ingin tahu.

"Errr keadaan Datin Mariam macam biasalah tuan, masih lagi seperti dulu dan tiada apapun yang berubah." Jelas Bibik Imah kepadanya dengan riak wajah yang hiba. Zafril hanya mengangguk lemah sebelum kembali menyusun kata.

"Awak keluar dulu, saya nak berdua dengan mama." Pinta Zafril kepada pembantu rumahnya. Bibik Imah hanya mengangguk faham lalu mula mengatur langkah untuk meninggalkan Zafril yang hanya ingin berdua-duaan dengan Datin Mariam.

"Mama, Zaf datang ni...pandanglah wajah Zaf, ma...sekali pun jadilah! pandanglah wajah Zaf, ma...tolonglah!! Zaf rindukan mama." Ucap Zafril dengan nada suara yang sebak, cuba untuk menahan rasa sedih di hati. Namun Datin Mariam masih lagi membisu. Dirinya ibarat bangkai yang sudah tidak bernyawa. Tidak bercakap dan tidak bergerak, hanya keras kaku tak ubah seperti patung. Pandangannya hanya dilempar jauh ke arah luar jendela, memerhatikan sinaran mentari yang mula menyebarkan sayapnya bertebaran di seluruh pelosok bumi.

"Zaf tahu jauh di sudut hati mama, mama teringin nak sentuh Zaf! mama teringin nak belai Zaf dan mama teringin nak cium dahi Zaf macam dulu-dulu tapi mama tak berdaya nak buat semua tu kerana ada satu hijab yang menghalang mama dari mengenal rasa cinta, kasih sayang dan bahagia...apa yang ada dan apa yang tinggal untuk mama hanyalah sebuah kenangan yang begitu memeritkan jiwa! selama ni Zaf tak pernah minta apa-apapun dari mama tapi kali ini Zaf nak minta sesuatu dari mama... mama tolonglah bersabar kerana 'kemenangan' itu pasti akan menjadi milik kita berdua, mama tolonglah bertahan! setialah untuk menunggu Zaf kerana suatu hari nanti Zaf akan kembalikan semula senyuman mama yang hilang! Zaf janji akan buat mama kembali tersenyum... Zaf janji." Tuter Zafril dengan penuh perasaan. Tanpa sedar, air mata lelakinya mula gugur. Tangannya juga turut menggenggam erat pergelangan tangan milik Datin Mariam lalu dia mengucup tangan mamanya dengan penuh kasih dan kali ini sekali lagi air mata lelaki miliknya turut tumpah. Datin Mariam masih lagi membisu namun air mata yang mengalir keluar dari kelopak matanya yang bundar itu sudah cukup untuk menjadi sebuah jawapan bagi menggambarkan apakah yang sedang bersarang di hatinya saat ini. Zafril menghapuskan air matanya lalu lelaki kacak itu segera beredar pergi meninggalkan Datin Mariam sendirian di kamarnya.

"Ehhh Ayu!! kau tak cuba cari kerja lain ke hah?? takkanlah kau asyik nak terperap je dalam rumah ni?? siapa yang nak beli barang dapur dalam rumah ni kalau kau tak kerja??!!." Marah Maimon kepada anak tirinya.

Sejak berhenti kerja di kedai makan Latifah, Ayu hanya duduk di rumah saja. Sudah hampir dua minggu dia melilau di kawasan pekan untuk mencari kerja namun tiada satu pun usahanya berhasil. Zaman kegawatan ekonomi yang kian mencabar ini membuatkan peratusan untuk mendapat peluang pekerjaan adalah terlalu tipis. Berlambak-lambak graduan Diploma dan Ijazah yang masih lagi terkial-kial untuk mendapat tawaran kerja, inikan pula dia yang hanya lulus SPM dan itupun sekadar lulus cukup-cukup makan saja.

"Hah betul tu!! kau pergilah cari kerja!! jangan jadi pemalas!!." Celah Alisa tiba-tiba.

"Mak, kalau Lisa nak pinjam duit sikit, boleh tak?." Pinta Alisa dengan mata kuyupnya itu mula memandang ke arah Maimon, cuba untuk memohon simpati.

"Hah ni lagi sekor!! memang menaikkan darah aku!! kerja kau asyik nak mintak duit je!! apa kau ingat aku ni cop duit?? kuli batak kau?? kerja siang malam lepas tu bagi duit kat kau?? ewah-ewah banyak cantik muka kau, Lisa!! kau suruh kakak kau kerja, habis tu yang kau tu

tak kerja, buat apa dalam rumah ni?? tahu membuta je kau kan!! kalau kau nak duit, pergilah cari kerja!! jangan jadi pemalas!!." Tengking Maimon ke arah anak gadisnya.

"Alahh mak ni, kalau tak nak bagipun tak payahlah nak marah-marah!! eh hh Ayu, ini semua salah kau tau tak!! sepatutnya kau sebagai kakak yang lebih tua, kau kenalah jalankan tanggungjawab kau pada adik kau ni!! pergilah cari kerja! tolong aku ringankan beban mak dengan ayah dalam rumah ni!! kalau aku lainlah, aku tak boleh cari kerja lagi sebab sekarang ni aku tengah tunggu tawaran kolej! kang tak pasal-pasal bila aku dah kerja, tiba-tiba pulak dapat *offer* masuk kolej, hah macam mana? mana boleh berhenti macam tu je!." Jawab Alisa, cuba mencari alasan untuk mengelak.

"Ehhh Lisa! dah berkulatlah aku dengar kau punya tawaran kolej tu!! sampai sekarang aku tengok tak ada apa pun!! yang ada kerja kau asyik membuta sampai ke tengah hari lepas tu mintak duit dengan aku! apa yang kau tahu dalam hidup kau, melepak dengan kawan-kawan bohsia kau tu!! lewat malam baru kau tahu jalan nak balik rumah, apa nak jadi dengan kau ni hah?!" Bebel Maimon yang nampaknya sudah hilang sabar dengan kelakuan anak daranya.

Nurul Alisa mencebik. Nurul Ayuni pula hanya mampu menundukkan pandangannya ke bawah. Dia tidak mempunyai keberanian walau sedikit pun untuk mencelah. Risau juga, nanti tak pasal-pasal dirinya pula yang akan dipersalahkan.

"Apa bising-bising ni, Mon?." Tanya Pak Mail yang baru saja pulang dari menoreh getah.

"Ni hah, dua ekor anak awak ni bang!! dua-dua pemalas!! yang sorang lagi asyik termenung je dalam rumah!! yang sorang lagi kerjanya asyik nak 'memintak' je! ini semua ikut perangai abanglah! hidup suka sangat menyusahkan orang!!." Marah Maimon yang nampaknya masih lagi belum reda.

"Ehhh mak ni! Lisa mintak sikit je itupun nak meroyan!." Bidas Alisa, cuba untuk membela diri.

Mata Maimon membulat memandang ke arah anak kandungnya itu.

"Hah menjawab!! menjawab!! kang aku kakikan muka kau tu nanti baru kau tahu rasa!!." Nada Maimon semakin keras.

"Ehhh sudahlah Mon!! awak ni pun satulah!! pasal duit pun awak nak bising, dahlah!! jangan marah anak-anak lagi!! saya ni masih lagi ada kudrat untuk bekerja, saya akan tanggung semua perbelanjaan dalam rumah ni!! itu tanggungjawab saya!." Celah Pak Mail, cuba untuk menenangkan situasi yang semakin hangat antara Maimon dan anak bongsunya.

Maimon yang mendengarkan kata-kata dari suaminya itu terus tersenyum sinis sambil memeluk tubuh gempalnya.

"Ehhh abang!! abang ni nak buat lawak ke tengah hari buta macam ni?? kerja menoreh getah tu berapa sen sangatlah yang abang dapat hah?? cukup ke nak tampung kehidupan kami lima beranak ni?? tu kat dapur!! dah berapa hari tak berasap!! saya ni dah naik malu tau tak nak pergi berhutang dengan kedai Nab tu!! hutang yang dulu pun tak habis bayar lagi!!." Rungut Maimon kerana tidak berpuas hati.

Pak Mail hanya mampu terdiam saat ini.

"Ayah, Ayu dah merata tempat cari kerja tapi masih tak dapat....hurmmmm ayah jangan risau ehh, Ayu janji yang Ayu akan usahakan jugak untuk cari kerja." Pujuk Ayuni, cuba untuk menenangkan hati ayahnya.

Mata Pak Mail mula memandang tepat ke arah wajah polos Ayuni. Dia teringat akan sesuatu yang berlaku ketika dia bertembung dengan Ayah Haji Marzuki pagi tadi di kebun getah.

Imbas Kembali.....

"Hah macam mana hari ni?? okey tak?." Tegur Ayah Haji Marzuki tiba-tiba dari arah belakang.

"Alhamdulillah, macam biasalah Abang Haji, ini ada apa hal Abang Haji datang kebun pagi-pagi macam ni?." Tanya Pak Mail dalam nada kehairanan kerana tidak menjadi kebiasaan bagi pemilik kebun getah itu datang melawat setiap pekerjanya di situ pada waktu pagi kecuali jika ada urusan penting.

"Oooo ni hah anak arwah kawan aku dari KL nak datang hari ni, tengah hari nanti dia sampailah jadi dia ada mintak tolong aku suruh jemput kamu semua untuk datang ke rumahnya sebab ada kenduri tahlil katanya dan satu lagi sebelum aku terlupa, kilang arwah kawan aku yang terbakar kat hujung sana tu akan dibaiki dan dibuka semula. Kilang tu akan

beroperasi mulai minggu depan jadi aku nak kamu dengan yang lain beritahu hal ni pada orang kampung sebab anak arwah kawan aku tengah cari pekerja untuk kilang tu." Jelas Ayah Haji Marzuki dengan panjang lebar.

Pak Mail kembali tersenyum saat ingatannya akan kata-kata Ayah Haji Marzuki pagi tadi terimbau kembali.

"Kamu tak perlu susah-susah nak cari kerja, Ayu sebab ayah dah dapatkan kerja untuk kamu." Balas Pak Mail sambil tersenyum lebar.

"Ahhh??" Jawab mereka bertiga serentak sebaik sahaja mendengar kata-kata yang keluar dari mulut Pak Mail.

"Ayah dah dapatkan kerja untuk aku?? tapi kerja apa dan di mana?." Pelbagai soalan mula timbul di dalam hati kecil Ayuni.

"Hai Lisa! dah lama aku tak nampak kau! selama ni kau pergi mana hah?." Sapa Erin ke arah Alisa.

"Aku tak ada pergi manalah! ada je tercongok kat rumah tu!" Jawab Alisa dengan riak wajah yang masam mencuka.

"Heii kenapa ni beb?? apasal aku tengok muka kau monyok je!! dah macam ayam berak kapur tau tak!." Sambung Erin lagi namun kali ini Alisa hanya membalas kata-kata rakannya itu dengan jelingan sinis saja.

"Elehh kau ni!! asyik *badmood* je!! kalau kau ada masalah, kau citerlah dengan kitaorang! manalah tahu kot-kot aku dengan Erin boleh tolong kau!." Celah Ain pula, cuba untuk mengorek rahsia dari Alisa.

"Aku geramlah beb!! aku sekarang tengah kering ni, kalau korang ada pulus baklah sini sikit! aku janji hujung bulan nanti aku bayarlah balik!." Jawab Alisa bersungguh-sungguh sambil menunjukkan isyarat jari *peace* kepada mereka berdua. Ain dan Erin saling berpandangan antara satu sama lain. Mereka kemudian mula ketawa terbahak-bahak apabila mendengar kata-kata dari Alisa.

"Ehhh Lisa! kalau kitaorang bagi kau pinjam pun, kau tu ada duit ke nak bayar balik hah? kau bukannya kerja lagipun selama ni aku tengok kau asyik harapkan kakak kau si Ayu tu je yang tanggung kau!! kadang-kadang kesian aku tengok kakak kau tu, siang malam kerja membanting tulang sebab nak sara 'biawak hidup' hahahahaha!." Bidas Erin dengan ketawanya yang masih lagi bersisa. Alisa mencebik bibir kerana tidak berpuas hati dengan sindiran pedas rakannya itu.

"Weiii kalau korang tak nak tolong aku pun aku tak kisah tapi tak payahlah nak sindir-sindir aku!! aku pun ada perasaan jugak!!." Marah Alisa. Riak wajahnya juga terus berubah menjadi tegang.

"Ehhh alolololo okey!okey! *sorry*!! aku minta maaf pasal tadi ehh... hummm sekarang ni kau kata kau nak pakai duit kan?? hah aku ada *plan* baik untuk kau dan kali ni bukan setakat pulus je beb!! silap hari bulan ratus pun kau boleh dapat tau!!." Jelas Erin beria-ria, cuba untuk memberi jalan kepada Alisa yang mengalami kesempitan hidup akibat *lifestyle* yang dia amalkan, tidak kena dengan keadaan dirinya yang kais pagi makan pagi, kais petang malam baru boleh makan dan itupun kalau ada makanan.

Dahi Alisa mula berkerut.

"Macam *best* jerr *plan* kau ni!!citerlah!! aku dah tak sabar nak tahu ni!!." Balas Alisa dengan riak wajah yang kelihatan begitu teruja.

"Hah yang tu kau kena ikut akulah! kita pergi satu tempat ni tapi kau kena pandai-pandai simpanlah! biasalah beb, nak hidup kan." Jelas Erin lagi, menambahkan rasa curiga di hati Alisa.

"Ehh beb!! kerja apa ni?? halal ke tak ni??kalau haram tu aku tak naklah!! yelah, aku ni memanglah bukan baik sangat pun tapi kalau kerja yang salah di sisi undang-undang tu, aku tak naklah!! nanti tak pasal-pasal ke dalam aku!! wuuuu tak nak aku!! selisih malaikat 44!." Kata Alisa yang tiba-tiba saja melatah. Erin dan Ain yang melihat reaksi dari Alisa itu terus mencebik bibir sebagai tanda 'menyampah' dengan sikap Alisa yang tiba-tiba saja berlagak 'suci' ini.

"Alahhh tadi kau kata kau nak pakai duit kan?? takkan kau tak teringin nak jadi macam aku ni hah?! kau tengok aku ni, aku boleh pakai PRADA, GUCCI, LV! semuanya ORIGINAL okey!!

tak pun cuba kau bandingkan *phone* kau dengan *phone* aku." Arah Ain lalu menyuruh agar Alisa mengeluarkan telefon bimbit miliknya yang tersembunyi di balik poket seluar jeans.

"Eyukkkk kau pakai *brand* apa ni Lisa?? heii kita sekarang ni hidup dalam zaman teknologi tau!! semua orang ada Facebook, Instagram, Twitter, Tik Tok tapi kau ni hidup zaman bila hah?? kau masih pakai lagi telefon cap Nokia ni?? kau ni memang dah ketinggalan zaman tau sebab itulah aku nak suruh kau ikut aku!! barulah hidup kau akan berubah! tak adalah kau asyik terperangkap di takuk yang lama je." Hasut Ain lagi, cuba untuk menyakinkan Alisa agar masuk ke dalam jerat mereka. Agak lama juga Alisa mendiamkan diri kerana cuba memikirkan sesuatu adakah tindakan yang dia ambil ini adalah wajar ataupun tidak.

"Tapi kerja apa beb? aku takutlah!!." Luah Alisa. Jelas terpancar kegusaran di riak wajahnya. Ain dan Erin pula masing-masing mula mengukir senyuman sinis di bibir.

"Alaaa biasalah tu! memanglah mula-mula kau akan rasa takut nak buat semua benda ni tapi bila dah lama, aku gerenti kau mesti suka punya! Lisa, kalau kau asyik fikir nak cari kerja yang halal berapa sen sangatlah yang kau dapat hah? dahlah penat nak kena kerja dari pukul 8.00 pagi sampai 8.00 malam tapi dapat ciput je!! nak pergi *shopping* pun tak lepas tau!! sebab itulah aku nak kau *join* aku! memanglah kerja yang aku buat ni salah tapi kan kau dengan aku masih muda lagi! banyak lagi masa untuk kita bertaubat!! dahlah kau tak payahlah nak kusutkan kepala hotak kau yang bengap tu nanti makin bengap pulak jadinya! sekarang ni aku nak kau ikut aku!." Pujuk Erin, cuba untuk menghilangkan kebimbangan di hati Alisa. Dengan hatinya yang berat, Alisa menurut saja kemahuan rakannya itu.

"Kau nak pergi mana Lisa?." Tanya Maimon kepada anak gadisnya sebaik saja dia melihat perempuan itu mula memasukkan beberapa helai pakaian ke dalam beg.

"Alahh Lisa nak tumpang tidur rumah Erin je mak, dia ada kat luar tu tengah tunggu Lisa." Jawab Alisa tanpa memandang wajah ibunya. Maimon mula memeluk tubuh gempalnya itu seraya berkata.

"Kau ni biar betul Lisa oi!! rumah kita kan ada, bilik untuk kau pun mak dah sediakan, apa lagi yang kau nak hah?? kau jangan buat hal belakang aku, Lisa! mati kau aku kerjakan nanti!!." Ugut Maimon lagi. Alisa yang mendengarkan kata-kata dari ibunya itu terus mengetap bibir.

"Hish mak ni bisinglah!! Lisa bukan nak pergi mana pun!! nak tumpang tidur rumah Erin je lagipun kesian dia, mak bapak dia tak ada kat rumah! kalau ada Lisa ni lainlah, hilanglah sikit takut dia tu!!." Bebel Alisa pula, cuba untuk membela diri.

"Betul tu mak cik lagipun Lisa cuma nak temankan Erin je, kebetulan mak dan ayah tak ada, dorang pergi Seremban jadi kalau ada Lisa ni lainlah, taklah rasa sunyi sangat sebab ada jugak teman untuk berborak." Celah Erin tiba-tiba, cuba untuk memujuk hati Maimon agar membenarkan Alisa keluar dari rumah itu untuk beberapa hari. Namun Maimon kelihatan masih lagi curiga.

"Betul ke kamu berdua ni hah?? jangan buat perkara yang bukan-bukan!! mak cik tak nak kamu berdua berkelakuan tak senonoh!! jaga maruah tu sebagai seorang perempuan." Bidas Maimon lagi kepada Alisa dan Erin. Dua orang gadis itu saling membalas pandangan dan masing-masing terkedu apabila sekali sekala kata-kata Maimon itu tadi berdesup masuk menusuk ke jantung hati.

"Betul tu, apa kata Erin saja yang tinggal di rumah pak cik ni sementara tunggu mak dan ayah Erin balik dari Seremban." Celah Pak Mail pula, cuba untuk memberikan cadangan. Riak wajah Erin terus berubah menjadi kelat sebaik saja mendengar kata-kata dari Pak Mail kerana itu bukanlah tujuan asal dia berkunjung ke rumah Alisa.

"Errr tak apalah pak cik lagipun Erin tak biasa tidur rumah orang sebab Erin lagi selesa kalau duduk kat rumah sendiri....hummm pak cik dengan mak cik tak payahlah risau sebab kami berdua pandai jaga diri, kami janji yang kami tak akan buat perkara yang tak senonoh." Jelas Erin, cuba untuk menyakinkan lagi orang tua Alisa. Pak Mail hanya mengangguk faham manakala Maimon pula tidak mempunyai pilihan lain selain membenarkan saja anak daranya itu menumpang tidur di rumah orang. Jauh di sudut hatinya, terasa bimbang akan keselamatan Nurul Alisa namun apakan daya, anak gadisnya itu memang keras kepala! sama seperti dirinya waktu muda-muda dulu.

"Perghhh!! kau memang pandai auta mak bapak aku kan!! kalaulah dorang tahu, matilanak!!." Tuter Alisa ke arah sahabatnya, Erin. Gadis yang berambut pendek itu terus mengukir senyuman sinis.

"Alahhh kau tak payah risaulah!! ini Erinlah!! kalau setakat mak bapak kau tu, kacang je untuk aku tundukkan." Balas Erin yang mula bongkak dengan kehebatan diri.

*** Setengah Jam Kemudian ***

"Ehhh Erin! lambat lagi ke?? dah bergoyang kepala lutut aku ni berdiri lama-lama kat sini!!" Rungut Alisa yang dari tadi lagi kelihatan asyik mundar-mandir tak ubah seperti cacing yang kepanasan.

"Alahhh minah ni!! sabarlah!! kejap lagi bos aku sampailah!" Pinta Erin agar rakannya itu bertenang. 10 minit kemudian, kelihatan sebuah kenderaan Toyota Camry berwarna hitam mula berhenti di hadapan mereka berdua.

"Bos, hari ni saya ada bawa budak baru!" Ujar Erin kepada majikannya. Lelaki yang memakai kaca mata itu hanya mengangguk faham dan menyuruh Erin memanggil Nurul Alisa.

"Lisa!! Lisa!! sinilah!" Erin memanggil Alisa dalam nada suara yang kedengaran seperti separuh berbisik kerana bimbang jika diketahui orang. Alisa yang menyedari akan keadaan itu mula meneguk liur namun dia tetap mengagahkan diri untuk mendekati kenderaan mewah yang terletak tidak jauh dari tempat dia berdiri.

"Lisa, inilah bos aku." Sambung Erin lagi sambil memperkenalkan majikannya kepada Alisa. Gadis itu kemudian cuba untuk mengukir senyuman kelat di wajahnya. Dia terasa kekok untuk membiasakan diri dengan semua ini.

"Korang berdua masuk dalam!" Arah lelaki itu kepada mereka berdua. Erin hanya mengangguk faham sedangkan Alisa masih lagi termangu dan kelihatan kebingungan. Tanpa harus menunggu lama, tangan Alisa terus ditarik oleh Erin untuk dibawa masuk ke dalam perut kereta. Kenderaan itu kemudian memecut laju meninggalkan tempat itu.

Jam di tangan sudah menunjukkan hampir pukul 1.00 pagi. Suasana malam kelihatan masih lagi muda. Kenderaan itu mula berhenti di hadapan kelab malam yang terletak di bandar Johor Bharu, ia mengambil masa beberapa jam untuk sampai dari Muar, kampung halaman Alisa dan Erin.

"Jom ikut aku!" Arah Erin lalu mula menarik lengan rakannya itu. Alisa kelihatan agak jakun kerana ini adalah merupakan kali pertama buat dirinya menjejakkan kaki di tempat-tempat sebegitu. Erin kemudian membawanya untuk menuju ke sebuah bilik persalinan yang hanya diterangi oleh lampu neon.

"Nah, kau pakai ni." Arah Erin lagi sambil tangannya menghulurkan sehelai dress singkat berwarna hijau tua kepada Alisa. Namun gadis itu menolak sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Hishh aku tak naklah!! aku tak biasalah buat semua benda ni!! kalau aku pakai macam ni je tak boleh ke?." Soal Alisa dengan riak wajah yang tampak kurang selesa.

Erin yang mendengarkan pertanyaan itu terus mendengus kasar.

"Hishhh kau ni nak takut apanya?? buat biasa jelah!! kau tak nak ke hidup mewah macam aku ni?? pakaian kau ni tak sesuai lah dengan baju T-shirt lengan pendek, seluar jeans pulak lusuh macam ni!! kau rasa ada ke orang yang nak pandang kau hah?? sebab itulah aku suruh kau pakai baju ni barulah seksi!! kan kerja kita menggoda lelaki-lelaki hidung belang kat sini, baru dapat duit tip!! kalau kau pandai goda, poket kau ni lagi masyukkkkk!! dahlah! kau tak payah nak cakap banyak, sekarang ni aku nak kau pergi tukar baju! aku pun nak tukar baju jugak ni." Desak Erin lagi. Alisa tidak mempunyai kata dua. Dia harus bersetuju dengan permainan ini asalkan impiannya untuk hidup mewah bakal menjadi suatu kenyataan. Lagipun tak lama, dia hanya perlu bekerja di sini selama beberapa hari saja untuk mengumpul wang dan setelah wang yang dia mahukan telah mencukupi, dia akan pulang semula ke Muar dan hidup seperti biasa. Tiada istilah paksaan di sini lagipun dia hanya bekerja sebagai GRO dan bukannya pelacur!.

Alisa mula menanggalkan pakaian yang melekat di tubuhnya satu persatu kemudian digantikan pula dengan dress singkat berwarna *Emerald Green*. Rambutnya pula disanggul rapi untuk menambahkan kecantikannya yang hanya berada pada tahap biasa-biasa sahaja, tidak seperti kakaknya, Nurul Ayuni.

"Hah kau dah siap dah?." Soal Erin, cuba untuk mendapatkan kepastian. Alisa hanya mengangguk lemah tanpa sepele bicara. Erin yang melihat reaksi itu terus menguntum senyuman lebar.

"Hah kalau macam tu jom ikut aku! kita mulakan tugas sekarang!." Tegas Erin dalam senyuman. Alisa hanya mengekori sahaja langkah kaki rakannya itu dari arah belakang.

Alisa melihat keadaan sekeliling. Kelihatan ramai muda mudi sedang menari mengikut alunan muzik yang dimainkan.

"Hai abang." Sapa Erin kepada salah seorang lelaki yang berada di situ. Lelaki itu kemudian mengukir senyuman mesra ke arah Erin. Mereka berdua kelihatan rancak berbual tidak seperti Alisa yang masih lagi kelihatan terpinga-pinga, tidak tahu harus bermula dari mana.

"Hai sorang je ke?." Tegur seorang lelaki yang berkepala botak ke arahnya. Alisa menoleh ke arah lelaki itu. Gadis itu kemudian mengukir senyuman paksa sambil matanya pula sempat meninjau bentuk fizikal lelaki itu dari segenap ruang yang ada bermula dari pandangan atas sehingga ke bawah. Semuanya sangat menjijikkan dan langsung tiada daya tarikan!. Alisa mencebik bibirnya sebagai tanda 'tidak kuasa' mahu melayan pelanggan seperti ini.

"Alaaaa janganlah sombong dengan I, jom menari dengan I nak tak?." Rayu lelaki itu yang nampaknya masih lagi tidak mahu mengalah. Alisa pula hanya mendiamkan diri seperti patung. Pelawaan lelaki itu ditepisnya dalam diam. Alisa kemudian mengalihkan pandangannya ke arah lain.

"Jomlah sayang." Ujar lelaki kepala botak itu lagi sambil tangannya cuba untuk merangkul pinggang ramping milik Alisa agar menuruti kehendaknya.

"Hishhh!! lepaslah!! aku tak nak!! aku tak naklah!! kau tak faham bahasa ke?!! lepaslah!!." Marah Alisa ke arah lelaki itu. Lelaki itu kemudian melepaskan pinggang ramping Alisa.

"Eleh nak sentap pulak! macamlah diri tu bagus sangat!! GRO je pun!! puihhhh!! kalau dah tahu tak boleh nak pegang-pegang, buat apa buang masa melepak kat sini?? saja belanja *pose* nak bagi orang geram tapi bila mintak tak bagi pulak!! heii mak cik, kalau nak jadi ustazah kat sini bukan tempatnya tau!! mak cik pergi balik rumah, buka Al-Quran baca dengan tajwid yang betul! tak payah nak pakai seksi-seksi macam ni! nak menyombong pulak dengan aku, kalaulah muka tu cun macam Preity Zinta tak apalah jugak ini dah macam katak bukit je aku tengok!! ehhhh blahlahhhh!!." Bebel lelaki itu dengan mulutnya yang masih lagi terkumat-kamit, menyumpah seranah ke arah Alisa. Gadis itu pula hanya memeluk tubuhnya sendiri sambil mencebik bibir. Erin yang turut berada di situ mula mengatur langkah untuk mendekati Alisa.

"Ehhh Lisa! kenapa dengan kau ni hah?? kau nak kerja ke tak nak ni?? kalau kau nak kerja, buatlah cara nak kerja!! jangan main-main!! kalau kau tak nak kerja, silakan kau balik kampung!! hadap sawah padi kat depan rumah kau tu!!." Marah Erin dengan sikap Alisa yang

dianggapnya telah berlaku kurang ajar terhadap salah seorang pelanggan tetap di kelab malam itu.

"Ehhh kau tak nampak ke apa yang dia dah buat pada aku tadi tu hah?? peluk-peluk bagai!! eeee aku rimaslah!! kalau muka tu hensem tak apalah jugak!! ini dahlah kepala botak, kulit tu hitam legam macam tapak kualiti! perut dia tu eyukkkkkkk boroi mengalahkan pompuan yang mengandung 9 bulan! dah macam babun sarkas je aku tengok!." Bebel Alisa yang nampaknya masih lagi tidak berpuas hati dengan kelakuan lelaki tadi.

Erin yang mendengarkan kata-kata itu mula menggeleng-gelengkan kepalanya berulang kali sebelum kembali menyusun kata.

"Habis tu kau nak yang macam mana? kau nak hadap yang hensem je ke? ehkk kita ni GRO je tau, Lisa!! habis tu kau ingat pelanggan kita tu semua muka macam Brad Pitt ke?? macam Lee Mi Ho?? Justin Bieber?? ehkk semuanya muka memang tak boleh blahhh!! tak ada *market value* langsung tapi tu semua tak penting sebab apa yang penting adalah poket dorang!! kau kena ingat, kita datang sini sebab nak cari duitlah Lisa bukannya nak cari suami!." Marah Erin lagi, cuba untuk membasuh fikiran Alisa yang masih lagi terperangkap dalam angan-angan jeninnya yang tiada kesudahan.

"Tapi....." Jawab Alisa, masih lagi mencuba untuk menegakkan pendiriannya.

"Dah tak ada tapi-tapi lagi dah!! kita duduk sini pun bukannya lama!! seminggu je jadi gunakan peluang yang ada ni dengan sebaik mungkin! kaut duit sebanyak yang boleh!! itu baru bijak namanya!! hishhh dahlah, kau pergilah buat kerja kau! jangan nak malukan aku pulak kat sini!." Dengus Erin sambil mengatur langkah untuk meninggalkan Alisa sendirian di situ. Gadis itu tidak mempunyai pilihan lain untuk mempertahankan kemahuannya sebaliknya dia harus akur sahaja akan tujuan asal dia datang ke sini adalah untuk mengumpul kemewahan buat dirinya sendiri.

"Ayu!! Ayu!! Ayuuuuuu!!!" Jerit Maimon memanggil nama anak tirinya. Ayuni yang sedang sibuk menyapu sampah di halaman rumah segera berlari ke arah Maimon.

"Ada apa mak cik?." Soal Ayuni dengan nada suara yang tercungap-cungap.

"Heiii sini kau!!." Tengking Maimon ke arah gadis itu. Ayuni cuba memberanikan diri untuk melangkah masuk ke dalam rumah itu.

"Heiii bodoh!! kau curi duit aku kan?? baik kau mengaku!!." Bentak Maimon tiba-tiba. Ayuni menggeleng-gelengkan kepalanya menafikan segala dakwaan liar yang dilemparkan terhadap dirinya.

"Tak mak cik!! Ayu tak pernah curi duit mak cik." Jelas Ayuni dengan penuh kejujuran.

"Heiii kau ingat aku ni bodoh macam kau?? kalau bukan kau siapa lagi hah?? kau tahu tak dalam rumah ni sekarang hanya tinggal kita berdua je jadi kalau bukan kau yang curi, macam mana pulak duit aku boleh hilang??!" Marah Maimon bertalu-talu. Ayuni sekali lagi menidakkan tuduhan itu.

"Sumpah mak cik!! sumpah!! Ayu tak pernah curi duit mak cik!! percayalah!." Jelas Ayuni dengan bersungguh-sungguh.

Maimon yang mendengarkan pengakuan sumpah itu terus mendengus kasar. Renungannya ke arah anak tirinya itu juga menjadi semakin tajam.

"Heiii kau ingat aku nak percaya dengan sumpah palsu kau tu??!! sebelum aku hilang sabar, baik kau pulangkan semula duit aku yang kau curi tu!!." Pinta Maimon dengan penuh ketegasan.

Ayuni merenung ibu tirinya dengan pandangan yang cukup sayu. Gadis itu kemudian mula melutut di hadapan Maimon.

"Macam mana Ayu nak pulangkan semula duit tu pada mak cik sedangkan duit tu memang tak ada pada Ayu.... Ayu tak pernah ambil duit tu, Ayu tak pernah curi duit mak cik, tak pernah mak cik." Rayu Ayuni, mengharapkan agar kali ini Maimon akan mempercayai dirinya bahawa dia bukanlah seorang pencuri seperti yang didakwa. Mata Maimon kelihatan makin membulat malah wajahnya juga menjadi semakin merah menyala. Dia kemudian merapati tubuh gadis yang sedang melutut di hadapannya itu. Ditolaknya dahi Ayuni dengan jari telunjuknya.

"Heiii kau jangan nak tipu aku!! kau ingat dengan muka kesian kau ni, aku boleh tertipu?? kau ingat aku semudah itu untuk percaya sandiwara durjana kau ni?? baik kau mengaku jelah!! kau jangan ingat dengan air mata palsu kau ni, aku boleh senang-senang je maafkan kau ehh!! huh tak padan dengan hodoh!! dahlah mencuri, sekarang ni kau nak menipu pulak ye??!! kau ni memang dasar anak sial!!." Tengking Maimon ke arah Ayuni. Gadis itu hanya mampu menangis. Walau apapun yang cuba dia katakan pada wanita itu nampaknya sudah

tiada gunanya lagi kerana setiap patah kata yang keluar dari mulutnya pasti Maimon tidak akan percaya. Maimon sudah hilang pertimbangan, diheretnya tubuh Ayuni untuk menuju ke arah dapur.

"Sakit mak cik!! sakit mak cik!! ampun mak cik!! Ayu tak pernah curi duit mak cik!! Ayu tak ambil duit tu!! sumpah!!." Tangis Ayuni berulang kali namun tidak sedikit pun Maimon endahkan penderitaan gadis itu.

"Baik kau mengaku!! cepat!! sebelum aku simbah kau dengan air panas ni!!." Ugut Maimon lalu tangannya pantas mencapai cerek air yang baru saja siap direbusnya.

"Ya Allah mak cik, Ayu tak pernah curi duit mak cik!! Ayu tak curi!! percayalah mak cik!! Ayu tak ambil duit tu!!." Rayu Ayuni dengan linangan air mata. Maimon nampaknya sudah kehilangan kewarasan akal, kesabarannya telah habis dan kemarahannya juga telah sampai ke tahap kemuncak. Air panas yang terisi di dalam cerek itu dihalakan ke arah Ayuni yang sedang berada di hadapannya.

"Arghhhhhhhh!!!arghhhhhhh!!arghhhhhhh!!." Teriak Ayuni, menjerit kesakitan apabila air panas itu mengena di sebahagian sisi tubuhnya. Pak Mail yang baru saja pulang dari menoreh getah segera membuka langkah seribu apabila dia mendengar jeritan Ayuni yang datang dari arah dapur.

"Ya Allah!! anak aku!!." Jerit Pak Mail apabila dia melihat Ayuni sedang menggelupur akibat menahan kesakitan yang teramat perit.

"Maimon!! kenapa awak seksa anak saya macam ni??!!." Marah Pak Mail kepada isterinya. Tanpa sedikit pun perasaan bersalah, Maimon terus mencekak pinggangnya, kelihatan seperti masih lagi tidak mahu mengalah.

"Heiii abang!! memang patut pun saya seksa anak sial ni!! dia ni pencuri! dia ambil semua duit saya!! saya ni dah cukup baik tau tak abang, nasib saya simbah dia dengan air panas je, kalau ikutkan hati ni dah lama saya cincang-cincang daging budak ni!! kasi mampos lagi bagus!! ada dalam dunia ni pun menyusahkan hidup aku je!! yang abang nak menangkan sangat budak ni dah kenapa?? sebab itulah dia makin naik lemak!! dasar pencuri!! anak sial!!." Marah Maimon bertubi-tubi.

"Kurang ajar!!." Tengking Pak Mail lalu menampar wajah isterinya.

"Kau sedar tak siapa anak sial ni?? anak yang kau panggil 'sial' ni anak aku!! kau memang dah melampau, Mon!!." Teriak Pak Mail ke arah Maimon. Maimon terkedu seketika, pipinya itu terasa sakit. Tampan yang diberikan oleh suaminya terlalu hebat. Namun kesakitan ini tidaklah sehebat mana jika hendak dibandingkan dengan rasa sakit hatinya saat ini.

"Baik!! kalau abang dah bencikan saya, abang ceraikan saya!! ceraikan saya!! saya dah tak sanggup lagi nak hidup dengan lelaki tak guna macam abang!! apa yang saya buat semuanya salah di mata abang!! abang selalu menangkan Ayu!! lebih baik kita berpisah!! saya dah tak tahan lagi nak hadap muka budak ni!! ceraikan saya!! ceraikan!!." Jerit Maimon dengan tangisan yang teresak-esak.

"Kau jangan cabar aku, Mon!!." Ucap Pak Mail dengan renungannya yang tajam.

"Ayah....ayah janganlah marah mak cik sebab mak cik tak salah." Ayuni mula mencelah, cuba untuk meredakan pergaduhan yang tercetus di antara pasangan suami isteri itu. Pak Mail mula merenung ke arah anak gadisnya dengan pandangan yang cukup sayu. Lelaki tua itu kemudian memapah tubuh Ayuni untuk dibawa masuk ke dalam bilik. Maimon yang melihat keadaan itu mula mengetap bibir. Rasa bencinya dia terhadap Ayuni semakin menebal!

BAB 3

Pak Mail mula menyapu ubat di lengan milik Ayuni yang kelihatan sudah melecur akibat disimbah air panas oleh ibu tirinya.

"Urghhhh!! urghhhh!." Desah Ayuni, cuba untuk menahan rasa pedih. Air mata Pak Mail mula bergenang menanti waktu dan tika yang sesuai saja untuk mengalir keluar membasahi pipinya yang kelihatan sudah berkedut dek dimamah usia.

"Ayah, kenapa ayah menangis?." Soal Ayuni apabila dia melihat ada titisan jernih yang mula mengalir keluar dari tubir mata lelaki tua itu. Pak Mail yang menyedari akan keadaan itu segera menghapuskan air matanya.

"Ayah sedih tengok anak ayah." Jawab Pak Mail dengan riak wajah yang hiba.

"Kenapa ayah nak sedih? lecur ni sikit je ayah, nanti lama-lama sembuhlah! ayah tak payah sedih-sedih lagi ye." Pujuk Ayuni.

Pak Mail yang mendengarkan kata-kata dari anaknya itu terus tersenyum hambar sebelum kembali menyambung kata.

"Ayah sedih bukan pasal lecur ni tapi ayah sedih dengan layanan mak cik terhadap Ayu sebab ayah ingatkan bila ayah carikan ibu baru untuk Ayu, bolehlah ubatkan rindu Ayu pada arwah mak tapi ayah tersilap langkah, ayah tengok anak ayah ni makin terseksa dengan semua ni dan andai kata berpisah dengan mak cik adalah jalan yang terbaik untuk kita berdua, ayah sanggup asalkan ayah dapat tengok anak ayah ni bahagia." Luah Pak Mail, cuba untuk mengungkapkan isi hatinya yang tersirat.

Ayuni yang mendengar pengakuan dari ayahnya itu terus menggeleng lemah sebagai tanda tidak setuju dengan tindakan ayahnya.

"Ayah tak boleh buat macam tu!! ayah tak boleh pentingkan kebahagiaan Ayu je sebab ayah kena fikirkan jugak tentang kebahagiaan Lisa.... Lisa pun anak ayah jugak kan?? dia adik Ayu dan kalaulah ayah bercerai dengan mak cik nanti macam mana dengan keadaan Lisa?? takkan ada seorang anak pun dalam dunia ni yang nak tengok mak dan ayah mereka berpisah! Ayu tak sanggup tengok keluarga kita berpecah-belah! Ayu tak sanggup tengok adik Ayu hidup tanpa kasih sayang seorang ibu, cukuplah Ayu je yang menderita! Ayu tak nak Lisa rasa apa

yang Ayu rasakan selama ni jadi tolonglah ayah, tolonglah! Ayu dah terima semua ni sebagai takdir dalam hidup Ayu dan Ayu masih lagi boleh bertahan! Ayu masih boleh bertahan, ayah." Ujar Ayuni dengan penuh perasaan.

"Tapi ayah tak tahan!! ayah tak tahan bila setiap kali ayah balik rumah, ayah dengar anak ayah dihina! dipanggil 'anak sial'! dipukul macam binatang! disuruh buat itu buat ini! dilayan macam hamba! ayah tak tahan untuk tengok semua tu lagi, Ayu! ayah tak tahan! ayah cuma nak tengok Ayu gembira, ayah nak tengok anak ayah ni bahagia sebab kebahagiaan Ayu terlalu penting untuk ayah! Ayu nyawa ayah, amanah dari arwah mak untuk ayah dan Ayu adalah segala-galanya untuk ayah." Luah Pak Mail dengan linangan air mata. Ayuni yang mendengarkan kata-kata dari lelaki tua itu juga turut menitikiskan air mata kedukaan.

"Ayah, ayah tolonglah bertahan demi Ayu sebab Ayu sayangkan mak cik sama seperti Ayu sayangkan arwah mak! Ayu tak pernah bencikan mak cik dan mungkin mak cik masih belum boleh terima Ayu sebagai anak, kita berikan dia peluang, ayah sebab tak ada seorang manusia pun dalam dunia ni yang terlepas dari melakukan kesilapan...sepatutnya kita belajar untuk memaafkan dia dan bukannya menghukum dia dengan cara seperti ini! kita maafkan dia, boleh kan ayah?." Mohon Ayuni kepada Pak Mail. Lelaki tua itu hanya mengeluh. Kepala anak gadisnya itu diusap lembut. Satu senyuman mula terlukis di bibir Pak Mail. Senyuman dalam keterpaksaan!.

Maimon merebahkan dirinya di atas katil. Pintu biliknya dikunci dari dalam. Tiba-tiba dia terasa ada sesuatu di belakang kepalanya. Maimon mula bangkit. Dia melihat dompet kecil berwarna merah terselit di celah bantalnya. Tangan Maimon laju mencapai dompet kecil itu. Zipnya terus dibuka. Mulut Maimon ternganga seketika apabila dia melihat sejumlah wang yang dicarinya dari tadi lagi kini berada di dalam dompet kecil itu. Rupa-rupanya dia yang tersalah letak tetapi apabila tidak ditemui, terus Ayuni yang menjadi mangsa tuduhannya. Maimon meneguk liur. Dia malu untuk mengakui kesalahan dirinya ini. Dia berpura-pura seolah-olah tiada apa pun yang berlaku. Tidak sedikit pun dia berasa kesal dengan perbuatan zalimnya terhadap Ayuni malah tiada sedikit pun rasa keinsafan terbit di dalam hati kecilnya itu.

"Tuan, perempuan tu memang sebatang kara! dia tak ada saudara mara ataupun adik beradik tetapi...." ayat Joe, penyiasat upahan Zafril Adha terhenti di situ seketika.

"Tapi apa?." Soal Zafril dengan renungannya yang tajam.

"Tetapi dia mempunyai seorang anak perempuan." Jawab Joe jujur.

"Aku nak kau cari tahu siapa anak dia dan aku nak kau bawa dia datang jumpa dengan aku! siapa pun dia, aku akan pastikan yang hidup dia akan menderita! aku takkan sesekali lepaskan dia!." Dengus Zafril dengan riak wajah yang tegang.

"Baiklah tuan, kalau tak ada apa-apa saya minta diri dulu." Ujar Joe lagi. Zafril hanya mengangguk lemah, memberi keizinan kepada penyiasat upahannya itu untuk beredar pergi. Mata sepet lelaki itu kemudian dialihkan ke arah luar jendela. Lelaki itu mula bangkit dari kerusinya untuk merapati bingkai cermin yang tergantung di dinding. Sebelah tangannya pula dimasukkan ke dalam kocek seluar dan sebelah lagi pula menyentuh cermin itu.

"Walau siapapun kau, aku akan pastikan hidup kau merana!! aku akan pastikan yang kau akan bayar balik setiap titisan air mata mama aku! ini janji aku!" Bisik Zafril pada diri sendiri. Dia menggenggam penumbuk lalu terus dihalakan ke arah cermin yang berada di hadapannya sehingga cermin itu pecah berderai. Zafril kemudian merenung ke arah jari jemarinya. Ia berdarah namun luka ini tidaklah sehebat mana jika hendak dibandingkan dengan luka hati yang terpaksa ditanggungnya selama 22 tahun.

"Minumlah! mesti you suka." Ujar lelaki berkepala botak tempoh hari yang lebih mesra disapa sebagai Roy.

Alisa hanya mengukir senyuman kelat. Terasa ada sesuatu yang sedang merayap di sekitar bahagian pehanya. Alisa yang menyedari akan keadaan itu terus mengetap bibir kerana geram. Tangan lelaki tak guna itu mula dia tepis namun tidak sekasar seperti sebelum ini.

"Alahhhh you ni, macam tak biasa pulak!." Rungut Roy apabila keinginan nafsunya itu ditolak lembut oleh Alisa.

"Memang I tak biasa pun!." Jawab Alisa dengan riak wajah yang selamba.

Roy yang mendengarkan jawapan balas dari gadis itu terus menguntum senyuman sinis. Lelaki itu kemudian mengeluarkan sesuatu dari kocek seluar jeans yang dipakainya.

"Nah, untuk you." Tutur Roy sambil tangannya menghulurkan beberapa keping wang kertas yang berjumlah RM 1000.00 kepada Alisa. Mata Alisa terus membutang saat memandang

'benda' yang berada di hadapannya ini. Laju saja tangannya mencapai wang yang dihulurkan oleh Roy.

"Fuh!! seribu?? banyaknya!! untuk I ke ni??" Soal Alisa dengan riak wajah yang kelihatan begitu teruja. Roy hanya mengangguk lemah sebagai tanda mengiyakan pertanyaan dari gadis itu.

"Tapi ada syaratnya." Ujar Roy yang mula bersuara. Alisa mengangkat sebelah keningnya sebagai isyarat bahawa dia masih lagi belum mengerti apakah yang sebenarnya dimahukan oleh lelaki itu.

"Apa syaratnya?." Laju saja Alisa bertanya, cuba untuk menduga maksud tersirat dari lelaki itu. Roy yang mendengarkan pertanyaan dari gadis itu terus ketawa kecil sebelum kembali menyambung bicara. Dia juga cuba mendekatkan bibirnya ke arah cuping telinga Alisa untuk membisikkan sesuatu.

"I nak you." Bisik Roy. Alisa tersentak seketika. Dia menoleh ke arah wajah Roy dengan pandangan yang semacam.

"You nak I?? you dah gila ke?? I masih muda lagilah lagipun I masih belum sedia untuk jadi bini you! kalau I nak cari laki pun, I tak naklah jantan tak guna macam you ni! *not my taste!* *pleaselahh!*." Balas Alisa dengan penuh lagak. Roy yang mendengarkan kata-kata dari gadis itu sekali lagi ketawa terbahak-bahak dan kali ini nada ketawanya kedengaran lebih kuat berbanding tadi. Alisa yang melihat reaksi dari lelaki itu mula berasa bingung!.

"Kenapa you ketawa?." Soal Alisa dengan riak wajah yang kehairanan.

"I ketawalah sebab I rasa kelakar!! pandai jugak you ni melawak ye! Lisa, I tak cakap pun yang I nak kahwin dengan you dan kalau I nak cari bini sekalipun, I tak naklah 'betina' macam you ni! I kalau nak buat bini, I nak cari 'perempuan' dan you sendiri pun tahu kan apa bezanya antara 'betina' dengan 'perempuan'." Bidas Roy, menyindir Alisa.

"Tapi I ni bukan betinalah!! I ni masih dara lagi! masih suci!." Balas Alisa cuba untuk membela diri. Roy yang mendengarkan kata-kata itu sekali lagi menggeleng-gelengkan kepalanya sambil tersengih.

"I tak cakap pun yang you ni dah rosak! I cuma suruh you bezakan antara 'betina' dan 'perempuan' sebab kalau perempuan, dia takkan duduk kat kelab malam macam ni! pakai macam tak cukup kain! terdedah sana sini, biar jantan tu peluk jantan ni peluk! perempuan ni dia hanya akan duduk di rumah, menjaga kehormatan diri dia hanya untuk disentuh oleh suaminya saja tapi ini you, I dah boleh pegang-pegang maknanya you ni 'betina' lah!." Jelas Roy sambil meneguk segelas minuman *Coke*.

"*Okey fine!*! habis tu you nak apa sebenarnya dari I?? apa maksud 'you nak I?'" Soal Alisa dengan riak wajah yang kelihatan masih tidak berpuas hati. Jari jemari Roy mula bergesel dan bermain-main di sekitar wajah milik Alisa.

"I nak you layan I dan you anggaplah duit seribu ringgit yang I bagi ni sebagai upah untuk kerja you." Jelas Roy tanpa perlu berselindung lagi. Riak wajah Alisa terus berubah menjadi tegang saat mendengar penghinaan yang terpancul keluar dari bibir lelaki keparat itu. Gadis itu mula bangun dari tempat duduknya.

"You ingat I ni apa hah?? memanglah I GRO dan kerja I melayan jantan-jantan kat sini termasuk you tapi I bukannya pelacur yang you boleh heret I ke ranjang!! I masih ada maruah diri!! setiap benda ada batasnya, Roy!!." Bentak Alisa apabila maruah dirinya terasa dipijak-pijak oleh lelaki itu. Roy yang mendengarkan kata-kata dari gadis itu sekali lagi tersenyum sinis.

"You cakap maruah?? huh maruah apa nya?? you tahu ke apa itu 'maruah'? okey!! kalau you tak nak, tak apa! duit seribu ringgit ni besar tau Lisa! I boleh dapatkan dua orang amoi Thailand dengan duit ni, berganda-ganda lagi lawa dari you tau!!." Jawab Roy lalu mula mengatur langkah untuk meninggalkan Alisa sendirian di situ. Wang yang bernilai RM 1000.00 itu juga turut dirampas oleh Roy. Alisa masih lagi berkira-kira, peluang keemasan seperti ini bukan selalunya ada kerana dia hanya perlu bekerja selama beberapa jam saja dan dia akan dibayar dengan upah yang begitu lumayan. Sepanjang lima hari dia berada di sini, wang tip yang diperolehinya hanyalah sekitar RM200.00-RM300.00 saja, manalah cukup untuk membeli keperluan yang dia inginkan.

"Roy!! tunggu!!." Teriak Alisa, memanggil lelaki itu. Roy yang menyedari namanya dipanggil oleh gadis itu segera menghentikan langkah. Dia kemudian memalingkan wajahnya ke arah Alisa.

"Baiklah I sanggup tapi bayar dulu." Ujar Alisa kepada Roy. Lelaki durjana itu kemudian mengukir senyuman jahat, tanpa perlu berbasa basi, Roy terus menghulurkan sejumlah wang yang bernilai seribu ringgit kepada Alisa.

*** Dua Hari Kemudian ***

Hati Alisa terasa berdebar-debar. Dia memerhatikan keadaan sekeliling. Matanya terpanah ke arah *signboard* yang tertulis 'Hotel Bajet Sentosa'. Alisa mengetap bibir!. Dia tidak mempunyai sebarang pilihan lain selain terpaksa akur saja dengan tindakan yang telah dia ambil ini. Gadis itu telah terlanjur menggunakan wang yang diberikan oleh Roy dua hari lepas untuk membeli telefon jenama terbaru. Dia tidak boleh menolak keinginan lelaki itu lagi. Jika tidak, dia harus membayar dua kali ganda dari nilai yang dia ambil sebagai ganti rugi. Alisa masih lagi setia menunggu kehadiran lelaki itu. Mereka berdua telah berjanji untuk bertemu di Hotel Bajet Sentosa. Hari ini adalah hari terakhir Alisa akan berada di Johor Bharu kerana malam nanti dia akan pulang ke Muar bersama Erin.

"Hishhh!! mana mamat ni?? kan aku lari balik kampung baru kau tahu tapi kalau dia datang cari aku kat sana nanti macam mana?? hisshhh!! itulah kau Lisa!! elok-elok je hidup kau selama ni!! yang kau pergi cari masalah tu dah kenapa??!!." Bebel Alisa sendirian, memarahi diri sendiri.

"Hai sayang, lama ke tunggu I?." Sapa Roy dari arah belakang. Alisa segera menoleh dan satu senyuman palsu mula terukir di wajahnya.

"Errr tak adalah, baru je!! hummm Roy, I rasa apa yang kita buat ni tak betul lah! I takut!! humm apa kata kita lupakan je semua ni sebab I tak biasalah buat kerja-kerja macam ni." Dalih Alisa, cuba untuk meloloskan diri dari jerat yang dicipta oleh Roy.

Roy mula memeluk tubuhnya sendiri sebelum meneruskan kata-kata yang agak menyakitkan hati Alisa.

"Lupakan semua ni?? senangnya you cakap!! lepas you dah berjoli dengan duit I, you nak lepas tangan macam tu je??" Tuter Roy dengan riak wajah yang kelihatan agak kelim. Alisa meneguk liur. Dia tahu ini adalah kesilapan dirinya sendiri maka tidak perlulah dia menunding jari untuk menyalahkan sesiapa.

"Errrr...errrrr....eeerrrr I janji, I janji yang I akan ganti balik duit you tu, I janji!" Balas Alisa, cuba untuk mencipta janji sebagai jaminan bahawa wang yang telah dia gunakan sebelum ini akan dikembalikan semula kepada Roy. Lelaki itu sekali lagi ketawa apabila mendengar jawapan balas dari gadis perawan itu.

"Baiklah, kalau itu yang you nak I takkan halang tapi I akan tetapkan bunga! kalau you terlewat satu hari, I akan caj you RM 100.00." Tegas Roy yang nampaknya sudah tidak mahu berkompromi lagi dengan Alisa. Mulut gadis itu ternganga seolah-olah masih tidak percaya dengan apa yang telah dia dengar tadi.

"RM 100.00?? you dah gila ke Roy?? I guna duit you seribu je tapi kenapa bunga sampai seratus ringgit sehari?? mana I nak cekup duit banyak tu dalam waktu singkat macam ni?." Omel Alisa kerana tidak berpuas hati dengan perjanjian demokrasi berat sebelah ini.

Roy hanya menjongketkan kedua-dua bahunya.

"Manalah I tahu dan I tak peduli! itu masalah you *so* you kena tanggunglah dan hari ini kiraan sudah pun bermula sama ada esok atau lusa you nak bayar balik duit I, bunga telah pun berjalan seperti biasa dan kalau you cuba-cuba nak lari dari I, I akan tetap cari you sampai ke lubang cacing untuk tuntutan hak I *so* you jangan ingat yang you boleh lari dari I! nahas you I kerjakan nanti!!." Ugut Roy dengan nada suara yang lembut namun ternyata ia cukup berbisa sehingga mampu menusuk masuk ke jantung hati milik Alisa. Gadis itu mula memikirkan jalan keluar dari permasalahan ini. Dia buntu!. Wang yang dia ambil dari lelaki itu juga telah habis dia gunakan. Nampaknya kali ini Alisa benar-benar terjerat dalam permainannya sendiri. Mahu atau tidak, dia harus merelakan saja dirinya menjadi mangsa nafsu serakah lelaki ini akibat dari kebodohan dirinya sendiri.

"Macam mana?? kalau you tak nak, I nak balik tapi ingat! hari ini kiraan sudah pun bermula!! you dah berhutang dengan I seribu seratus ringgit, esok seribu dua ratus ringgit, lusa seribu tiga ratus ringgit dan you kiralah sendiri berapa banyak jumlah hutang yang you kena tanggung selagi you tak bayar balik semua duit I." Tambah Roy lagi, sengaja memancing kekusaran di hati Alisa yang kini makin meluak-luak, menanti masa saja untuk meledak.

"Baiklah I rela serahkan tubuh I pada you asalkan semua hutang I dengan you selesai." Laju saja Alisa memberi kata putus. Roy tersenyum lebar. Akhirnya gadis seperti Alisa berjaya juga dia jinakkan.

"Okey, kalau macam tu jom ikut I." Kata Roy lalu tangannya mula menarik lembut lengan milik Alisa. Dalam keterpaksaan, Alisa menggagahkan diri juga untuk melangkah masuk ke dalam hotel bajet itu.

"Bos, ini you punya bilik...851." Tuter tauke cina yang kepalanya kelihatan sudah beruban. Roy mengangguk faham lalu kunci bilik itu segera dicapai olehnya. Alisa hanya mengekori dari arah belakang saja. Dia tidak berani melawan kerana bimbang jika keselamatan dirinya terancam. Bagi langkah yang lebih selamat, adalah lebih baik Alisa mendiamkan diri dan menurut saja kemahuan lelaki itu jika tidak mahu diapa-apakan.

Roy mencapai tuala berwarna putih yang sememangnya telah disediakan untuk para pelanggan di hotel bajet itu. Roy sengaja memilih untuk melakukan perbuatan terkutuknya itu di hotel murah agar tidak dapat ditangkap oleh sesiapa. Maklumlah, jika dia memilih untuk meniduri Alisa di hotel mewah, sudah pasti segala data peribadi dirinya yang lengkap akan direkodkan. Ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan reputasi dan imej dirinya sebagai salah seorang ahli perniagaan yang berjaya di Johor Bharu. Namun jika dia menginap di hotel yang lebih murah seperti ini, pasti tiada siapa yang akan mengenali dirinya.

"Cepatlah tanggalkan baju you sayang.... ke you nak suruh I yang tanggalkan?." Soal Roy kepada gadis yang masih lagi terduduk di atas katil. Alisa hanya menundukkan pandangannya ke arah bawah saja, dia malu untuk menatap wajah lelaki itu.

"Sayang, cepatlah!." Tambah Roy lagi, cuba untuk mendesak Alisa. Gadis itu masih lagi membisu. Dia tergamam dan tidak tahu harus berbuat apa. Roy nampaknya sudah tidak mampu untuk bersabar lagi. Satu persatu butang baju miliknya mula dibuka oleh Roy sehingga menampakkan sebahagian tubuhnya yang kini kelihatan sudah separuh bogel. Roy kelihatan sangat bernafsu. Tubuh gadis itu tidak akan dia lepaskan lagi. Alisa hanya memejamkan kedua-dua kelopak matanya, merelakan saja tubuhnya diratah dengan penuh rakus oleh seorang lelaki yang bukan suaminya. Demi wang yang bernilai RM 1000.00, Alisa sanggup menggadaikan harga diri yang telah dia pertahankan selama 20 tahun ini.

Alisa mula tersedar dari lenanya. Dia melihat jam di tangan, ia telah menunjukkan hampir pukul 10.30 malam. Tiba-tiba telefon pintar yang baru dibelinya itu berdering, menandakan ada panggilan masuk.

"Hello ehh Lisa!! kau ada kat mana hah?? dari tadi lagi aku tunggu kau tau tak! cepatlah!! aku nak balik dah ni!." Jerkah Erin melalui panggilan telefon.

"Kejap, kau tunggu aku! dalam 15 minit lagi aku sampai! bye!." Jawab Alisa lalu segera mematikan panggilan telefon sebelum sempat Erin menghabiskan perbualannya. Gadis itu melihat sehelai demi sehelai pakaian yang melekat di tubuhnya tadi kini telah bertaburan di atas lantai. Dia mengutipnya satu demi satu. Entah mengapa, air matanya mula berlinangan. Alisa kemudian meluru masuk ke dalam bilik air untuk membersihkan diri. Paip air itu juga dibukanya perlahan-lahan. Alisa rebah terduduk di atas lantai mozek. Dia menangis dan terus menangis, menangisi kebodohan diri. Namun apakan daya, nasi telah menjadi bubur. Nak merintih pun sudah tiada gunanya, bukannya air mata ini boleh mengembalikan semula mahkota kegadisannya. Akhirnya, Alisa mengambil keputusan untuk melupakan saja semua ini. Biarlah ia menjadi kenangan pahit dalam sejarah hidupnya. Dia ingin berlagak seolah-olah tiada apa pun yang berlaku. Baginya, apa yang penting adalah dia boleh hidup dalam kemewahan. Apa yang dia mahukan, pasti mampu dia miliki tanpa perlu mengemis pada sesiapa lagi.

Setelah selesai membersihkan diri, Alisa kembali menyarungkan pakaian ke tubuhnya. Dia ingin segera keluar dari tempat itu apatah lagi saat ini Erin sedang menunggunya. Dia tidak mahu terlambat, jika tidak pasti bernanah telinganya ini nanti apabila mendengar bebelan dari rakannya, Erin.

"Man, kalau aku nak mintak tolong kau sikit boleh tak?." Pinta Muaz kepada sahabatnya, Azman.

"Kau nak minta tolong apa? cakaplah! kalau aku boleh tolong, aku tolong." Jawab Azman jujur. Riak wajah Muaz kelihatan semakin sugul, lidahnya terasa kelu untuk mengeluarkan patah kata namun apakan daya dia harus berterus terang juga kepada Azman tentang masalah yang sedang dia alami saat ini. Jika dipendam, ia akan semakin bernanah dan akhirnya merebak sehingga boleh menjadi barah yang tiada penawarnya lagi.

"Aku tak tahu nak cakap macam mana tapi keadaan aku sekarang betul-betul terdesak Man! aku malu nak menyusahkan kau tapi aku memang dah tak ada pilihan lain lagi Man! semalam aku pergi klinik, doktor dah sahkan yang bini aku mengandung tiga bulan tapi kau sendiri pun tahu kan yang aku sekarang ni mana ada kerja, aku nak cekup duit dari mana? aku perlukan duit, Man!." Luah Muaz dengan riak wajah yang hiba.

"Lahhh baguslah kalau macam tu! kenapa kau nak sedih?? orang lain punyalah gembira kalau tahu dorang nak dapat anak tapi kau ni macam terbalik pulak!." Balas Azman dengan riak wajah yang berkerut.

"Memanglah aku gembira sebab nak dapat anak tapi dalam masa yang sama aku rasa anak tu macam satu beban untuk aku! kau tengoklah keadaan aku laki bini macam mana! nak makan diri sendiri pun susah inikan pulak nak besarkan anak! aku dah merata tempat cari kerja tapi kau tahulah zaman sekarang ni kalau kita tak kenal orang dalam, susah nak dapat! nanti bila anak tu dah lahir, takkan aku nak menumpang kat rumah kau lagi kan?? nak tak nak aku kena keluar jugak cari rumah sewa tapi duit pun tak ada, nak bayar sewa pakai apa?!! aduhh!!aku memang dah buntulah!!." Dengus Muaz.

"Kau tak boleh fikir macam tu Muaz, anak tu adalah satu anugerah yang Allah berikan pada kau dan kau kena ingat tau, setiap anak ni ada rezekinya... habis tu berapa banyak yang kau nak pinjam?." Soal Azman yang nampaknya sudah dapat mengagak apakah yang sebenarnya dimahukan oleh rakannya itu.

"Tak banyak Man, dalam dua puluh ribu macam tu." Jawab Muaz tanpa memandang wajah Azman.

"Kau gila?? tak banyak kau cakap?? aku kerja sepuluh tahun pun belum tentu dapat banyak tu tau!! kau nak buat apa dengan duit banyak tu hah?? kalau setakat nak pinjam seratus dua tu aku adalah." Balas Azman dengan riak wajah yang terkejut.

"Aku bukan apa, Man... aku nak guna duit banyak tu untuk modal niaga! aku nak kerja sendiri sebab aku fikir, sampai bila aku asyik nak berhutang dengan kau je! kalau aku pinjam seratus dua dengan kau hari ni pun esok lusa duit tu akan habis jugak! takkanlah aku nak pinjam dengan kau lagi sedangkan hutang yang sedia ada pun aku masih belum mampu bayar jadi sebab itulah aku fikir aku nak mulakan perniagaan dan dengan duit itulah nanti aku akan jadikan sebagai modal untuk aku kembangkan lagi bisnes aku." Jelas Muaz dengan panjang lebar.

Azman terdiam seketika seolah-olah sedang memikirkan sesuatu.

"Hummm macam inilah, nanti aku nak kau ikut aku." Ujar Azman kepada Muaz.

"Ikut kau? nak pergi mana?." Tanya Muaz dengan seribu persoalan di hati.

"Aku nak kenalkan kau dengan orang yang paling kaya dalam kampung ni, Mamat Ronggeng! aku yakin dia mesti boleh tolong kau." Jawab Azman. Muaz terus mengukir senyuman lebar saat mendengarkan kata-kata dari sahabatnya itu. Dia yakin impiannya untuk memiliki perniagaan sendiri pasti akan terlaksana tidak lama lagi.

"Tolong angkat ni semua lepas tu letak kat sana." Arah Hajah Maslina kepada beberapa orang pekerja yang telah diupah oleh Zafril untuk menguruskan majlis kenduri tahlil tersebut.

"Lauk semuanya cukup kan?." Soal Hajah Maslina lagi kerana dia bimbang jika makanan yang akan dihidangkan untuk orang kampung tidak mencukupi.

"In Shaa Allah cukup Mas, ehh awak ni!! saya tengok awak asyik gelisah je dari tadi dah kenapa? kita cuma nak adakan majlis kenduri tahlil je lagipun yang awak ni nak lebih-lebih dah kenapa? tuan rumah sendiri pun tak menggelabah macam awak ni hah." Celah Ayah Haji Marzuki, cuba untuk menegur sikap isterinya yang kelihatan kelam kabut dalam mengatur majlis kenduri tahlil tersebut seolah-olah itu adalah majlis untuk *wedding of the year*.

"Saya ni bukannya apa abang, saya dah anggap Zafril tu macam anak kandung saya sendiri lagipun inikan majlis tahlil untuk arwah kawan baik abang! saya risaulah kalau-kalau ada cacat celanya sebab kalau boleh saya nak majlis ini berlangsung dengan sempurna." Jelas Hajah Maslina, cuba untuk perbetulkan kembali tanggapan suaminya terhadap dirinya.

Ayah Haji Marzuki yang mendengarkan kata-kata dari isterinya itu hanya menggeleng-gelengkan kepalanya saja. Itulah lumrah orang perempuan, apa yang harus dia utamakan adalah pengisian di dalam majlis tahlil itu sendiri tapi tidak pula dia endahkan. Apa yang dia sibukkan adalah hidangan makanan untuk tetamu, pakaian yang harus disuai padan dalam majlis dan banyak lagi perkara remeh yang sepatutnya tidak perlu dia titik beratkan.

"Assalamualaikum kak." Tegur Maimon, memberi salam. Wanita berbadan gempal itu berdiri di pintu belakang rumah banglo mewah kepunyaan arwah Datuk Syed Muzaffar. Dia ditemani oleh Nurul Ayuni dan Nurul Alisa.

"Waalaikumussalam, ehh Mon! mana suami kamu?? jemputlah masuk, buat apa lagi tercegat kat luar tu?." Pelawa Hajah Maslina kepada mereka bertiga.

"Oooo Abang Mail ada kat depan tu hah, kan majlis tahlil tengah berlangsung dan saya datang ni pun ikut pintu belakang! saja datang nak menolong mana yang patut." Balas Maimon sambil ketawa kecil.

"Alahhh Mon, tak ada apa dah yang kamu nak tolong! semuanya dah beres! buat susah-susah je! yang kamu berdiri kat situ lagi buat apa, Mon? jemputlah masuk." Pelawa Hajah Maslina sekali lagi apabila melihat tiga beranak itu masih lagi tidak berganjak walaupun seinci. Setelah dipelawa buat kali yang kedua, barulah Maimon, Ayuni dan Alisa melangkah masuk ke dalam rumah banglo mewah itu.

Selepas beberapa jam kemudian, kelihatan orang kampung yang hadir mula turun dari rumah banglo milik arwah Datuk Syed Muzaffar untuk berkumpul di ruang khemah yang telah disediakan untuk para tetamu. Malah kelihatan beberapa buffet terisi juadah yang begitu menyelerakan juga telah tersedia untuk para hadirin.

"Zaf, kamu tak turun makan ke?." Soal Hajah Maslina kepada lelaki kacak itu sebaik saja dia melihat anak muda itu mahu melangkah menaiki anak tangga untuk menuju ke tingkat atas.

"Tak apalah mak cik, Zaf kenyang lagi cuma kepala ni rasa pening sikit." Luah Zafril kepada Hajah Maslina.

"Laaa yeke?? hummm Zaf okey tak ni? ke Zaf nak pergi klinik?? kalau Zaf nak pergi, mak cik boleh suruh Ayah Haji tolong hantarkan Zaf ke sana." Ujar Hajah Maslina lagi, cuba untuk menawarkan bantuan.

"Tak payahlah mak cik, sikit je ni! Zaf cuma nak rehat je." Jawab Zafril dengan riak wajah yang lemah.

"Ooo kalau macam itu tak apalah, Zaf ada nak apa-apa tak? kalau nak, mak cik boleh tolong buat." Balas Hajah Maslina.

"Hummm tak apalah mak cik, susahkan mak cik pulak." Ujar Zafril Adha dengan riak wajah yang bersalah.

"Hishhh kamu ni! tak adalah, mana ada menyusahkan! tak apa, kamu pergilah naik atas dulu, berehat kejam lagi mak cik hantarkan air untuk kamu ye." Tutur Hajah Maslina lalu mula melangkah untuk meninggalkan Zafril sendirian di ruang tangga itu. Lelaki kacak itu hanya

membisu sambil meneruskan langkahnya untuk menuju ke bilik tidur yang berada di tingkat atas.

"Errr Lisa, boleh tak kalau Lisa tolong mak cik buat kan segelas jus oren lepas tu hantar kat bilik atas ye, mak cik nak pergi layan tetamu kejap." Pinta Hajah Maslina kepada gadis itu. Alisa hanya mengukir senyuman paksa sambil menganggukkan kepalanya. Hajah Maslina yang melihat keadaan itu terus membalas senyuman Alisa lalu segera beredar pergi meninggalkan gadis itu sendirian di dapur.

"Hishhhh!! benci!! benci!! benci!! benci!! menyampah aku!! punyalah ramai orang dalam rumah ni, aku jugak yang kau suruh buat air?? memang tak boleh tengok orang senanglah!! ada je!! kalau bukan disebabkan mak yang suruh aku datang sini, eeeee tak inginalah aku nak pijak lantai rumah ni!" Bebel Alisa sendirian. Marah benar dia kepada Hajah Maslina apabila diminta untuk melakukan sedikit kerja.

"Ayu!! eh hh Ayu!! kau sini jap!" Teriak Alisa, memanggil kakak kandungnya yang sedang sibuk menguruskan juadah untuk orang ramai. Ayuni yang menyedari namanya dipanggil segera mengorak langkah untuk mendekati adiknya.

"Ye, kenapa Lisa panggil akak?." Soal Ayuni dengan nada suara yang tercungap-cungap.

Alisa mencekak pinggang seraya memberi arahan kepada kakaknya.

"Ehhh tak payah nak kakak-kakak sangatlah!! geli aku dengar!! sekarang ni aku nak kau pergi dapur buat kan aku segelas jus oren lepas tu aku nak kau pergi hantar jus tu ke bilik atas!! cepat!" Arah Alisa dengan penuh lagak. Ayuni hanya menurut saja perintah adiknya itu tanpa sepatah kata.

Setelah selesai menyediakan segelas jus oren, Ayuni mula mencari dulang untuk memudahkan kerjanya membawa minuman tersebut ke tingkat atas. Setelah dia menemui dulang tersebut, Ayuni segera mempercepatkan langkah kakinya untuk menaiki anak tangga bagi menuju ke tingkat atas. Semakin lama langkah kakinya semakin hampir dan akhirnya dia berdiri betul-betul di hadapan pintu bilik itu yang sememangnya tidak dikunci dari dalam. Ayuni meneguk liur dan cuba memberanikan diri untuk melangkah masuk ke dalam kamar itu. Matanya terpaku ke arah satu susuk tubuh seorang lelaki yang sedang terbaring di atas katil. Lelaki itu memakai kurta berwarna hitam, sangat sesuai dengan tona kulitnya yang sederhana cerah.

Ayuni tetap meneruskan langkahnya untuk menuju ke arah meja kecil yang terletak di sebelah katil. Dia ingin meletakkan dulang yang terisi segelas jus oren di atas meja itu. Ayuni membelakangkan badannya namun tiba-tiba dia terasa tubuhnya dirangkul oleh seseorang dari arah belakang. Ayuni berasa kaget dengan keadaan itu. Hatinya terasa berdebar-debar apabila berada di dalam pelukan lelaki ajnabi. Segelas jus oren yang dibawanya tadi juga turut terlucut lalu tumpah di atas lantai.

"Jangan tinggalkan Zaf, ma!! jangan tinggalkan Zaf!." Bisik lelaki itu dengan kedua-dua anak matanya terpejam rapat. Semakin lama pelukan itu terasa semakin hangat. Ayuni berasa semakin takut dengan keadaan itu.

"Encik...encik..." Nurul Ayuni mula bersuara, cuba untuk menyedarkan lelaki itu dari angan atau lena, Ayuni sendiri tidak pasti. Ayuni memalingkan wajahnya untuk menatap wajah Zafril. Lelaki itu kemudian mula membuka kedua-dua kelopak matanya dengan perlahan-lahan. Kini sepasang mata milik dua insan itu saling bertentangan antara satu sama lain. Masing-masing terkedu seolah-olah mereka berdua sedang hidup di dunia mereka sendiri. Hanya mereka berdua dan tiada yang lain!.

"Kau siapa? kau buat apa kat dalam bilik aku ni?." Soal Zafril dalam keadaan marah malah laju saja dia melepaskan pelukan itu dan menolak tubuh Ayuni sehingga menyebabkan gadis itu terundur sedikit ke belakang.

"Errr saya bawakan encik jus oren tapi jus tu dah tumpah...humm tak apa, nanti saya buat jus yang baru untuk encik ye." Jawab Ayuni jujur.

"Tak payah!! aku nak kau keluar!! keluar!!." Teriak Zafril ke arahnya. Ayuni tergamam seketika apabila menerima sergahan sebegitu dari lelaki itu. Harap saja ada rupa yang tampan tapi budi bahasa memang tenggelam jauh ke dalam laut China Selatan.

"Ehh Ayu! kau buat apa lama-lama kat sini hah?." Sergah Alisa sambil tangannya mula menolak daun pintu yang sememangnya tidak berkunci itu. Gadis itu terkejut apabila dia melihat ada seorang lelaki kacak sedang berdiri di hadapannya. Lelaki itu sedang merenung tajam ke arahnya. Apalagi, makin menggeletislah betina gedik ini!.

"Ehhh saya ingatkan tak ada orang tapi tak sangka pulak boleh jumpa dengan putera dari kayangan kat sini." Tutur Alisa ke arah lelaki kacak itu.

"Aku tak kenal korang berdua ni siapa dan sekarang ni aku nak korang berdua berambus dari sini!! aku nak berehat!!." Tengking Zafril ke arah Ayuni dan Alisa yang masih lagi setia berdiri kaku di situ.

"Hummm kalau tak silap saya, ini mesti anak arwah Datuk Syed Muzaffar kan? sebelum ni saya banyak dengar cerita pasal encik dari mulut Ayah Haji tapi tak sangka pulak hari ni kita berdua boleh bertentangan mata kat sini, bertuahnya saya sebab dapat kenal dengan encik." Tutur Alisa dengan nada suara yang manja.

"Kau tak faham bahasa ke?? aku tak pedulilah kau dengar cerita pasal aku dari mulut siapa pun! sekarang ni aku penat tau! aku nak rehat!! sebelum aku hilang sabar, lebih baik korang berdua keluar dari bilik ni!" Tegas Zafril dengan riak wajah yang masam mencuka namun lelaki itu masih lagi belum mengenali tahap kedegilan Nurul Alisa. Jika makin ditegah, makin menjadi-jadilah perangai keras kepalanya itu.

"Encik penat ke? alaaa kesiannyerrr! hummm saya ni pandai mengurut tau, kalau encik penat, saya boleh je tolong picitkan!" Desak Alisa lagi dan kali ini dia mengambil langkah yang lebih drastik dengan cuba untuk mendekati tubuh lelaki itu. Tangannya cuba untuk menyentuh bahu milik Zafril namun sebelum sempat dia berbuat demikian, tangan kasar lelaki itu terlebih dahulu menepisnya. Lengan Alisa digenggam erat oleh Zafril lalu diheretnya tubuh gadis itu untuk dibawa keluar dari kamarnya. Ayuni yang melihat keadaan itu juga tidak berani untuk berada lama-lama di situ lalu dia juga turut melangkah keluar dari bilik itu.

"Keluar!!! keluar!!." Herdik Zafril Adha ke arah mereka berdua sambil tangannya menghempas pintu bilik tidur itu dengan kuat.

Alisa mendengus kasar apabila menerima hinaan seperti itu manakala Ayuni pula hanya membisu. Dia masih memikirkan kata-kata yang dibisikkan oleh lelaki itu kepadanya tadi.

"Hishhhh!! bencilah!! menyampah!!." Dengus Alisa.

"Ehhh kau ni dah kenapa Lisa?? angin tak ada! ribut tak ada!! tetiba je nak mengamuk macam ni dah kenapa??!" Bebel Maimon pula. Alisa yang mendengarkan kata-kata itu terus melemparkan jelingan tajam ke arah ibunya sebelum kembali menyusun kata.

"Itulah!! anak arwah kawan Ayah Haji tu!! hishhhh berlagak gila!! sombong!! ada ke patut dia halau Lisa! dia cakap Lisa tak faham bahasa!! amboiii sedap mulut dia je nak mengata orang macam tu!! macamlah diri tu bagus sangat!! dasar mulut longkang!! tak ada insurans langsung!!." Bentak Alisa, cuba untuk meluahkan rasa sakit yang terbuku di hatinya akibat dari layanan buruk Zafril Adha.

"Alahhh memang patut pun dia buat kau macam tu sebab kau tu memang gedik!! gatal!! pantang nampak jantan yang hensem sikit, mulalah kau menggelupur kepanasan!! lain kali kalau tengok jantan tu, *cover* sikit perangai miang kau tu!! jangan nampak sangat yang kau tu dah terdesak sangat nak berlaki!! jangan nak malukan muka aku depan Ayah Haji dengan Hajah Maslina tu!! kita ni orang perempuan, kenalah pandai sesuaikan diri dengan situasi! jangan nampak sangat yang kau tu terhegeh-hegeh nak dekat dia! sabar! pelan-pelan kayuh barulah orang lelaki ni suka! ini tak!! belum apa-apa lagi kau dah terkinja sana terkinja sini dah macam beruk mat yeh je aku tengok!" Kali ini Maimon tidak menyebelahi anaknya, tidak seperti sebelum ini. Jika ada apa-apa yang melibatkan diri Alisa, pasti Maimon akan memenangkan anaknya namun kali ini ia benar-benar berbeza kerana baginya salah tetap salah. Alisa telah tersilap langkah dalam melakukan percaturan demi misinya untuk menjerat lelaki kaya.

Ayuni pula hanya mendiamkan diri saja. Dari tadi lagi dia tak habis fikir. Mengapa lelaki itu memeluknya? mengapa lelaki itu memanggilnya dengan panggilan mama?. Sungguh Ayuni tidak mengerti!

"Jangan tinggalkan Zaf, ma!! jangan tinggalkan Zaf!!"

Ayat itu benar-benar menghantui lena Ayuni. Semalaman dia tidak dapat melelapkan mata kerana memikirkan keadaan lelaki itu tadi sedangkan mereka berdua tidak pernah saling kenal sebelum ini namun entah mengapa, lelaki itu sepertinya 'sesuatu' bagi Ayuni.

"Jangan tinggalkan Zaf, ma..." Ayat itu terkeluar dari bibir mungil milik Ayuni. Ayat puaka itu selalu saja terngiang-ngiang dan berlegar-legar di dalam benak gadis itu.

"Siapapun awak, saya doakan awak baik-baik saja....saya doakan kerinduan awak pada mama awak akan kembali terubat dan saya doakan awak akan sentiasa kuat dalam menempuhi kehidupan ini walaupun tanpa kehadiran seorang ibu! awak kena kuat, jangan pernah jadi lemah!! saya faham apa yang sedang awak rasakan saat ini kerana saya juga telah

melalui perasaan itu hampir setiap hari, setiap saat dan setiap detik di mana saya merindukan seseorang yang terlalu jauh untuk saya gapai.... encik, siapapun awak, saya doakan awak agar sentiasa kuat dalam mengharungi semua ini." Bisik Ayuni sendirian di dalam hati. Matanya kembali mengerling ke arah jam yang tergantung di dinding. Ia telah menunjukkan hampir pukul 4.00 pagi. Ayuni kembali menutup suis lampu yang dibukanya tadi. Gadis itu kemudian kembali menyambung lenanya yang terhenti gara-gara seorang 'lelaki'.

BAB 4

Kilang Mariam Golden berdiri megah di hadapannya saat ini. Inilah kilang yang selama ini dibangga-banggakan oleh Datin Mariam malah bangunan yang tersergam indah inilah yang menjadi impian mamanya sejak berkurun-kurun lamanya dan kali ini Zafril pula yang terpaksa menggalas tanggungjawab dalam memastikan kilang ini akan menjadi sebuah kilang yang terbaik yang pernah dihasilkan oleh syarikat arwah papanya. Kilang Mariam Golden ditubuhkan pada 28 Mei 1993 namun kilang tersebut telah musnah dalam tragedi kebakaran selepas empat tahun penubuhannya. Walaupun tragedi itu sudah lenyap hampir 22 tahun yang lalu namun ia masih lagi mekar di dalam sanubari Zafril Adha. Tidak mungkin dia boleh melupakan kejadian yang telah menghancurkan seluruh keluarganya apatah lagi untuk melupakan 'dalang' di sebalik episod berdarah ini. Itu adalah sesuatu yang mustahil bagi dirinya.

Kilang Mariam Golden diasaskan bertujuan untuk menghasilkan produk penjagaan kulit dan kecantikan wajah. Produk yang dihasilkan dari kilang ini kemudian akan dipasarkan ke seluruh negeri di Malaysia malah ia juga turut dieksport ke luar negara seperti Turki, Arab Saudi, Dubai dan beberapa buah negara Timur Tengah. Antara rangkaian produk yang dihasilkan oleh Mariam Golden adalah seperti pencuci wajah, pelembap wajah, *masker*, *body scrub* dan krim wajah yang berfungsi untuk melindungi kulit muka dari terkena pancaran sinar UV yang berbahaya. Maklumlah, cuaca di Malaysia sangat panas.

*** Sehari Kemudian ***

Zafril bangun awal hari ini. Dia adalah seorang yang sangat berdisiplin dan tidak suka membuang waktu. Setelah selesai menyarungkan kot yang berwarna biru gelap, Zafril mula mencapai jam tangan jenama Rolex miliknya yang berada di atas meja. Dia ingin segera sampai ke kilang Mariam Golden kerana hari ini adalah hari perasmian pembukaan semula kilang tersebut setelah ia tertutup hampir 22 tahun.

"Assalamualaikum dan selamat pagi saya ucapkan kepada anda semua yang berada di sini, sebelum itu saya ingin memperkenalkan diri saya terlebih dahulu. Nama saya adalah Syed Zafril Adha bin Syed Muzaffar, saya selaku Pengarah Urusan Mariam Golden Sdn.Bhd ingin meminta kerjasama yang baik dari anda semua untuk kita sama-sama membangunkan kilang ini agar ia menjadi salah sebuah perusahaan yang terbaik di Malaysia. Dengan itu, tanpa membuang masa saya merasmikan pelancaran pembukaan semula kilang Mariam Golden dan

saya berharap yang anda semua akan dapat bekerja di sini dengan sebaik mungkin." Ucap Zafril dengan riak wajah yang serius.

Alisa yang turut diterima untuk bekerja di situ tersengih-sengih tak ubah seperti kerang busuk saat melihat jejak pujaan hatinya itu. Alisa banyak mendengar cerita mengenai Zafril melalui ibunya, Maimon. Ibunya juga mengetahui hal itupun dari Pak Mail yang mempunyai hubungan rapat dengan Ayah Haji Marzuki, kawan baik arwah papa Zafril Adha.

"Hah yang kat belakang tu dah kenapa asyik tersenyum sorang-sorang? gila ke?." Tegur Zafril kepada Alisa apabila menyedari dirinya sedang diperhatikan oleh gadis itu sejak dari tadi lagi. Semua mata yang berada di perhimpunan itu turut mengalihkan pandangan mereka ke arah Alisa.

"Errr....errrr tak adalah! saya senyum sebab saya rasa seronok sangat dapat kerja kat sini, itu yang senyuman ni melebar sampai ke telinga." Jawab Alisa dengan nada suara yang tersekat-sekat kerana menahan malu yang teramat sangat.

Zafril yang mendengarkan kata-kata itu terus tersenyum sinis sebelum kembali meneruskan kata-kata yang agak menyakitkan hati.

"Kalau ye pun kau terlalu *excited* dapat kerja kat sini, janganlah terlalu nak *overacting* sangat!! senyuman terlajak mesra kau tu aku tengok dah macam badut Mac Donald je tau tak!." Sindir Zafril dalam nada mengejek, menambahkan lagi rasa sakit hati Alisa apatah lagi dirinya kini sedang disulami dengan hilai tawa yang terbahak-bahak dari semua pekerja yang berada di situ.

Alisa terdiam, habis sumpah seranah dihamburkannya kepada Zafril di dalam hati.

"Amboi! korang semua ni ketawa sampai tak ingat dunia! dah! dah! sila bersurai dan pergi buat kerja masing-masing." Arah Zafril kepada pekerja bawahannya. Hilai tawa tadi terus berhenti dan suasana tiba-tiba menjadi sunyi. Mereka semua hanya menurut perintah Zafril tanpa sebarang bantahan termasuk Ayuni yang juga turut diterima untuk bekerja di situ.

"Ehh korang, bos kita tu hensem kan! hensem gila kalah *crush* aku tau!! humm alangkah bagusnya kalau aku dapat kahwin dengan dia! ehh korang rasakan bos kita tu dah ada yang punya ke belum?." Soal Maisarah tiba-tiba, memecahkan kesunyian di antara mereka bertiga.

Tina hanya menjongketkan kedua-dua bahunya manakala Syahirah pula mencebik bibirnya sebagai tanda meluat dengan pertanyaan yang diajukan oleh Maisarah.

"Ehh manalah aku tahu tapi kalau bos tu masih *single* sekalipun, kau rasa dia sudi ke nak pandang kau hah? kau siapa nak dibandingkan dengan dia? huhh Sarah! Sarah! tolonglah sedar diri kau tu sikit! kau kalau berdiri sebelah bos, macam langit dengan bumi tau!." Usik Syahirah sambil ketawa kecil. Hilai tawanya itu juga turut disambut oleh Alisa yang kebetulan berada di situ.

"Hah betul cakap kau tu Syahirah! ehh Sarah! aku nak ingatkan kau ehh sebelum kau lupa diri, lebih baik kau pergi kedai amoi kat hujung sana tu! lepas tu kau cakap dengan dia yang kau nak cermin 'paling besar' yang ada dalam kedai dia lepas tu kau bawa balik cermin tu! sebelum tu kau lap-lap kasi bersih, biar jelas semuanya! barulah kau pandang cermin besar tu lama-lama! hah dari situlah kau akan dapat jawapannya! aku ni bukan apa, kau kan kawan aku jadi sebelum kau jadi gila disebabkan kecewa kerana cinta kau ditolak lebih baik aku tolong sedarkan diri kau awal-awal supaya kau tak jadi manusia yang perasan!! kau jangan ingat yang Tuan Zafril tu akan terpikat dengan kau ehh!! sedar diri tu sikit lagipun dalam kilang ni, hanya aku sorang je gadis yang paling cun melecun dan aku pasti yang Tuan Zafril akan tergoda dengan kecantikan aku!." Bidas Alisa dengan lagak yang penuh angkuh.

Syahirah, Maisarah dan Tina saling berpandangan antara satu sama lain sebelum masing-masing membuat memek muka menyampah dengan kata-kata dari Alisa itu tadi.

"Werkkkkkk!!." Bidas mereka bertiga serentak.

"Ehh Lisa! kau ke aku yang patut pergi beli cermin tu hah?? huh aku rasa minah ni dah gilalah! punyalah ramai awek yang lagi cun dari dia kat sini, boleh pulak dia perasan yang dia paling lawa kat sini!! perghhhh memang dasar muka tembok!! ehh Lisa! lebih baik mati ditimpa kayu balaklah daripada mati ditindih dengan perasan! kau tak payahlah susah-susah nak suruh aku pergi beli cermin kat kedai amoi tu sebab dalam rumah aku pun dah berlambak-lambak cermin sampaikan aku sendiri pun dah tak tahu nak guna yang mana satu! hummm aku rasa kau yang patut pergi beli tapi bukan cermin tau!! kali ni aku bagi yang lebih *advance* lagi, apa kata kau beli 'kanta pembesar' hah barulah sesuai dengan diri kau! senanglah sikit kau nak tengok bekas-bekas jerawat kau yang dah berlobang tu! lebih-lebih lagi kulit kau yang menggerutu macam kena sengat dengan tebuhan hutan!!." Balas Maisarah, cuba untuk memancing api kemarahan Alisa.

"Ehhh Lisa! kau ni kan asyik tahu menghina orang je macamlah diri kau tu bagus sangat! ehk kalau kau nak tahu kan, kakak kau si Ayu tu sebenarnya beribu-ribu kali ganda lagi cantik dari kau tau tak tapi tak pernah pun aku tengok dia membongak macam kau ni!!." Tambah Maisarah lagi yang tiba-tiba saja memetik nama Ayuni.

"Hahahahaha pompuan macam tu kau cakap cantik?? hello kau buta ke apa sampai tak boleh nak bezakan mana satu hantu kubur mana satu manusia?! ehk kau tak tengok ke muka dia yang terbakar tu?? dah macam mak lampir je aku tengok tau! macam itu kau cakap cantik?? kau ni memang dah gilalah!." Hina Alisa.

"Nasib baik sebelah muka dia terbakar, kalau tak, huh aku rasa dah lama kakak kau tu jadi wakil ratu cantik Malaysia tau! ehk Lisa, biar buruk rupa asalkan cantik budi bahasa tapi ini kau, dahlah rupa pun tak ada! budi bahasa pun hancur!." Bidas Maisarah sambil menjeling sinis.

Alisa mula mengetap bibir kerana menahan geram. Rasa sakit hatinya semakin meluak-luak apatah lagi apabila ada yang mahu membanding-bandingkan dia dengan Ayuni, wanita yang paling dia benci!.

"Ehhh korang ni dah kenapa hah? tak puas hati? aku tahulah korang semua ni sebenarnya dengki dengan kecantikan aku sebab itulah korang hina aku macam-macam! hidup ni jangan nak busuk hati sangatlah! mati nanti merangkaklah korang cari aku!!." Marah Alisa yang nampaknya sudah mula hilang sabar. Kotak pembungkusan produk yang ada di tangannya itu juga turut dilemparkan ke arah mereka bertiga.

"Ehhh ekele minah poyo ni!! nak *emo* pulak dia!! kau yang cari pasal dulu tiba-tiba aku pulak yang nak kena merangkak cari kau kat sana?? ehk aku ni tak teringin langsunglah nak mendengki dengan pompuan yang perasan bagus macam kau ni!! buang masa aku je!! daripada aku jadi sewel sebab melayan pompuan yang tak ada otak macam kau ni, baik aku pergi sambung buat kerja!! ada juga faedahnya!!." Bidas Maisarah dengan nada suara yang kedengaran agak lantang.

Alisa tidak boleh menahan kemarahannya lagi. Ditariknya rambut Maisarah yang disanggul rapi. Para pekerja yang berada di situ mula mendekati mereka berdua. Babak-babak pergelutan di antara Alisa dan Maisarah nampaknya sedang bermula. Ayuni yang menyedari

akan keadaan itu segera berlari ke arah mereka berdua dengan harapan dia dapat meleraikan persengketaan ini.

"Sarah!! Lisa!! sudahlah!! cukup!! cukuplah!! jangan bergaduh lagi!!." Teriak Ayuni yang nampaknya masih lagi mencuba untuk menghentikan pergelutan di antara dua orang gadis itu. Mereka saling membalas serangan. Alisa masih lagi menarik rambut kerinting milik Maisarah dan begitu juga dengan gadis itu. Masing-masing nampaknya tidak mahu beralah. Sekejap Alisa berada di posisi atas, tidak lama kemudian mereka berdua berguling-guling sehingga menukar posisi di mana Maisarah pula yang mendominasi perlawanan dan begitulah sehingga ke seterusnya.

"Sarah!! tolonglah lepaskan adik aku!!." Rayu Ayuni dengan linangan air mata. Mendengarkan rintihan Ayuni itu, Maisarah mula melepaskan rambut ikal mayang milik Alisa. Sungguh dia benar-benar marahkan Alisa namun apabila mengenangkan kebaikan Ayuni selama ini terhadap dirinya, Maisarah lebih rela melupakan saja rasa sakit hatinya itu. Alisa juga nampaknya sudah kembali tenang.

"Sarah, aku nak minta maaf pasal adik aku ni dan kau janganlah ambil hati dengan apa yang dia dah buat pada kau." Mohon Ayuni dengan riak wajah yang bersalah. Namun Maisarah hanya mendiamkan diri saja. Dia kemudian mengambil keputusan untuk beredar pergi meninggalkan tempat itu. Langkah kakinya hanya diekori oleh Tina dan Syahirah dari arah belakang. Mata-mata yang memandang ke arah mereka langsung tidak dipedulikan. Setelah keadaan kembali menjadi reda, akhirnya semua pekerja yang berada di situ kembali ke bahagian masing-masing untuk membereskan tugas mereka.

"Lisa, kenapa ni? kenapa Lisa gaduh dengan Sarah??" Soal Ayuni kerana ingin tahu.

"Hishhh diamlah!! tak payah nak sibuk urusan aku! kau jaga je urusan kau!!." Herdik Alisa ke arah kakaknya.

"Ya Allah! Lisa, akak cuma tanya je sebab akak kenal Sarah tu macam mana! Sarah takkan buat perangai macam ni kalau Lisa tak cari pasal dengan dia dulu." Jawab Ayuni.

"Ooo habis tu kau nak cakap yang aku ni jahatlah?? macam tu??! huh kau tak payah nak berlagak baik sangatlah kat sini! aku dah meluat tengok lakonan kau ni!" Tengking Alisa lagi.

"Ya Allah! Lisa!! akak bukan nak berlagak baik depan Lisa tapi kalau boleh akak tak naklah tengok adik akak bergaduh dengan sesiapa kat sini lebih-lebih lagi dengan Sarah!..... akak risaukan keselamatan Lisa." Jelas Ayuni kepada adiknya agar tidak timbul sebarang salah faham.

"Ahhhhh aku tak nak dengarlah semua tu!! aku dah muak dengan sandiwara kau ni kononnya engkau soranglah yang paling baik kat sini! aku ni pulak yang paling jahat kat sini!! aku dah kenal sangatlah dengan pompuan macam kau ni! pandai kau berlakon kan?? semua orang sayangkan kau!! ayah sayangkan kau!! semua orang kat sini semua sayangkan kau tapi aku?? semua orang bencikan aku! ayah pun bencikan aku!! selalu lebihkan kau macam aku ni bukan anak dia!! itu sebenarnya yang kau nak selama ni kan?? kau nak semua orang bencikan aku kan?? ehh Ayu! kau tak payah nak kakak-kakak sangatlah dengan aku sebab aku benci dengar perkataan tu!! selama ni pun aku tak pernah anggap kau sebagai kakak akulah!!." Bentak Alisa sambil tangannya menolak tubuh lemah milik Ayuni.

Ayuni yang mendengarkan kata-kata itu terus menggeleng-gelengkan kepalanya, cuba untuk menafikan segala tuduhan palsu yang dilemparkan oleh Alisa terhadap dirinya. Begitu sakit rasanya untuk dia terima semua ini.

"Tak!! Ayu tak pernah bencikan Lisa sebab Lisa satu-satunya adik Ayu, takkanlah seorang kakak sanggup nak buat macam tu pada adik dia sendiri!! Ayu sayangkan Lisa lebih dari nyawa Ayu sendiri dan tak pernah terlintas di hati ni walau sekalipun untuk buat semua orang benci pada Lisa! tak pernah dik!." Pujuk Ayuni lagi cuba untuk menenangkan jiwa gelora adiknya itu.

"Arghhhhhh!! dahlah!! aku tak nak dengar!! huh kalau dengan ayah, bolehlah kau bodohkan dia dengan air mata palsu kau ni tapi dengan aku, tolonglah!! aku takkan tertipu dengan kata-kata manis kau ni!! aku tak sebodoh seperti yang kau sangkalah Ayu!! aku benci kau!! aku benci!!." Herdik Alisa dengan nada suara yang sebak lalu langkah kakinya mula diatur, dia berlari meninggalkan Ayuni sendirian di situ. Ayuni tidak mengerti mengapa adiknya begitu membenci dirinya. Dari dulu sehingga sekarang, perasaan benci Alisa terhadap dirinya tidak pernah pudar malah semakin lama ia rasanya semakin menebal!. Ayuni berharap agar suatu masa nanti adiknya itu akan berubah dan menyayangi dirinya seperti mana dia menyayangi adiknya itu.

"Hishhhh!!! hishhhhhh!! geram aku!!." Marah Alisa lalu melemparkan tas tangan miliknya dengan kasar.

"Ehhh kau ni dah kenapa Lisa?." Soal Maimon dengan riak wajah yang kehairanan apabila dia melihat anak gadisnya ini melenting tidak tentu pasal.

"Yang mak ni dah kenapa?? rambut berserabai macam orang gila!." Kini soalan berbalas soalan pula. Maimon yang menyedari akan keadaan itu segera membetul-betulkan kembali rambutnya yang mengembang.

"Ehhh tak adalah." Jawab Maimon dengan nada suara yang gugup.

"Ehh Lisa dah balik! awal Lisa balik hari ni." Tegur Salleh yang datang dari arah dapur. Lelaki itu menyapa Alisa sebaik saja dia melihat kelibat gadis itu yang sedang duduk di atas sofa.

"Ehhh pak cik buat apa kat sini?." Soal Alisa dengan dahinya yang berkerut. Salleh terkedu dan lelaki itu kelihatan agak menggelabah seolah-olah sedang mencari jawapan yang tepat bagi menjawab segala persoalan dari anak gadis itu agar temberangnya selama ini tidak terbongkar.

"Errrr...errrrr ni hah Pak Cik Salleh datang sebab nak tolong betulkan paip yang bocor kat belakang tu." Celah Maimon tiba-tiba, cuba untuk menyelamatkan Salleh dari serangan hendap Alisa.

"Haihhh mak, Lisa tanya pak cik tapi mak pulak yang tolong jawabkan!! setahu Lisalah, dalam rumah ni mana ada paip bocor dan kalau bocor sekalipun, ayah pun boleh tolong baiki kan?? tak payahlah panggil pak cik datang sini!! membazir je kalau upah orang luar!!." Bidas Alisa tanpa berlapik.

"Ehhh tak ada apalah Lisa lagipun pak cik tolong ikhlas, tak mengharapkan apa-apa bayaran pun sebab pak cik buat semua ni percuma je! alah setakat tolong betulkan paip yang bocor, benda senang je Lisa." Jelas Salleh beria-ria kerana tidak mahu anak gadis itu berasa curiga. Alisa yang mendengarkan kata-kata dari Salleh itu terus menjongketkan sebelah keningnya seolah-olah masih kurang percaya dengan apa yang didengarnya dari mulut lelaki yang usianya hampir sebaya dengan ayahnya, Pak Mail.

"Emmm terlebih baiklah pulak pak cik ni! ada makna ke?." Sindir Alisa sekali lagi sehingga membuatkan Salleh terkedu seketika.

"Ehh Lisa! kamu ni ada-adalah!! hah Salleh, paip pun dah boleh guna, kau tercegat apa lagi kat situ?? pergilah balik rumah kau!." Celah Maimon sekali lagi. Salleh hanya menurut saja permintaan dari kekasih gelapnya itu tanpa sebarang bantahan. Dia ingin segera beredar pergi meninggalkan rumah usang itu sebelum dia harus bertembung pula dengan Pak Mail. Ini baru anaknya belum lagi bapaknya. Soalan Alisa tadi pun sudah cukup untuk membuatkan dia berasa kecut perut, risau juga jika hubungan sulitnya bersama Maimon selama ini akan diketahui orang apatah lagi isterinya. Memang mengamuk sakanlah isterinya itu nanti!.

"Haihhh mak, kerap je Lisa tengok Pak Cik Salleh tu datang rumah ni! takkanlah memanjang je paip dalam rumah ni bocor?." Soal Alisa kerana masih lagi musykil.

"Errrr...errrrr...errr itulah pasal!! mak pun tak tahulah kenapa paip dalam rumah ni asyik bocor je! itulah bapak kau, dah banyak kali mak suruh dia tukar paip yang baru tapi dia asyik cakap nantilah dulu, tunggulah dulu hah itu pasal yang jadi macam tu!! ehheh dahlah! tak payahlah kau nak risaukan pasal paip yang bocor tu, ni apa hal kau balik awal hari ni? kerja kau dah habis ke?? kakak kau mana? kenapa dia tak balik-balik lagi?." Bertalu-talu pertanyaan dihamburkan oleh Maimon kepada Alisa. Gadis itu hanya mendengus kasar sebelum menjawab pertanyaan dari ibu kandungnya itu.

"Entahlah mak! Lisa rasa macam tak ada mood nak pergi kerja hari ni sebab itulah Lisa balik awal hari ni." Jawab Alisa dengan bibirnya yang memuncung tak ubah seperti watak dalam kartun Donald Duck.

"Ehhh kau ni Lisa! hari pertama kerja pun kau dah buat hal kan!." Marah Maimon kepada anak gadisnya. Alisa mencebik bibir sambil memeluk tubuhnya sendiri. Gadis itu kemudian merebahkan diri di atas sofa. Matanya terpaksa melihat kipas siling yang sedang berputar laju.

"Lisa bergaduh dengan Sarah!! ada ke patut dia hina Lisa macam-macam!! manalah Lisa tak bengang!! yang si Ayu tu pulak, boleh pulak nak berlagak macam dialah malaikat kat situ!! erghhhh kalau tak disebabkan dia yang halang Lisa tadi, memang dah pecah muka si Sarah tu Lisa kerjakan!!." Marah Alisa yang nampaknya masih lagi bersisa.

"Dia cakap apa pada kau sampai korang berdua boleh bergaduh macam ni hah?." Tanya Maimon lagi, cuba untuk mengorek rahsia dari Alisa.

"Ada ke patut dia hina Lisa! dia cakap Lisa ni buruk tak layak nak digandingkan dengan Tuan Zafril tu dan yang paling menyakitkan hati Lisa bila dia banding-bandingkan Lisa dengan hantu kubur tu!! ada ke patut dia cakap yang si Ayu tu beribu-ribu kali ganda lagi cantik dari Lisa!! erghhhh buta ke apa?? pompuan dengan muka yang buruk macam tu pun dia boleh cakap cantik!! memang dasar keturunan gilalah si Sarah tu!! yang pompuan tu, boleh pulak nak berlagak baik kononnya dialah yang paling suci kat situ!! tolong leraikan pergaduhan Lisa dengan si Sarah tu, alahhh Lisa tahulah!! ini semua permainan dia je! sengaja nak suruh orang puji dia!! hishhhh geramlah!! nanti dia!! tunggulah!! sampai masa nanti, Lisa akan balas balik!! ini Lisalah!!." Marah Alisa sambil mengetap bibirnya kerana terlalu geram dengan apa yang telah berlaku terhadap dirinya hari ini.

Maimon yang mendengar luahan hati dari anak gadisnya itu terus tersenyum sinis. Alisa yang melihat reaksi dari ibunya itu berasa agak bingung.

"Yang mak ni dah kenapa?? tersengih-sengih macam kerang busuk!! orang dahlah tengah panas ni dia boleh pulak senyum-senyum!! kalau muka tu lawa tak apalah jugak!." Bidas Alisa dengan riak wajah yang bengang, cuba melempiaskan rasa sakit hatinya yang masih lagi bersisa.

"Ehh Lisa!! yang kau nak marah-marahkan aku ni dah kenapa? aku senyum sikit pun dah tak boleh ke?? ehheh dahlah!! benda remeh macam ni pun kau nak simpan dalam perut!! dahlah! kau tak payahlah nak peningkan kepala hotak kau dengan perangai si Sarah tu sebab sekarang ni mak dah atur *plan* yang baik untuk kau tau." Jelas Maimon kepada anaknya.

Mata Alisa terus terbeliak memandang ke arah ibunya. Rasanya begitu teruja sekali untuk mengetahui apakah yang sedang dirancang oleh ibunya itu.

"Mak, mak dah *plan* apa untuk Lisa? cakaplah mak!! Lisa dah tak sabar nak tahu ni!." Soal Alisa dengan riak wajah yang kelihatan begitu teruja.

"Kalau ye pun kau tu dah gatal sangat nak berlaki, tolonglah bawa bersabar sikit!! aku ni baru je nak ambil nafas! hummmm macam ni, petang nanti kau ikut mak pergi pekan! mak nak belikan alat solek dan baju baru untuk kau lepas tu kita pergi salon rambut! hah mak nak buat *make-over* untuk kau! rambut gaya ala-ala Saloma hah biar melompong muka si Sarah tu

bila tengok anak mak yang cantik ni! masa tu barulah kau pergi goda si Zafril tu, lelaki ni pantang digoda tau Lisa!! hummm mak percaya, mesti lepas ni dia akan cair bila tengok anak mak hah masa itu barulah si Sarah yang asyik menghina kau tu tahu langit ni tinggi ke rendah!! mak akan pastikan walau apa cara sekalipun, mak akan tetap jadikan Zafril yang kaya raya tu sebagai 'menantu' mak!." Ujar Maimon dengan senyumannya yang jahat. Hati Alisa kembali berbunga-bunga. Dia sudah tidak sabar lagi untuk menunggu hari bahagiannya bersama Zafril Adha. Tidak lama lagi, dia yakin yang dia akan menjadi isteri kepada pemilik syarikat Mariam Golden walaupun terpaksa menggunakan cara sekotor ini. Dia tidak peduli kerana apa yang penting baginya, matlamatnya untuk bersuamikan orang kaya akan tercapai!.

KRINGGGG!!! KRINGGGGG!!!! Telefonnya berbunyi, menandakan ada panggilan masuk.

"Hello, siapa ni?." Tanya Alisa apabila dia mendapat panggilan telefon dari orang yang tidak dikenali.

"Hello, hai ini I lah sayang." Jawab Roy melalui panggilan telefon. Mata Alisa terbeliak saat mendengar suara lelaki yang cukup dikenalnya itu. Gadis itu segera meluru masuk ke dalam kamarnya malah pintu biliknya itu juga turut dikunci dari dalam. Sengaja dia melakukan seperti itu agar perbualannya bersama Roy tidak akan didengari oleh sesiapa apatah lagi ibunya, Maimon.

"You nak apa lagi?? kan hutang I dengan you dah selesai!! apa lagi yang you nak hah??" Soal Alisa dalam nada suara yang keras namun masih lagi menjaga *volume* suaranya agar tidak didengari oleh sesiapa lebih-lebih lagi ibunya.

"Ye, I tahu tu sayang tapi I rindukan you! kalau boleh I nak lagi dan kali ini you cakap je berapa yang you nak, I sanggup bayar asalkan I dapat you." Luah Roy, cuba untuk menagih kasih dari Alisa. Riak wajah gadis itu terus berubah menjadi semakin tegang.

"Hummmmm nantilah!! kalau I perlukan you, I akan *contact* you semula! bye!." Balas Alisa lalu segera mematikan panggilan telefon itu sebelum sempat Roy menghabiskan perbualan. Gadis itu mencampakkan telefonnya ke atas katil. Hatinya terasa berdebar-debar. Dia tidak menyangka bahawa lelaki keparat itu akan kembali menagih kasih darinya. Dia harus berlagak seperti biasa seolah-olah tiada apapun yang berlaku. Dia tidak mahu rahsianya ini terbongkar. Jika ayah dan ibunya tahu akan kegiatan pelacurannya sebelum ini, sudah pasti

kulitnya yang sawo matang ini akan disiat-siat di unggun api. Dia sendiri berasa takut untuk membayangkan perkara itu.

"Kenalkan Abang Mamat Ronggeng atau lebih mesra disapa sebagai Abang Mat." Ujar Azman, memperkenalkan lelaki yang berusia lewat 50-an itu kepada sahabatnya, Muaz.

"Assalamualaikum bang." Ujar Muaz memberi salam kepada lelaki itu.

"Waalaiikumussalam, hummm ada apa hal korang berdua datang jumpa aku hari ni?." Tanya Abang Mat kerana ingin tahu.

"Errr macam ni bang, kawan saya ni sekarang tengah terdesak nak pakai duit maklumlah isteri dia tengah berbadan dua jadi abang faham-fahamlah dunia zaman sekarang ni kan, nak kena beli pampers, duit susu anak, nak beli itu nak beli ini jadi kami berdua datang ni ada hajat besar! saya harap sangatlah abang boleh bantu kami untuk keluar dari masalah ni." Jelas Azman, tolong menjadi wakil bagi pihak Muaz.

"Hummm berapa yang kau nak?." Laju saja Abang Mat bertanya.

" Tak banyak bang dalam dua puluh ribu sebab kawan saya ni nak gunakan duit tu untuk modal niaga." Jawab Azman jujur.

"Aku boleh tolong kau tapi ada syaratnya." Balas Abang Mat sambil menghembuskan kepulan asap rokok yang keluar melalui rongga hidung dan mulutnya.

"Apa syaratnya?." Tanya Azman pula.

"Kawan kau ni ada tanah?? rumah?? atau apa-apa jelah aset yang berharga untuk aku jadikan sebagai cagaran sebab kalau kawan kau ni tak mampu nak bayar balik hutang aku tu, rumah atau tanah itulah yang akan aku rampas sebagai ganti rugi." Terang Abang Mat kepada mereka berdua.

"Kejap ehh bang, ehh Muaz! kau dengar tak? kau ada tak tanah ke atau rumah pusaka ke yang boleh kau gadai sebagai cagaran?." Soal Azman kepada lelaki itu. Muaz mula menggaru-garu kepalanya yang tidak gatal kerana setahunya, arwah ayahnya tidak pernah meninggalkan apa-apa harta yang boleh dijadikan sebagai pusaka kecuali tanah bendang yang kini diduduki oleh ibunya namun itu bukanlah miliknya. Tanah dan rumah itu milik arwah isteri Pak Mail.

Dia tidak mempunyai sebarang hak ke atas rumah itu kecuali jika dia berjaya memujuk ibunya untuk menyuruh ayah tirinya itu menukarkan hak milik tanah itu ke atas namanya.

"Errr ada tapi itu bukan rumah aku, itu rumah ayah tiri aku." Jawab Muaz dengan riak wajah yang resah.

"Hummm macam inilah, kau pujuklah dulu ayah tiri kau tu dan bila dia dah setuju untuk tanda tangan surat ni, barulah kau datang jumpa dengan aku dan aku akan cepatkan proses pinjaman duit tu." Celah Abang Mat sambil menghulurkan sekeping kertas yang berwarna putih kepada Muaz.

"Hai Muaz, mana bini kamu? dari tadi lagi mak tak nampak batang hidung dia!! mana dia pergi??" Soal Maimon kepada anaknya sebaik saja dia melihat lelaki itu berdiri di depan pintu rumahnya. Sudah hampir sebulan Muaz tidak pulang ke rumah itu. Dia menginap di rumah rakannya, Azman manakala isterinya pula tinggal bersama ibu mentuanya di kampung.

"Alia tak ikut! dia tinggal dengan mak dia! inipun Muaz balik sorang je." Jawab Muaz dengan riak wajah yang lemau.

"Hah baguslah kalau macam tu! orang pemalas macam bini kamu tu elok tinggal dengan mak bapak dia je!! barulah tak menyusahkan hidup orang lain!" Bidas Maimon sambil menjuih bibirnya yang tebal itu.

"Dahlah mak! Muaz malaslah nak bertekak dengan mak pasal hal tu lagipun Muaz balik ni pun ada hal sikit nak bincang dengan mak." Jawab Muaz dengan riak wajah yang serius.

"Kamu nak bincang soal apa dengan mak? macam serius je." Balas Maimon sambil memeluk tubuh gempalnya itu.

"Memang serius pun mak! ini soal antara hidup dan mati Muaz dan Muaz tahu, hanya mak sorang je yang boleh tolong Muaz." Jelas Muaz dengan bersungguh-sungguh.

"Ehhh kenapa ni Muaz?? kamu jangan buat mak takut boleh tak? kamu ada masalah ke?." Soal Maimon bertubi-tubi yang nampaknya sudah terlebih beremosi.

"Memang Muaz ada masalah mak, Alia mengandung tiga bulan dan Muaz sekarang ni masih tak dapat kerja lagi! kalaulah anak tu dah lahir nanti, macam mana Muaz nak besarkan dia??"

nak bagi makan pakai dia! nak sekolahkan dia! mesti banyak duit yang nak kena guna sebab itulah Muaz datang jumpa dengan mak, Muaz nak minta jasa baik mak untuk pujuk ayah tu." Balas Muaz dengan ayatnya yang sedikit tergantung.

"Laa yeke?? alhamdulillah Muaz!! tak lama lagi mak akan dapat cucu!! Allah syukur padaMu ya Allah! yang kamu nak susah hati sangat ni dah kenapa Muaz? itukan anak kamu, anak kamu tu cucu mak jadi kita sama-samalah besarkan dia!! soal duit ke apa, In Shaa Allah, mak rasa dengan duit gaji ayah kamu tu masih lagi cukup untuk tampung-tampung keperluan anak kamu tu nanti." Tutur Maimon sambil tersenyum lebar. Dia bersyukur apabila mendengar perkhabaran gembira ini. Nampaknya tidak lama lagi, akan bertambahlah seorang lagi ahli baru dalam keluarganya.

"Mak!! bukan macam tu maksud Muaz! Muaz sebenarnya nak ubah diri mak! sampai bila Muaz asyik nak harapkan pada mak bapak lagi?? ayah tu bukannya muda lagi! dah tua kerepot! tak lama lagi dia akan 'pergi' dan masa tu siapa yang akan bekerja untuk besarkan anak Muaz? sebab itulah Muaz kena bertindak dari sekarang! Muaz nak jadi orang yang berjaya!! Muaz nak buat mak bangga sebab miliki anak macam Muaz ni! Muaz dah tak nak mengemis pada sesiapa lagi, mak! Muaz nak berdikari! Muaz nak cari duit sendiri! jalannya dah ada mak cuma Muaz perlukan sedikit pertolongan dari mak untuk pujuk ayah agar dia setuju jadikan rumah dan tanah bendang ni sebagai cagaran." Pujuk Muaz dengan riak wajah yang hiba, cuba untuk meraih simpati dari ibunya.

"Cagaran?? cagaran apa ni Muaz?." Soal Maimon dengan riak wajah yang berkerut.

"Cagaranlah!! Muaz nak pinjam duit dua puluh ribu dari kawan Muaz tapi dia minta rumah dan tanah bendang ni dijadikan sebagai cagaran barulah dia boleh uruskan duit pinjaman tu." Ujar Muaz kepada Maimon.

"Ya Allah!! kamu dah gila ke Muaz?? kamu nak buat apa dengan duit banyak tu hah?? mak tak nak!! mak tak nak campur!! kamu bukan tak kenal perangai ayah tiri kamu tu macam mana! buatnya kamu tak boleh nak bayar balik hutang kawan kamu tu, dia datang rampas rumah dan tanah pusaka ni macam mana?? mana kita nak duduk lepas ni?? inilah satu-satunya harta yang kita ada!! mak tak nak hidup merempat!! mak tak nak!!." Tegus Maimon.

"Mak memang tak sayangkan Muaz kan?? mak rela tengok hidup anak mak ni susah!! sepatutnya mak adalah orang pertama yang akan sokong tindakan Muaz ni! kalaulah arwah ayah masih ada, mesti dia sedih tengok hidup Muaz yang terumbang ambing macam ni... tak apalah mak, mungkin Muaz dah ditakdirkan untuk hidup susah macam ni sampai bila-bila! dah nasib Muaz macam ni, nak buat macam mana kan? ada mak pun bukannya boleh tolong! tak apalah mak, soal anak Muaz tu pandai-pandailah Muaz besarkan dia! Muaz yakin anak Muaz akan faham walaupun dia terpaksa hidup dalam keadaan yang serba kedaifan. Minggu depan Alia nak buat *check-up*, Muaz sendiri pun tak tahulah nak cekup duit dari mana untuk bayar bil klinik tu! hummm tak apalah mak, kalau macam tu Muaz pergi dululah." Rajuk Muaz tiba-tiba.

Hati ibu mana yang tidak luluh?. Hati ibu mana yang sanggup nak biarkan anak yang dikandungnya selama sembilan bulan sepuluh hari hidup dalam kesusahan?. Maimon tidak sampai hati nak biarkan anak lelakinya berlalu pergi dari rumah itu dengan perasaan yang kecewa.

"Muaz!! tunggu nak!!." Jerit Maimon, memanggil nama anak lelakinya. Muaz yang menyedari namanya dipanggil segera menghentikan langkah. Dia menoleh ke arah Maimon dengan pandangan yang cukup sayu.

"Muaz nak buat apa dengan duit sebanyak tu? kalau Muaz nak mulakan perniagaan, mak boleh bagi duit simpanan mak pada Muaz untuk buat modal niaga tapi tak banyaklah dalam seribu dua tu bolehlah! hummm Muaz tak payahlah berhutang dengan kawan Muaz tu, mulakan je dengan apa yang ada! kecil-kecilan pun tak apa janji Muaz dah pandai cari duit sendiri." Pujuk Maimon lagi.

"Seribu dua mana cukup mak! perniagaan Muaz ni memerlukan pelaburan yang besar sebab nilai pulangan yang Muaz akan dapat nanti pun jumlahnya sangat besar mak! kalau setakat seribu dua nak meniaga apa? jual makanan macam warung cabuk Kak Pah tu pun dah makan modal tiga empat ribu!." Dengus Muaz kerana tidak berpuas hati.

"Kamu nak meniaga apa sebenarnya ni Muaz? pelaburan bagai!! boleh percaya ke?? mak bukan apa! ekonomi zaman sekarang kan tengah gawat, kamu tak tengok ke dalam TV tu berapa ramai orang meniaga yang bankrup! hutang keliling pinggang tak boleh nak bayar! mak tak nak kamu putih mata nanti sebab itulah mak nak kamu mulakan dulu dengan apa yang ada! bila dah maju sikit, barulah kamu buat pinjaman dengan pihak bank untuk

besarkan lagi bisnes kamu tu." Pesan Maimon namun nasihatnya itu ibarat mencurahkan air ke daun keladi apabila Muaz masih lagi berkeras, mahu mempertahankan pendiriannya.

"Mak! mak jangan risaulah!! pelaburan yang Muaz masuk ni bukan macam skim cepat kaya tu! pelaburan ni selamat! Muaz tengok kawan Muaz masa sekolah rendah dulu pun dah berjaya selepas dia *join* pelaburan ni! kalau orang lain cakap tu mungkin Muaz takkan percaya tapi ini Muaz tengok dengan mata kepala Muaz sendiri! dia beli kereta Mercedes Benz keluaran terbaru mak! mahal tu! harga dia mencecah hampir dua ratus ribu!! fuhhhh!! mak nak tahu tak, dalam masa berapa bulan je dia dapat beli kereta mewah macam tu?? hanya dalam masa enam bulan saja! dia melabur lepas tu goyang kaki je kat rumah, tunggu je duit masuk!! perghhh! hidup dia sekarang memang dah betul-betul berubah mak! dulu nak beli basikal pun tak mampu tapi sekarang ni kilang kereta pun dia boleh beli tau!" Jelas Muaz beria-ria. Maimon hanya mengeluh lembut.

"Mak, mak nak tahu tak apa impian hidup Muaz?." Soal Muaz lagi dan kali ini air matanya bergenang di sebalik kelopak mata yang bundar itu.

"Apa sayang?." Tanya Maimon dengan nada suara yang sebak sambil mengusap lembut dahi anak lelakinya itu.

"Muaz nak buat mak bahagia! Muaz teringin sangat nak hantarkan mak ke Mekah untuk tunaikan haji dan umrah, Muaz teringin sangat nak belikan emas dan perhiasan untuk mak! Muaz nak bawa mak jalan-jalan ke manapun mak nak pergi, Muaz akan bawa! belanja mak makan makanan yang sedap-sedap! Muaz dah tak nak tengok lagi mak makan nasi dengan telur kicap je! seumur hidup kita, kita tak pernah lagi masuk KFC sebab makanan kat situ mahal kan? kita tak mampu tapi Muaz janji lepas Muaz dah berjaya dalam perniagaan ni, Muaz akan bawa mak makan di KFC! masa tu mak makanlah puas-puas! mak makanlah ayam tu banyak-banyak! Muaz teringin nak buat semua tu untuk mak dari dulu lagi tapi Muaz tak berdaya! Muaz tak ada duit! maafkan Muaz kalau selama ni Muaz tak dapat nak bahagiakan mak, Muaz minta maaf mak." Tutur Muaz, meluahkan rasa yang dipendamnya selama ini. Air mata lelakinya juga turut tumpah.

"Muaz, seorang ibu tak pernah harapkan semua tu dari anaknya! bagi mak, cukuplah Muaz sentiasa ada di sisi mak! itupun dah cukup untuk buat mak bahagia walaupun anak mak tak ada apa-apa, mak tetap bangga! mak tetap sayangkan Muaz walaupun Muaz tak berharta... mak tak harapkan semua tu, nak...mak cuma nak tengok anak mak ni bahagia je

dan kalau dengan cara ini boleh membahagiakan hidup Muaz, mak akan sedaya upaya cuba semampu yang boleh untuk pujuk ayah." Kata Maimon kepada anak lelakinya.

"Terima kasih mak!! mak adalah segala-galanya bagi Muaz....terima kasih, mak." Ucap Muaz sambil bibirnya mencium tangan ibunya berulang kali. Air mata lelaki itu sekali lagi menitis. Walaupun Muaz dianggap sebagai sampah masyarakat namun lelaki itu jauh lebih mulia jika hendak dibandingkan dengan mereka yang menderhaka pada seorang wanita yang bernama 'ibu'. Muaz sangat menyayangi Maimon melebihi apapun. Rasa kasihnya itu tidak mungkin Maimon perolehi dari mana-manapun. Walau kuat manapun rajuknya Muaz, dia tetap akan pulang untuk menemui ibunya. Walau semarah manapun Muaz sebelum ini, dia akan tetap pulang ke rumah untuk melihat keadaan ibunya. Itulah Muhammad Muaz bin Ibrahim, anak kesayangan Maimon dari dulu sampai bila-bila. Tiada apa yang dapat memisahkan hubungan antara ibu dengan anaknya walau sejauh manapun mereka terpisah. Mungkin memiliki seorang anak yang berperangai seperti Muaz adalah suatu perkara yang memalukan namun tidak bagi Maimon. Walau seteruk manapun anak lelakinya itu, Muaz itulah orang yang selalu menjaga dirinya ketika dia terlantar sakit. Menjaganya tanpa mengenal erti jemu dan lelah. Itulah kebanggaan yang paling mahal buat seorang ibu.

Ayuni mula menyusun langkah untuk pulang ke rumah. Di hatinya kini sudah mula berbunga-bunga. Dia gembira kerana akhirnya dia telah diterima untuk bekerja di kilang itu. Walaupun gaji yang bakal dia perolehi nanti tidaklah sehebat mana namun itu semua sudah mencukupi buat dirinya untuk membeli keperluan dapur di rumah bagi mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh ayahnya. Pak Mail sudah terlalu tua. Seharusnya pada usianya sebegitu, Pak Mail sudah layak untuk bersara dan berehat di rumah, bukannya berhempas pulas untuk menyara anak bini yang sudah mampu mencari nafkah sendiri. Kadang kala Ayuni berasa bersalah kerana selama ini dia telah banyak menyusahkan ayahnya. Ayuni mempunyai hasrat untuk mengumpul wang. Dia ingin membawa ayahnya mengerjakan ibadah haji suatu hari nanti. Semoga Allah S.W.T mempermudah hasrat murninya ini.

Setelah agak lama berjalan kaki, mata Ayuni tiba-tiba terpanah pada seponon mangga yang berada tidak jauh dari tempat dia berdiri. Pohon mangga itu telah diwakafkan oleh wakil rakyat untuk semua penduduk kampung di situ. Sesiapa saja boleh mengutip buah mangga yang telah masak dari pohon itu. Ayuni meneguk liur. Sudah lama dia tidak memakan buah mangga maklumlah, harga buah mangga di pasar juga mahal. 1 kilogram pun sudah berbelas-belas ringgit, manalah Ayuni mampu. Wang saku yang diberikan oleh ayahnya pun cukup-

cukup untuk menampung keperluan barang dapur saja. Ayuni kemudian mengatur langkah, cuba untuk mendekati pohon mangga itu.

Dia melihat buah mangga itu sudah masak ranum. Ayuni cuba mengambil galah untuk mencapai buah mangga tersebut namun tiba-tiba dia terasa sepele ada sesuatu yang mematuk kakinya. Ia terasa amat pedih!. Ayuni menundukkan pandangannya ke bawah, cuba untuk melihat kakinya yang tercedera. Alangkah terkejutnya dia apabila melihat seekor ular tedung sedang membelit kakinya.

"Hishhhh!! apasal pulak ni?? aduhhh! kau buat hal pulak dah!!." Dengus Zafril lalu segera memberhentikan kenderaan yang dipandunya di bahu jalan. Dia segera keluar dari perut keretanya untuk memeriksa keadaan. Lelaki itu sekali lagi mengeluh apabila dia melihat tayar keretanya itu pancit. Mujurlah *tayar spare* masih ada tersimpan di bonet belakang.

"Ya Allah!! tolong!! tolonggggg!! tolonggggg!!." Jerit Ayuni sekuat hatinya.

"Ehhh dengar macam ada suara orang minta tolong." Detik hati kecil Zafril. Lelaki itu segera menoleh ke arah belakang dan cuba mencari dari mana arah suara itu datang. Tiba-tiba matanya terpanah ke arah satu susuk tubuh seorang gadis yang sedang berdiri kaku. Gadis itu kelihatan sangat lemah!.

"Shuhhhh!! shuhhhh! jangan gerak!." Ujar Zafril sambil memberikan isyarat kepada Ayuni agar tidak menggerakkan badannya. Ayuni mengangguk faham. Dia berlagak tenang seolah-olah tiada apapun yang berlaku walhal jantungnya saat ini terasa hendak luruh apabila berhadapan dengan maut seperti ini. Zafril mula mengambil ranting kayu yang berada di sekitar pohon mangga itu. Ranting itu digunakannya sebagai umpan untuk menarik perhatian ular tedung berbisa itu. Misinya berjaya apabila dia berhasil mengalihkan perhatian ular tedung itu. Ular tedung itu mula melepaskan lilitan kaki Ayuni dan menyusuri daun-daun untuk mengekori arah ranting kayu itu bergerak. Zafril kemudian mengambil sebiji batu besar yang berada di situ. Batu besar itu kemudian dihempapnya ke arah badan ular tedung itu berulang kali sehingga berdarah. Akhirnya ular tedung itu mati!. Zafril berasa lega apabila melihat keadaan itu.

Lelaki kacak itu kembali menoleh ke arah Ayuni yang nampaknya kelihatan sudah terlalu lemah. Gadis itu berasa pening dan longlai akhirnya dia rebah namun sebelum sempat tubuhnya itu menyentuh tanah, ia terlebih dahulu telah disambut oleh Zafril Adha. Kini Ayuni

berada di dalam pangkuan Zafril. Ayuni menatap wajah kacak yang sedang berada di hadapannya itu namun pandangannya semakin lama semakin kabur dan akhirnya terus lenyap. Gadis itu sudah tidak sedarkan diri!.

"Cik!! cik!! cik!!." Zafril cuba menyedarkan gadis itu dengan menggoncang-goncangkan tubuhnya berulang kali namun dia tidak menunjukkan sebarang tindak balas. Wajah Ayuni kelihatan sangat pucat seolah-olah telah kehilangan banyak darah!.

Zafril membaringkan tubuh Ayuni di atas tanah. Dia mula mencari sesuatu di dalam kocek seluar yang dipakainya. Tiada apa-apa kecuali dompet. Zafril kemudian berlari untuk menuju ke arah kereta miliknya yang tersadai di tepi jalan. Dia mencari sesuatu yang boleh dijadikan sebagai alat untuk mengeluarkan bisa ular tedung itu tadi. Dia yakin gadis itu telah dipatuk ular kerana ketika dia sampai ke sini tadi, ular itu telah melilit kaki Ayuni. Mujurlah terdapat sebilah pisau kecil yang terselit di balik tempat duduk pemandu. Laju saja tangannya mencapai pisau kecil itu. Dia kemudian se pantas kilat berlari ke arah gadis itu. Kulit gebu Ayuni ditorehnya sedikit lalu dia menghisap darah yang telah bercampur bisa lalu memuntahkannya kembali. Zafril melakukan perkara itu berulang kali bertujuan untuk mengeluarkan racun itu dari terus merebak ke dalam tubuh Ayuni. Setelah dia yakin bahawa tiada lagi bisa di dalam tubuh gadis itu, Zafril mula mendukung Ayuni untuk dibawa masuk ke dalam keretanya.

"Ayu ada kat mana ni?." Soal Ayuni sebaik saja dia tersedar dari lenanya.

"Ayu ada di klinik nak, tadi Ayu dipatuk ular tapi mujurlah ada Tuan Zafril! dia yang tolong hantarkan Ayu ke sini." Jawab Pak Mail jujur. Mata gadis itu mula melilau, cuba untuk mencari keberadaan lelaki tampan itu.

"Mana dia?? Ayu tak nampak sesiapa pun kat sini selain ayah." Soal Ayuni apabila dia menyedari dirinya hanya berdua-duaan dengan Pak Mail. Pak Mail yang mendengarkan pertanyaan itu terus menguntum senyuman di bibir.

"Dia dah balik." Jawab Pak Mail ringkas. Ayuni menundukkan pandangannya ke bawah. Jelas ada kecewa di riak wajahnya itu. Belum sempat dia mahu mengucapkan terima kasih kepada Zafril Adha, lelaki asing itu telah berlalu pergi meninggalkan dirinya.

"Habis tu siapa yang nak bayar bil klinik ni? mesti mahal kan?." Rungut Ayuni dengan riak wajah yang hiba.

"Oooo Tuan Zafril dah tolong bayarkan bil klinik ni tadi dan sekarang ni ayah nak bawa Ayu balik ke rumah sebab doktor pun dah benarkan Ayu untuk pulang cuma doktor ada pesan suruh Ayu banyakkkan berehat dan jangan buat kerja-kerja berat." Jelas Pak Mail kepada anak gadisnya. Ayuni hanya mengangguk faham. Dirinya juga terasa tidak betah jika harus berada lama-lama di sini. Ayuni mula menyusun langkah untuk keluar dari bilik pesakit itu. Mujurlah dia masih lagi boleh berjalan dalam keadaan yang normal dan tidak memerlukan sebarang pertolongan dalam bentuk tongkat ataupun kerusi roda. Jika tidak, ia sedikit sebanyak akan mengganggu pergerakannya sekaligus menyusahkan dia untuk melakukan sebarang kerja.

Setelah selesai menunaikan solat Isyak, Ayuni mula melangkah untuk masuk ke dalam bilik tidurnya bagi merehatkan diri. Punggungnya juga dilabuhkan di atas katil besi. Gadis itu sempat menjeling ke arah kakinya yang sedang berbalut. Balutan itu direnungnya agak lama. Satu senyuman kemudian mula terukir di wajahnya itu. Wajah lelaki kacukan Arab itu sentiasa terbayang-bayang di mindanya. Dia merasa cukup terhutang budi dengan lelaki itu. Jika Zafril tiada untuk menyelamatkannya tadi, dia sendiri tidak pasti sama ada hari ini dia boleh bernafas ataupun tidak. Entah mengapa, setiap kali dia berada dekat dengan lelaki itu, setiap kali itu jugalah hatinya ini akan berdebar-debar. Jantungnya pasti akan berdegup kencang dan nafasnya mula turun naik. Sebelum ini, dia tidak pernah merasakan itu semua. Adakah ini cinta?. Nurul Ayuni sendiri tidak pasti!. Adakah dia telah jatuh cinta?. Gadis itu menepuk dahinya sendiri. Dia tidak mahu berangan sejauh itu. Mana mungkin lelaki sekaya dan sekacak Zafril menginginkan dirinya yang cuma hanya seorang gadis kampung. Hodoh pulak tu!! Dirinya ibarat mentimun sedangkan Zafril pula umpama durian. Lelaki itu cukup sempurna di matanya.

Ayuni melemparkan pandangannya ke arah cermin. Dia memandangi wajahnya sendiri. Selendang yang masih lagi setia menutupi sebahagian wajahnya yang melecur itu mula dilepaskan. Tangannya menyentuh kesan terbakar itu. Sudah hampir 22 tahun dia terpaksa hidup dengan wajah hodoh seperti ini. Seharusnya dia cepat-cepat melupakan perasaannya terhadap Zafril Adha. Tidak mungkin lelaki itu mahukan dirinya yang tak ubah seperti 'hantu kubur' ini. Mungkin pertolongannya tadi adalah sekadar belas ehsan manusiawi.

Zafril mula merebahkan dirinya di atas tilam empuk. Matanya mula memandangi ke atas. Wajah cantik gadis itu mula menerjah masuk ke dalam benaknya. Sungguh ayu namun sayang seribu kali sayang, kesan terbakar di sebelah wajahnya telah membunuh segala kecantikan yang dia miliki. Tiba-tiba Zafril terus tersedar dari lamunannya. Dia tidak boleh mempunyai perasaan terhadap wanita lain kerana jodohnya telah ditetapkan sejak dari kecil lagi. Dia harus

berkahwin dengan Nurin Natasya, seorang model yang sangat terkenal. Menurut Mak Su Maria, Nurin Natasya adalah pilihan mamanya sendiri jadi mana mungkin Zafril sanggup mengecewakan hati ibunya. Dia tidak mungkin berpaling tadah!. Dia sanggup mengahwini sesiapa saja asalkan itu adalah dari pilihan hati ibunya, Datin Mariam. Begitu utuhnya rasa kasih dan sayang Zafril terhadap Datin Mariam. Rasa sayang yang tiada berbelah bagi!.

BAB 5

"Ehhh Lisa!! awal kau bangun hari ni! selalunya sampai nak pecah anak tekak aku ni menjerit semata-mata nak kejutkan kau!" Bebel Maimon kepada anak gadisnya. Alisa yang mendengarkan kata-kata itu terus mencebik bibir.

"Hishhh mak ni! serba tak kenalah! Lisa bangun awal salah! Lisa bangun lewat salah! kang nanti Lisa terus tak bangun-bangun baru padan dengan muka mak tu!." Bidas Alisa pula.

"Hishhh budak ni! bukan main lagi kau ye! dah pandai nak mengugut aku pulak!! nanti aku hempuk mulut kau dengan lesung batu ni baru kau tahu! eh dahlah! makanlah cepat nanti terlambat pulak kau nak masuk kerja." Marah Maimon kepada Alisa.

Gadis itu hanya merenung saja mee goreng yang dimasak oleh Ayuni.

"Mak, pompuan sial tu mana?" Tanya Alisa kepada ibunya.

"Hummm dia pagi-pagi lagi dah pergi kerja! bukan macam kau! tengah hari buta baru nak bangun! nasib si Zafril tu baik, kalau aku hummm jangan haraplah! pekerja yang pemalas macam kau ni dah lama aku buang tau! ada kat kilang pun buat semak je!! eh Lisa, cubalah kau ubah sikit perangai kau tu! hidup ni janganlah jadi pemalas! kat luar sana tu berlambak-lambak orang berebut nak dapatkan kerja tapi kau, kerja dah ada pun buat macam acuh tak acuh je! sambil lewa je!! jangan sampai nanti si Zafril tu pecat kau dari kilang tu! hah masa tu kau menangislah air mata darah sekalipun, mak tak nak tolong! biar padan dengan muka kau tu!" Bebel Maimon yang berang dengan sikap anak gadisnya itu. Apa dia ingat kilang Mariam Golden itu kilang bapak dia kah?. Dahlah semalam dia balik awal. Sepatutnya waktu kerja tamat pada pukul 6.00 petang tapi ini baru pukul 12.00 tengah hari dia dah tercongok depan pintu rumah. Memang anginlah Maimon apatah lagi episod asmaradana dia bersama Salleh terbantut gara-gara kemunculan Alisa yang datang secara mengejut. Nasib baik dia bijak mengawal keadaan. Jika nak diharapkan si Salleh tu, memang pecahlah temberang mereka berdua selama ini.

"Ehh mak ni! tetiba pulak nak sebelahkan pompuan sial tu dah kenapa? sekarang ni siapa anak mak?? Lisa ke dia? lagi satu, hari ini Lisa bangun awal eh!! mak tak kejutkan pun Lisa dah terpacak kat depan mak ni! hishhhh dahlah! malaslah Lisa nak bertekak dengan mak! daripada telinga Lisa ni bernanah sebab dengar mak membebel pagi-pagi buta macam ni, lebih

baik Lisa pergi kerja! jumpa buah hati Lisa lagi bagus daripada hadap muka mak yang dah berkedut-kedut ni! erghhh!!." Rungut Alisa lalu tangannya pantas mencapai beg galasnya yang berada di hujung pintu.

"Ehhh aku bukan nak sebelahkan dia! kau tu anak aku, sebab itulah aku tegur!! aku nak kau ubah perangai pemalas kau tu! itupun kau nak sentap?? kalau ye pun kau tu dah gatal sangat nak jumpa dengan Zafri, makanlah dulu! kenapa tak habiskan sarapan kau ni?? makan dulu buat alas perut barulah kau ada tenaga sikit nak membungkus kotak-kotak tu nanti!" Pinta Maimon kepada Alisa. Gadis itu hanya menggeleng-gelengkan kepalanya. Namun sebelum sempat dia berlalu pergi, dia teringat akan sesuatu yang mahu dia tanyakan kepada Maimon. Langkah kakinya laju saja terhenti. Alisa kembali menoleh ke arah ibunya.

"Mak, hari ni mak tengok Lisa cantik tak?." Tanya Alisa dengan riak wajah yang kelihatan begitu teruja, cuba untuk memohon pujian dari wanita itu.

Maimon memandang anaknya itu dari segenap ruang yang ada bermula dari pandangan atas sehingga ke bawah. Bola matanya juga turun naik.

"Cantik apa kebendanya?? *make-up* tebal sampai 14 inci! tu berapa banyak bedak yang kau taruk kat muka tu hah?? aku tengok dah macam opera cina tau tak! tangan hitam muka putih melepak!! kau nak jadi macam beruang panda ke Lisa?? gelap separuh putih separuh!." Bidas Maimon, mengkritik penampilan terbaru anak gadisnya itu yang kelihatan terlalu *over*.

"Alahhh mak ni, kan *make-up* ni semua mak jugak yang tolong belikan! Lisa pakai jelah lagipun Lisa tahu mak tu sebenarnya dengki dengan kecantikan Lisa sebab itulah mak kutuk Lisa macam-macam!! tak payahlah mak nak salahkan *make-up* ni pulak! Lisa suruh mak melawa, mak tak nak!! kalau tak dah lama mak jadi cantik macam Lisa ni!! hummmm dahlah mak, Lisa dah lambat ni! malas nak bertekak dengan mak ni, buat menyakitkan hati je!." Dengus Alisa dengan bibirnya yang sengaja dimuncungkan ke depan.

Gadis perasan lawa itu mula menuruni anak tangga untuk menuju ke kilang Mariam Golden. Maimon yang melihat keadaan itu hanya terdiam. Dia menggeleng-gelengkan kepalanya, mengeluh dengan sikap anak gadisnya itu. Adakah ini salah ibu mengandung? atau salah anaknya sendiri?. Sungguh Maimon tidak mengerti!. Ditegur untuk kebaikan pun disalah ertikan sebagai 'dengki'.

"Takkanlah aku nak dengki dengan anak sendiri, Lisa....Lisa...." Rungut Maimon di dalam hati.

Langkah kaki Alisa mula diatur. Mata-mata yang berada di kilang itu semuanya mula dialihkan ke arah Alisa. Mereka memerhatikan setiap gerak geri Alisa. Ada yang cuba menahan gelak, ada juga yang terkebil-kebil ketika memandang ke arahnya. Lenggoknya diteruskan lagi tak ubah seperti seorang model yang sedang melakukan *cat walk* di acara *fashion show*.

Bibir tebalnya itu ditambah lagi dengan calitan gincu berona merah pekat. Alisa dari tadi lagi sibuk membelek-belek wajahnya sendiri di depan cermin bedak jenama Pixy.

"Woww cantiknya aku!! hummmm sekali imbas aku tengok muka aku ni macam ada iras-iras Lisa Blackpink pulak! nama dahlah sama! Lisa...Lisa...Lisa! hahahaha tak sangka muka pun sama! macam kembarlah pulak rasanya." Tutur Alisa sendirian di depan cermin, memuji diri sendiri. Memang dasar syok sendirilah minah ni!

"Hai Lisa! waahh kau nampak lainlah hari ni." Tegur salah seorang pekerja di situ yang dikenali sebagai Aiman.

"Memanglah! kau baru sedar ke?? selama ni takkanlah kau tak perasan yang aku ni gadis paling lawa kat sini? hummm sebelum kau datang jumpa aku ni pun, aku dah tahu sangatlah apa niat kau yang sebenarnya! kau nak nombor telefon aku kan? huhhh hentikanlah angan-angan jenin kau tu sebab kau takkan dapat semua tu dari gadis cantik macam aku ni jadi sebelum kau nak menapak ke peringkat yang lebih tinggi lagi lebih baik kau hentikanlah saja nawaitu kau tu sebab orang sengkek macam kau ni tak layak langsung nak berdampingan dengan aku tau! hanya insan yang terpilih macam Tuan Zafril tu je yang layak untuk menghalalkan aku!" Sindir Alisa tiba-tiba sedangkan lelaki itu hanya mahu menegurnya saja dan bukannya mahu mengurat. Aiman yang mendengarkan kata-kata itu terus menjuih bibirnya, menyampah dengan kata-kata dari gadis perasan seperti Nurul Alisa.

"Ehh Lisa! kalau kau nak bagi *free* pun aku tak naklah! aku rasa kau ni dah terlebih air ketum agaknya! aku datang ni cuma nak sapa menyapa je bukannya nak mengurat kau apatah lagi nak buat bini! huh Lisa! Lisa! kau ingat muka kau tu lawa sangat ke?? beruk kat sebelah rumah aku tu lagi lawalah kalau nak dibandingkan dengan muka kau ni! dahlah kening tebal macam Shin Chan, hidung pesek macam jambu air! besar pulak tu!! kau ingat bibir kau yang tebal tu seksi macam Angelina Jolie ke?? ehh itu bukan seksi tau! itu seksa namanya! seksa mata aku ni tengok bibir kau yang tebal tu! aku ingatkan muka kau je yang hodoh tapi rupanya perangai kau ni lagi hodoh dari muka kau! ehhd daripada aku melayan minah mental

macam kau ni lebih baik aku pergi sambung buat kerja! lagi bagus!" Bidas Aiman sebelum beredar pergi meninggalkan Alisa.

"Elehhh sentap! sakit hatilah tu sebab aku tak nak layan dia! puihhh!" Bebel Alisa di dalam hati.

"Amboi nampak sedap je air kopi tu, kau buatkan untuk aku ke?"Tegur Maisarah. Ayuni hanya tersenyum nipis apabila dirinya disapa sebegitu.

"Tak adalah bukan untuk kau tapi untuk Tuan Zafril." Jawab Ayuni jujur.

"Ehhh hah kau nak mengurat dia ehh?" Usik Maisarah lagi sambil mengangkat sebelah keningnya.

"Tak adalah! hishhh kau ni, aku buatkan air kopi ni untuk Tuan Zafril sebagai ucapan terima kasih sebab dia dah tolong selamatkan nyawa aku." Jelas Ayuni sambil tangannya masih lagi setia mengacau minuman tersebut.

"Ehhh selamatkan nyawa kau? kenapa?? kau tak beritahu apa-apapun pada aku." Maisarah kelihatan agak resah selepas mendengar ayat 'selamatkan nyawa aku' yang terpancul keluar dari bibir rakannya itu.

"Yelah, kau tak nampak ke kaki aku yang berbalut ni? semalam aku kena patuk ular tapi nasib baiklah ada Tuan Zafril, dia yang selamatkan nyawa aku dan dia jugak yang tolong hantarkan aku ke klinik! hummm kalau dia tak ada semalam, aku sendiri pun tak tahulah sama ada hari ni aku masih boleh hidup lagi ke tak." Jelas Ayuni, menyatakan perkara sebenar.

"Patuk ular? Ya Allah! Ayu! kalau kau dah tahu yang kau sakit kenapa kau nak datang kerja jugak hari ni? kenapa tak ambil MC je?? berehat je kat rumah sampai kau betul-betul sembuh hah lepas kau dah sihat nanti barulah kau datang kerja." Ujar Maisarah yang kelihatan agak risau dengan keadaan Ayuni. Memanglah sebelum ini dia bermusuh dengan Alisa namun itu semua tidak membataskan dia untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan Ayuni walaupun dia sangat membenci adik rakannya itu. Tingkah laku dan akhlak yang dimiliki oleh mereka berdua sangat jauh berbeza. Nama saja adik beradik tapi perangai mereka berdua ibarat langit dan bumi. Maklumlah mungkin kerana berlainan ibu, sedikit sebanyak perangai si ibu akan diwariskan kepada si anak. Jika dilihat susur galur keperibadian arwah Azizah dan

Maimon, memang padanlah mengapa Ayuni dan Alisa memiliki personaliti dan karakter yang berbeza meskipun mereka berdua terlahir dari benih yang sama.

"Humm tak ada apalah, aku okey je.... hummm okeylah, aku nak pergi hantarkan kopi ni jap." Tutur Ayuni, meminta diri untuk beredar pergi dari situ. Maisarah hanya mengangguk faham.

TUK!! TUK!! TUK!! Bunyi ketukan pintu dari arah luar. Ayuni tertelan liur payau apabila matanya merenung tepat ke arah sekeping papan tanda yang tergantung di pintu kayu jati, ia tertera nama Syed Zafril Adha bin Datuk Syed Muzaffar, Pengarah Urusan (C.E.O) Mariam Golden Sdn. Bhd. Ayuni mencuba sekali lagi apabila ketukannya pada kali pertama tadi tidak disahut oleh sesiapa.

TUK!! TUK!! TUK!! Ayuni mengetuk sekali lagi dan kali ini masih tiada sebarang respon yang diberikan. Ayuni merenung kembali ke arah secawan kopi yang dibawanya. Dia memberanikan diri saja untuk melangkah masuk ke dalam bilik pejabat lelaki itu apabila menyedari ia tidak berkunci. Ayuni menguak daun pintu itu dengan perlahan, matanya sekali lagi melilau memandang kiri dan kanan, cuba untuk meninjau keadaan sebenar. Ternyata tiada sesiapa!. Ayuni mengambil keputusan untuk meletakkan saja minuman bikinannya itu di atas meja dengan harapan lelaki itu akan meminumnya selepas dia pulang nanti.

Ayuni meletakkan secawan kopi panas di atas meja pejabat milik Zafril Adha. Setelah itu, wanita itu segera membelakangkan badannya untuk beredar pergi dari situ namun sebaik saja dia melakukan hal itu, tubuhnya telah bertembung dengan Zafril yang dari tadi lagi berdiri di belakangnya. Mata mereka berdua saling bertentangan. Ayuni terkedu. Tubuhnya terasa dingin apabila melihat gerakan lelaki itu. Hatinya terasa semakin berdebar-debar dan nafasnya juga mula turun naik. Bau *perfume* yang melekat di badan tegap Zafril membuatkan Ayuni menjadi makin tidak keruan.

"Awak buat apa dalam pejabat saya ni?." Soal Zafril kerana ingin tahu.

"Errrr saya hantarkan air kopi untuk tuan sebagai ucapan terima kasih kerana tuan dah selamatkan nyawa saya semalam." Jawab Ayuni dengan nada suara yang gugup.

"Oooo tak ada apalah lagipun saya tolong awak ikhlas dan lagi satu, saya nak minta maaf dengan awak pasal kejadian tempoh hari." Tutur Zafril.

"Kejadian tempoh hari?." Soal Ayuni kembali kerana dia masih kurang mengerti.

"Takkan awak dah lupa? saya nak minta maaf dengan awak sebab saya dah terpeluk awak dan panggil awak dengan panggilan mama, saya minta maaf tapi saya memang betul-betul tak sengaja dan sekali lagi saya nak minta maaf sebab saya berkasar dengan awak hari tu." Jelas Zafril sambil menguntum senyuman kecil.

Ayuni ketawa kecil saat mendengar ucapan maaf dari lelaki itu.

"Kenapa awak ketawa?." Soal Zafril dengan dahinya yang berkerut. Ayuni hanya menggeleng-gelengkan kepalanya sambil tersenyum nipis. Zafril juga tersengih saat melihat reaksi dari gadis itu. Mata sepetnya itu mula merenung ke arah secawan kopi panas yang terhidang untuknya di atas meja. Memanglah sebelah ayahnya berketurunan syed mempunyai darah campuran Arab namun sebelah ibunya, Datin Mariam pula mempunyai darah campuran Cina kerana nenek Datin Mariam dulu adalah seorang Cina Mualaf menyebabkan Zafril mewarisi genetik 'mata sepet' berhidung mancung dan bibir yang nipis. Sungguh kacak dan tampan sehingga membuatkan Ayuni terbuai sejenak dalam keasyikan itu.

Laju saja tangan Zafril mencapai secawan kopi panas itu lalu menghirupnya dengan perlahan.

"Hummm sedap." Puji Zafril. Ayuni sekali lagi tersenyum.

"Hummm kalau tak ada apa-apa, saya minta diri dulu." Ujar Ayuni, memohon untuk beredar pergi dari situ. Namun sebelum sempat Ayuni menghabiskan langkahnya, tangan lembutnya itu dirangkul oleh Zafril dari arah belakang.

"Nanti dulu!." Pinta Zafril tiba-tiba.

Ayuni berasa agak kaget dengan keadaan itu lantas dia pantas memalingkan wajahnya ke arah Zafril sehingga menyebabkan selendang yang menutupi sebahagian wajahnya yang melecur itu terlerai. Ayuni berasa malu dengan keadaan itu. Dia terus menarik tangannya yang dirangkul oleh Zafril lalu mula mengutip kembali selendangnya yang terjatuh di atas lantai. Laju saja tangannya menutup wajahnya dengan selendang itu.

Zafril Adha merenung setiap tingkah laku gadis itu dengan pandangan yang cukup sayu. Lelaki itu kemudian merapati tubuh Ayuni yang hanya berada di paras bahunya.

Tangannya menyelak sedikit selendang putih yang menutupi sebahagian wajah gadis itu. Ayuni cuba menepis kerana malu namun Zafril tetap berkeras mahu menatap keseluruhan wajahnya yang begitu mengerikan. Lelaki itu menyentuh kesan lecur itu.

"Jangan tuan!." Tepis Ayuni kerana malu.

"Kenapa?." Soal Zafril pula.

"Saya malu." Jawab Ayuni jujur.

"Awak tak perlu malu dengan saya." Jawab Zafril pula.

"Tuan tak takut ke?." Soal Ayuni lagi.

"Kenapa saya perlu takut?." Soalan berbalas soalan.

"Kan wajah saya ni hodoh! buruk macam hantu! tuan tak takut ke?." Tanya Ayuni sekali lagi.

"Tak! saya tak takut." Jawab Zafril jujur.

"Kenapa?." Tanya Ayuni lagi kerana ingin tahu.

" Kerana bagi saya, awak terlalu cantik jadi tak perlulah awak rasa malu dengan wajah yang cantik seperti ini." Balas Zafril dengan hati yang tulus. Ayuni pula hanya mampu terdiam seribu bahasa.

"Errr boleh tak kalau saya nak minta sesuatu?." Pinta Zafril lagi. Ayuni hanya mengangguk tanpa sepetah bicara namun mata bundarnya itu masih lagi merenung ke arah mata lelaki itu.

" Saya nak awak buatkan saya kopi macam ni setiap pagi sebelum saya masuk pejabat, boleh?." Pinta Zafril kepada gadis itu. Ayuni hanya tersengih sebelum kembali menyambung bicara.

"Boleh." Jawab Ayuni ringkas. Gadis itu kemudian mengatur langkah untuk berlalu pergi meninggalkan bilik pejabat majikannya itu. Mata Zafril masih lagi setia mengekori jejak gadis itu. Semakin lama pandangannya kelihatan semakin kabur dan akhirnya terus lenyap. Zafril menyentuh dadanya yang terselindung di balik baju kemeja berwarna putih. Dada bidangnya

itu terasa berdebar-debar. Belum pernah dia merasakan perasan seperti ini dengan mana-mana wanita kecuali tadi. Adakah dia telah jatuh cinta?. Jatuh cinta pandang pertama?. Zafril menggeleng-gelengkan kepalanya sambil tersenyum sendiri.

"Ehhh Ayu! hari ni aku balik lewat sikit tau! nanti kau tak payahlah nak tunggu aku! kalau kau nak balik tu, kau balik je terus!" Ujar Alisa kepada kakaknya.

"Lisa nak pergi mana?" Soal Ayuni kerana ingin tahu.

"Hishhhh kau ni memang tak faham bahasa kan?? banyak tanya pulak!! suka hati akulah nak pergi mana pun! kau tak payah nak campur urusan aku! kau jaga je diri kau tu! jangan nak menyibuk hal aku!" Tengking Alisa kepada kakaknya sebelum beredar.

Jam di tangannya telah menunjukkan hampir pukul 6.50 petang namun kelibat Zafril masih lagi belum kelihatan. Alisa gelisah. Dari tadi lagi dia berada dalam kepanasan kerana memakai jaket tebal yang menutupi sebahagian bajunya yang tidak berlegan itu.

"Hishhhhhh!! lambat lagi ke mamat ni??!!" Dengus Alisa sendirian.

15 minit kemudian, kelihatan sebuah kenderaan mewah jenama BMW X6 model terbaru mula berhenti di tempat letak kereta yang disediakan khas untuknya. Zafril mula keluar dari perut kereta itu. Lelaki itu memakai kaca mata hitam dengan rambutnya yang terpacak, lengan kemeja pula disisihnya sehingga ke siku dan dihiasi pula jam tangan jenama mewah manakala dua butang baju kemeja di bahagian teratas dibiarkan saja terbuka sehingga mendedahkan sebahagian dadanya yang sasa. Kerajinannya untuk bersenam di gimnasium pada setiap hujung minggu membolehkan dia memiliki bentuk badan yang seksi persis pelakon Zul Arifin. Ini menambahkan lagi kegilaan Alisa terhadap dirinya.

"Eeeeeee hensemnyerrrr!! memang bertuahlah kau Lisa sebab dapat bakal suami yang 'helok' macam ni!! dahlah kaya, hensem pulak tu! mesti nanti anak-anak aku comel sebab ikut muka Zafril." Bisik Alisa di dalam hati.

Lelaki itu mula membuka langkahnya untuk menuju masuk ke dalam kilang namun sebelum sempat dia menghabiskan langkahnya, Alisa terlebih dahulu datang menerpa ke arah dirinya.

"Ehhh aku rasa aku macam pernah tengok kau sebelum ni! kau buat apa kat sini? kenapa tak balik lagi?." Soal Zafril dengan riak wajah yang berkerut. Alisa yang mendengarkan pertanyaan itu hanya tersengih-sengih sambil cuba mencari alasan di dalam benaknya. Dia tidak mahu jika lelaki kacak di hadapannya ini mula curiga dengan dirinya. Dia tidak mahu lelaki itu tahu bahawa semua ini telah dirancang sejak dari awal lagi.

"Emmm sebenarnya saya tertinggal bas, rumah saya jauhlah tuan dan sekarang ni saya tak tahulah kalau ada lagi ke tak bas yang nak lalu kawasan ni." Balas Alisa dengan riak wajah sedih yang penuh kepura-puraan.

Zafril mengeluh kecil.

"Hummm ni dah sah-sah memang aku jugaklah yang nak kena menghantarnya." Bisik hati kecil Zafril.

"Hummm tak apalah, kalau macam tu jomlah aku tolong hantarkan." Pelawa Zafril dalam nada keterpaksaan.

"Ehhh tak apalah tuan sebab saya bukan apa, saya sebenarnya tak nak menyusahkan tuan! saya boleh balik sendiri, kejap lagi adalah bas tu....hehehe." Jawab Alisa mengada-ngada.

"Tak bolehlah macam tu, kau kan pekerja aku! dah jadi tanggungjawab aku untuk pastikan kau selamat lagipun kalau terjadi apa-apa pada kau macam mana? kau tu dahlah perempuan, bahaya balik sorang-sorang waktu senja macam ni." Jelas Zafril.

"Ehh tak payahlah tuan, saya ni sebenarnya bukan apa tuan, saya kurang selesalah kalau ada lelaki yang saya tak berapa kenal nak hantarkan saya pulang sebab saya tak biasa! maklumlah, saya ni kan memang dah dibesarkan dengan ajaran agama yang cukup sejak dari kecil lagi dan kalau kita berdua-duaan, pasti akan ada yang 'ketiga' dan yang 'ketiga' itu adalah syaitan! hah tak ke bahaya tu? saya ni bukannya apa tuan, saya ni cuma hanya nak memelihara maruah diri dan kehormatan saya sebagai salah seorang perempuan melayu terakhir yang masih wujud dalam dunia ni atau dalam bahasa ringkasnya, susah nak jumpa dengan perempuan sebaik dan sesuci saya ni, ibarat satu dalam sejuta!" Jelas Alisa yang mula melontarkan dialognya yang melalut agar dipandang mulia oleh lelaki itu.

Zafril yang mendengarkan kata-kata itu mula menjongketkan keningnya seolah-olah tidak percaya dengan apa yang terlihat oleh pandangan mata kasarnya. Kata-kata tidak selari dengan apa yang ditonjolkan. Dia mula memerhatikan tubuh gadis yang berdiri di hadapannya ini bermula dari pandangan atas sehingga ke bawah. Turun naik bola matanya memerhatikan Alisa.

"Ajaran agama sejak dari kecil? tudung pun tak pakai! rambut *blonde* berkarat macam tak mandi setahun! kain singkat sampai ke paras lutut! *make-up* tebal macam badut sarkas! macam ni dia boleh cakap dapat didikan agama sejak dari kecil? huh perempuan melayu terakhirlah sangat!." Kutuk Zafril di dalam hati.

Alisa perasan yang dirinya kini sedang menjadi buruan mata Zafril.

"Ehhh tuan, saya tahulah tuan sebenarnya dah lama syok dengan saya! kalau ye pun tuan dah jatuh cinta dengan saya, tak payahlah tenung saya lama-lama macam tu takut nanti tak lena pulak tidur tuan malam ni! maklumlah saya ni kan cantik, manis orangnya! sedap mata memandang pulak tu." Sambung Alisa yang tiba-tiba saja mengangkat bakul sendiri.

"Humm baiklah kalau kau dah cakap macam tu, terpulanglah! aku balik dulu! aku singgah ni pun sebab nak ambil barang je." Balas Zafril spontan.

"Alamak! macam mana ni?? tak boleh jadi ni!!." Teriak Alisa di dalam hati. Dia kemudian berpura-pura pengsan sebelum sempat lelaki itu beredar pergi.

"Ehhh cik!! cik!! cik!! aduhai!! boleh pulak minah ni pengsan kat sini!." Rungut Zafril sambil tangannya cuba menggerak-gerakkan tubuh Alisa namun masih tiada sebarang tindak balas. Akhirnya Zafril mengambil keputusan drastik dengan mendukung tubuh gadis itu untuk dibawa masuk ke dalam bilik pejabatnya. Alisa yang berpura-pura pengsan itu ketawa terbahak-bahak di dalam hati. Nampaknya rancangannya ini telah membuahkan hasil!.

Zafril mula meletakkan Alisa di atas sofa. Sekujur tubuh yang terbaring itu hanya diperhatikan saja tanpa disentuh. Zafril kemudian merenung tepat ke arah jam tangan jenama Rolex yang berada di pergelangan tangannya, ia telah menunjukkan hampir pukul 7.30 malam. Begitu pantas masa berlalu. Zafril kemudian mula mencapai sejadah yang berada di ruang solat lalu dihamparkannya menuju ke arah kiblat. Lelaki itu melangkah masuk ke dalam tandas. Dia mahu mengambil wuduk dan menunaikan solat Maghrib.

Setelah selesai menunaikan solat, Zafril mula mencapai beberapa dokumen yang dimahunya. Tiba-tiba dia terasa seolah-olah ada sesuatu yang asing sedang merangkul pinggangnya dari arah belakang. Pelukan itu semakin lama semakin erat dan terasa kehangatannya. Zafril segera menoleh dan ternyata itu adalah Alisa yang terlebih dahulu telah menanggalkan jaket tebal yang dipakainya tadi. Kini gadis itu hanya memakai dress singkat berwarna merah yang tidak berlengan sehingga menampakkan ketiak masamnya itu. Dada bidang milik Zafril dirabanya dengan penuh rakus. Entah ke mana hilangnya kewarasan akal fikiran Alisa sehingga dia sudah tidak mempunyai sedikit pun rasa malu untuk berkelakuan sebegitu terhadap lelaki yang bukan suaminya.

"Ehhh kau buat apa ni?." Marah Zafril lalu menolak tubuh kecil gadis itu. Namun Alisa tetap berkeras mahu memeluk tubuh sadonya itu.

"Lisa tahu yang abang pun sukakan semua ni kan?? kenapa abang perlu menolak Lisa? Lisa rela abang! Lisa rela!" Goda Alisa lalu cuba untuk mencium pipi lelaki itu namun sempat ditepis kasar oleh Zafril.

"Kau dah gila ke hah?? kau tak tahu malu ke? sekarang ni aku nak kau keluar dari sini!! keluar!!." Tengking Zafril ke arah gadis itu. Kali ini Alisa benar-benar mencabar kesabarannya.

"Alaaa abang, bukan ada sesiapa pun kat sini! hanya kita berdua je lagipun Lisa tahu mana ada lelaki yang sanggup tolak perempuan kan? abang pun tak terkecuali lagipun abang tak perlu malu! Lisa dah biasa dengan semua ni! abang tunggu je, biar Lisa yang buat 'kerja'." Pujuk Alisa tak ubah seperti seorang perempuan jalang. Tahap kesabaran Zafril nampaknya benar-benar dicabar oleh gadis itu. Satu tamparan hebat mula menerjah ke arah pipi Alisa sehingga membuatkan gadis itu terdiam dan tergamam. Dia tidak menyangka dirinya akan menerima layanan seteruk ini dari lelaki itu.

"Lebih baik kau keluar dari sini sebelum aku sendiri yang heret kau pergi dari sini!! aku harap ini adalah kali terakhir kau berkelakuan tak senonoh macam ni! kalau tidak, aku akan pastikan yang kau tak akan bekerja lagi di kilang ni!! keluar!!." Herdik Zafril Adha.

Gadis itu mengetap bibir. Jaket yang tersangkut di bucu meja pejabat mula direntapnya kasar. Dia melangkah dan berlari sekuat hatinya meninggalkan Zafril sendirian di situ. Wajah berang lelaki itu masih lagi kelihatan. Sungguh dia tidak menyangka Alisa semurah itu!. Begitu senang